

TEMA 1 : ISLAM SEBAGAI AL-DIN

PELAJARAN 1 : ISLAM ADALAH CARA HIDUP

1.1.1 : MAKSUD ISLAM SEBAGAI AL-DIN

1.1 Jelaskan maksud Islam sebagai al-Din.

Maksud Islam sebagai al-Din.

Islam adalah satu cara hidup yang lengkap merangkumi akidah, ibadah dan akhlak.

1.2 Nyatakan enam ciri Islam sebagai al-Din.

Enam ciri Islam sebagai al-Din.

1. Ajarannya bersifat rabaniyyah iaitu datangnya daripada Allah SWT melalui al-Quran dan al-Hadis.
2. Ajarannya bersifat syumuliyyah iaitu merangkumi setiap sudut
3. Kehidupan manusia samada dari sudut akidah, ibadat, sosial dan politik.
4. Ajarannya bersifat alamiyyah iaitu sesuai dengan fitrah semulajadi manusia tanpa mengira tempat, masa dan zaman.
5. Ajarannya bersifat waqiiyyah iaitu sesuai dengan fitrah semulajadi manusia tanpa mengira bangsa, warna kulit dan keturunan.
6. Bersifat thabat iaitu prinsip dan hukum asalnya kekal dan tidak berubah sehingga ke hari kiamat.

Nyatakan tiga sebab manusia memerlukan agama dalam kehidupan .

1.3 **Tiga sebab manusia memerlukan agama dalam kehidupan.**

1. Fitrah semulajadi manusia yang mempunyai kepercayaan kepada sesuatu kuasa yang Maha Agung.
2. Hanya kepercayaan kepada agama menjadikan kehidupaan manusia lebih sempurna dan selamat.
3. Kehidupan beragama menjadikan manusia sentiasa menjauhkan diri daripada perkara negetif dalam kehidupan sehari-hari

1.4 **Jelaskan tiga sebab manusia memerlukan Islam sebagai satu cara hidup yang sempurna.**

Tiga sebab manusia memerlukan Islam sebagai satu cara hidup yang sempurna.

1. Untuk memandu manusia kearah hidup yang diredayai oleh Allah SWT.
2. Cara hidup Islam merupakan jalan untuk mendapat kebahagiaan hidup di dunia dan akhirat.
3. Islam menjadi asas tatacara perhubungan manusia untuk mencapai keharmonian hidup bermasyarakat.

1.5 Nyatakan ciri keistimewaan ajaran Islam.

Ciri keistimewaan ajaran Islam.

1. Ajarannya adalah datangnya daripada Allah SWT melalui al-Quran dan al-Hadis bukannya ciptaan manusia.
2. Ajarannya adalah lengkap dan sempurna yang merangkumi semua aspek kehidupan manusia samada di dunia dan akhirat.
3. Ajarannya adalah sesuai dengan fitrah kejadian manusia tanpa mengira darjah dan keturunan.
4. Ajarannya adalah kekal dan tidak menerima perubahan sehingga ke hari kiamat kerana dijaga oleh Allah SWT.
5. Mempunyai kitab suci al-Quran sebagai panduan dan sumber hukum dalam Islam.

1.6 Nyatakan dalil al-Quran bahawa Islam adalah al-Din

Dalil al-Quran bahawa Islam adalah al-Din

إِنَّ الَّذِينَ عِنْدَ اللَّهِ أَلْسُنَمُ

Maksudnya : “ Sesungguhnya agama disisi Allah SWT ialah Islam ”....
(Surah Ali ‘Imran 3:19)

1.7 Agama yang dianuti oleh manusia terbahagia kepada dua. Jelaskan jenis agama tersebut.

Jenis agama manusia.

1. Agama samawi / langit iaitu agama yang diturunkan oleh Allah SWT kepada manusia melalui perantaraan para rasul contohnya agama Islam.
2. Agama wadei / budaya iaitu agama yang diciptakan oleh manusia melalui hasil pemikiran mereka sendiri contohnya agama Buddha, Hindu dan fahaman Liberalisme.

1.8 Nyatakan ciri agama langit.

Ciri agama langit.

1. Mempunyai kitab suci yang datangnya daripada Allah SWT.
2. Mempunyai nabi dan rasul yang membawa agama tersebut.
3. Sesuai untuk semua manusia tanpa mengira pangkat dan keturunan

1.9 Terangkan tiga cara beriman dengan agama langit (samawi)

Cara beriman dengan agama langit (samawi)

1. Mengerjakan segala perintah Allah SWT seperti bersolat lima waktu
2. Meninggalkan segala perkara yang dilarang oleh Allah SWT seperti mencuri
3. Berjihad dengan nyawa, harta benda dan fikiran untuk membela Islam

1.10 Berikan bukti bahawa Islam adalah agama samawi

Bukti bahawa Islam adalah agama samawi :

1. Ajaran Islam sesuai dengan fitrah semulajadi manusia.
2. Islam datangnya daripada Allah SWT
3. Agama Islam bersifat syumul, universal serta tidak terhad kepada sesuatu bangsa dan kaum tertentu.
4. Ajaran Islam merangkumi setiap aspek kehidupan manusia seperti, politik, ekonomi, sosial dan sebagainya.
5. Mempunyai kitab suci (wahyu) yang datangnya daripada Allah SWT

1.11. Nyatakan ciri agama budaya.

Ciri agama budaya.

1. Ajarannya berdasarkan pemahaman pengasas ajaran tersebut.
2. Pengasas ajaran ini adalah terdiri daripada manusia biasa.
3. Bertentangan dengan fitrah semulajadi manusia.

1.12 Nyatakan dua perbezaan antara agama Islam dengan agama budaya

Perbezaan antara agama Islam dengan agama budaya

Bil	Agama Islam	Agama Budaya
1.	Diturunkan oleh Allah SWT kepada nabi dan rasul	Hasil pemikiran seseorang
2.	Lengkap dan menyeluruh	Ajarannya hanya merangkumi bahagian tertentu sahaja
3.	Sesuai dengan fitrah manusia	Bercanggah dengan fitrah manusia

1.13 Nyatakan tiga bukti Islam adalah satu cara hidup yang sempurna.

Tiga bukti Islam adalah satu cara hidup yang sempurna.

1. Ajaran Islam adalah bersifat praktikal kerana sesuai dengan naluri semulajadi manusia.
2. Islam sesuai dengan fitrah dan kemampuan manusia kerana menekankan kesederhanaan dalam kehidupan.
3. Ajarannya mampu menyelesaikan masalah manusia kerana mempunyai al-Quran dan hadis sebagai rujukan.

- 1.14** Terangkan hujjah bahawa Islam adalah agama yang praktikal dan boleh diamalkan oleh semua manusia (al-Din) dalam bidang berikut :
- Ekonomi.
 - Sosial.
 - Akidah.
 - Ibadah.

Hujjah bahawa Islam adalah agama yang praktikal dan boleh diamalkan oleh semua manusia (al-Din) dalam bidang berikut.

1. Ekonomi : Islam menyediakan pelbagai peraturan dan sistem dalam menguruskan ekonomi seperti sistem muamalat dengan mengharamkan riba dan mengharuskan jual beli.
2. Sosial : Islam menyediakan peraturan dalam mengatur perhubungan antara manusia seperti mengharamkan fitnah.
3. Akidah : Konsep akidah dalam Islam adalah jelas dan boleh dibuktikan oleh akal manusia yang waras.
4. Ibadah : Ibadah dalam Islam tidaklah terlalu ringan atau terlalu berat dan boleh dilaksanakan oleh semua manusia.

- 1.15. Jelaskan perbezaan sikap antara orang mengamalkan Islam sebagai al-Din dengan orang yang tidak mengamalkannya**
Perbezaan sikap antara orang mengamalkan Islam sebagai al-Din dengan orang yang tidak mengamalkannya

Bil	Orang mengamalkan Islam sebagai al-Din	Orang tidak mengamalkan Islam sebagai al-Din
1.	Kehidupannya sentiasa tenang	Hidup dalam keadaan keluh kesah
2.	Sentiasa bersyukur dengan segala nikmat dan pemberian Allah SWT	Sentiasa tidak berpuashati dengan apa yang terjadi keatas dirinya
3.	Sentiasa menyelesaikan masalah berpandukan ajaran Islam	Menyelesaikan masalah dengan menggunakan kaedah konvensional yang berpandukan akal semata-mata
4.	Sentiasa menunaikan ibadah dengan tenang dan ikhlas	Melakukan ibadah dengan terpaksa dan tergesa-gesa

1.16. Terangkan tiga peranan Islam dalam membangunkan tamadun manusia yang cemerlang.

Tiga peranan Islam dalam membangunkan tamadun manusia yang cemerlang.

1. Islam mewajibkan umatnya menuntut pelbagai ilmu pengetahuan bagi memajukan diri mereka.
2. Islam mengkehendaki umatnya berfikir secara kreatif dan inovatif dalam menghasilkan sesuatu ciptaan baharu.
3. Islam mengatur peradaban dan akhlak yang terpuji untuk memastikan manusia dapat hidup dengan aman dan bahagia di dunia dan di akhirat

1.1.2 : PENGERTIAN ISLAM IMAN DAN IHSAN.

1.17. Jelaskan maksud Islam, Iman dan Ihsan

Maksud maksud Islam, Iman dan Ihsan

Maksud Islam :

Bahasa : Sejahtera, selamat dan penyerahan

Istilah : Taat dan patuh kepada perintah Allah SWT serta meninggalkan larangan-Nya. Manusia akan beroleh kesejahteraan dan keselamatan apabila berserah kepada-Nya.

Maksud Iman

Maksud Iman :

Bahasa : Yakin dan percaya

Istilah : Memberlakukan dengan hati, berikrar dengan lisan dan beramal dengan anggota badan terhadap segala perintah dan suruhan Allah SWT.

Maksud rukun Ihsan

Maksud Ihsan

Bahasa : Berbuat kebaikan

Istilah : Kesungguhan dalam melakukan sesuatu ibadah dan pekerjaan semata-mata kerana Allah SWT

1.18. Nyatakan dalil mengenai rukun Islam, Rukun Iman dan Rukun Ihsan

عَنْ أَبِي عَبْدِ الرَّحْمَنِ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عُمَرَ بْنِ الْخَطَّابِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا قَالَ : سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ : بُنْتَيِ الْإِسْلَامِ عَلَى خَمْسٍ : شَهَادَةُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَنَّ مُحَمَّداً رَسُولُ اللَّهِ وَإِقَامُ الصَّلَاةِ وَإِيتَاءُ الزَّكَاةِ وَحَجَّ الْبَيْتِ وَصَوْمُ رَمَضَانَ .

(رواه الترمذی ومسلم)

Maksudnya : Dari Abu Abdirahman ' Abdullah bin Umar bin Al-Khathab radhiyallahu anhuma, katanya, " Aku, mendengar Nabi SAW bersabda, Islam dibangun diatas lima, iaitu: persaksian bahawa tidak ada yang berhak disembah dengan benar kecuali Allah dan Muhammad adalah utusan Allah, mendirikan solat, menunaikan zakat, haji dan berpuasa pada bulan Ramadan". (Hadis riwayat Tarmizi dan Muslim)

1.19. Nyatakan dalil rukun Iman

Dalil rukun Iman.

Dari Umar b. Al-Kattab, Beliau berkata: "Suatu ketika, kami (para sahabat) duduk di dekat rasulullah SAW. Tiba-tiba muncul kepada kami seorang lelaki mengenakan pakaian yang sangat putih dan rambutnya amat hitam. Tak terlihat padanya tanda-tanda bekas perjalanan, dan tak ada seorang pun di antara kami yang mengenalnya. Ia segera duduk di hadapan nabi, lalu lututnya disandarkan kepada lutut nabi dan meletakkan kedua tangannya di atas kedua paha nabi, Kemudian ia berkata: ... kemudian ia bertanya lagi: "Beritahukan kepadaku tentang Iman". Nabi menjawab, "Iman adalah, engkau beriman kepada Allah; malaikatNya; kitab-kitabNya; para RasulNya; hari Akhir, dan beriman kepada takdir Allah yang baik dan yang buruk," ia berkata, "Engkau benar." kemudian lelaki tersebut segera pergi. Aku pun terdiam, sehingga nabi bertanya kepadaku: "Wahai, Umar! tahukah engkau, siapa yang bertanya tadi?" Aku menjawab, "Allah dan RasulNya lebih mengetahui," Dia bersabda, "Dia adalah Jibril yang mengajarkan kalian tentang agama kalian." (Hadis Riwayat Muslim)

1.20. Berikan dalil nakli tentang rukun Ihsan.

Dalil nakli tentang rukun Ihsan

Dari Umar bin Al-kattab berkata: "Suatu ketika, kami (para sahabat) duduk di dekat rasulullah SAW Tiba-tiba muncul kepada kami seorang lelaki mengenakan pakaian yang sangat putih dan rambutnya amat hitam. Tak terlihat padanya tanda-tanda bekas perjalanan, dan tak ada seorang pun di antara kami yang mengenalnya. Ia segera duduk di hadapan nabi, lalu lututnya disandarkan kepada lutut nabi dan meletakkan kedua tangannya di atas kedua paha nabi, Kemudian Dia bertanya lagi: "Beritahukan kepadaku tentang ihsan". Nabi SAW menjawab,"Hendaklah engkau beribadah kepada Allah seakan-akan engkau melihatNya. Kalaupun engkau tidak melihatNya, sesungguhnya Dia melihatmu." (Hadis Riwayat Muslim)

1.1.3 : RUKUN ISLAM, RUKUN IMAN DAN IHSAN

1.21. Nyatakan rukun Islam

Rukun Islam :

1. Mengucap dua kalimah syahadah.
2. Menunaikan solat fardu lima waktu sehari semalam
3. Mengeluarkan zakat.
4. Berpuasa pada bulan Ramadan
5. Mengerjakan haji

1.22 Nyatakan rukun Iman

Rukun Iman :

1. Beriman kepada Allah SWT
2. Beriman kepada Malaikat
3. Beriman kepada Kitab-kitabnya
4. Beriman kepada Rasul dan Nabi
5. Beriman kepada hari Akhirat
6. Beriman kepada Qadak dan Qadar

1.23. Jelaskan rukun Ihsan

Rukun Ihsan :

1. Takwa
2. Tawakal
3. Ikhlas

1.24 Jelaskan maksud rukun Islam satu persatu

Maksud rukun Islam satu persatu:

Bil	Rukun Islam	Huraian
1.	Mengucap dua khalimah syahadah.	Penyaksian bahawa tiada tuhan yang berhak disembah melainkan Allah SWT dan nabi Muhammad itu adalah pesuruh Allah SWT.
2.	Menunaikan solat fardu lima waktu sehari semalam.	Ibadah yang mengandungi perkataan dan perbuatan yang dimulai dengan takbiratulihram dan diakhiri dengan salam. Solat yang difardukan ialah solat Subuh, Zuhur, Asar, Maghrib dan Isyak.
3.	Mengeluarkan zakat.	Ibadah dengan mengeluarkan sebahagian daripada harta tertentu pada kadar yang tertentu dengan syarat-syarat yang tertentu. Zakat tersebut adalah zakat fitrah dan zakat harta.

4.	Berpuasa pada bulan Ramadan.	badah dengan cara menahan diri daripada makan dan minum dan perkara-perkara yang membatalkan puasa dari terbit fajar sidik hingga terbenam matahari. Puasa wajib ditunaikan pada bulan Ramadan.
5.	Mengerjakan Haji.	Ibadah dengan mengunjungi Baitullahilharam di Mekah pada bulan-bulan tertentu untuk mengerjakan ibadat dengan syarat-syarat tertentu. Ibadat Haji wajib ditunaikan sekali seumur hidup.

1.25. Nyatakan cara menerapkan tuntutan rukun Islam dalam kehidupan seharian.
Cara menerapkan tuntutan rukun Islam dalam kehidupan seharian

i. Mengucap dua Khalimah Syahadah

1. Mengakui hanya Allah SWT yang layak disembah dan ditaati.
2. Mengakui bahawa Nabi Muhammad itu adalah pesuruh Allah SWT.

ii. Solat fardu

1. Mendirikan solat fardu apabila masuk waktunya.
2. Sentiasa menambahkan ilmu tentang solat

iii. Zakat

1. Sentiasa menambahkan ilmu pengetahuan mengenai zakat.
2. Berusaha bersungguh-sungguh mencari harta agar dapat mengeluarkan zakat.

iv. Berpuasa

1. Sentiasa menambahkan ilmu tentang ibadat puasa.
2. Sentiasa bersederhana dalam berbelanja.

v. Haji

1. Sentiasa menjaga pantang larang agar tidak melanggar larangan Allah SWT.
2. Sentiasa berusaha untuk menegakkan syiar Islam.

1.26 Jelaskan maksud rukun Iman satu persatu

Maksud rukun Iman satu persatu

Bil	Rukun Iman	Huraian
1.	Beriman kepada Allah SWT.	Yakin dan percaya kewujudan Allah SWT serta menunaikan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya.
2.	Beriman kepada Malaikat.	Yakin dan percaya dengan kewujudan Malaikat sebagai makhluk Allah SWT yang diciptakan daripada cahaya dan sentiasa taat dalam menjalankan tugas yang telah ditetapkan oleh Allah SWT.
3.	Beriman kepada Kitab Allah SWT.	Yakin dan percaya bahawa Allah SWT telah menurunkan kitab-Nya kepada rasul-rasul tertentu sebagai panduan hidup manusia di dunia dan akhirat.
4.	Beriman kepada Nabi dan Rasul.	Yakin dan percaya bahawa para nabi dan rasul merupakan lelaki pilihan Allah SWT yang diberikan wahyu kepada mereka.
5.	Beriman kepada Hari Akhirat.	Yakin dan percaya bahawa alam ini akan musnah dan semua manusia akan dibangkitkan semula untuk dihisab dan menerima balasan masing-masing.
6.	Beriman kepada Qadak dan Qadar.	Yakin dan percaya bahawa segala yang berlaku kepada manusia dan alam ini telah ditetapkan oleh Allah SWT sejak dari azali lagi.

1.27. Nyatakan dua cara menerapkan Rukun Iman dalam kehidupan seharian.

Dua cara menerapkannya dalam kehidupan seharian

i. Beriman kepada Allah SWT

1. Sentiasa mematuhi segala perintah dan larangan Allah SWT.
2. Hanya menyembah Allah SWT dengan tidak mensyirikkan-Nya dengan benda yang lain.

ii. Beriman kepada Malaikat

1. Yakin dan percaya bahawa malaikat merupakan makhluk Allah SWT yang taat kepada perintah Allah SWT.
2. Sentiasa menjaga tingkah laku kerana yakin malaikat sentiasa mengawasi manusia.

iii. Beriman kepada Kitab Allah SWT

1. Yakin bahawa kitab-kitab tersebut adalah daripada Allah SWT.
2. Melaksanakan segala ajaran kitab Allah SWT dalam kehidupan seharian.

iv. Beriman kepada Nabi dan Rasul

1. Yakin bahawa nabi dan rasul tersebut merupakan utusan Allah SWT.
2. Melaksanakan semua ajaran yang dibawa oleh nabi dan rasul.

v. Beriman kepada Hari Akhirat

1. Yakin bahawa hari kiamat pasti akan berlaku.
2. Sentiasa melaksanakan segala perintah Allah SWT dan meninggalkan segala larangan-Nya.

vi. Beriman kepada Qadak dan Qadar

1. Yakin bahawa semua kejadian yang berlaku adalah merupakan perancangan Allah SWT.
2. Reda dengan segala musibah yang berlaku keatas dirinya.

1.28. Jelaskan maksud rukun Ihsan satu persatu.

Maksud rukun Ihsan satu persatu.

i. Takwa

Takut kepada Tuhan SWT dengan mentaati segala perintah-Nya dan meninggalkan larangan-Nya.

ii. Tawakal

Menyerahkan diri kepada Allah SWT dengan tidak bergantung kepada makhluk atau benda lain setelah berusaha dengan bersungguh-sungguh

iii. Ikhlas

Semua amalan yang dilakukan semata-mata mengharapkan keredhaan Allah SWT tanpa menyengutukan-Nya dengan sesuatu yang lain.

1.29. Jelaskan tiga cara mengamalkan rukun Ihsan dalam kehidupan seharian

Cara mengamalkan rukun Ihsan dalam kehidupan seharian

1. Melakukan sesuatu pekerjaan dengan sebaik-baiknya dan sempurna
2. Melakukan pekerjaan dengan ikhlas semata-mata kerana Allah SWT
3. Sentiasa belas kasihan kepada semua makhluk Allah yang lain

1.1.4 : KEPENTINGAN RUKUN ISLAM, RUKUN IMAN DAN IHSAN

1.30 Jelaskan tiga kepentingan mengamalkan tuntutan rukun Islam

Tiga kepentingan mengamalkan tuntutan rukun Islam.

1. Memantapkan asas ibadah seseorang muslim.
2. Merupakan kunci kepada pengamalan ibadah dalam Islam.
3. Menjamin ibadah-ibadah lain diterima oleh Allah SWT.

- 1.31 Jelaskan tiga kepentingan mengamalkan tuntutan rukun Iman dalam kehidupan sehari-hari.**

Tiga kepentingan mengamalkan tuntutan rukun Iman dalam kehidupan sehari-hari.

1. Merupakan syarat sesuatu amalan diterima oleh Allah SWT.
2. Menghubungkan antara manusia dengan Allah SWT.
3. Menegaskan konsep mengesakan Allah SWT yang sebenarnya.

- 1.32 Terangkan tiga kepentingan mengamalkan tuntutan rukun Ihsan dalam kehidupan sehari-hari**

Tiga kepentingan mengamalkan tuntutan rukun Ihsan dalam kehidupan sehari-hari

1. Merupakan syarat utama sesuatu amalan diterima oleh Allah SWT.
2. Melahirkan sifat ikhlas dalam diri seseorang.
3. Menambahkan keyakinan kepada pertolongan Allah SWT semata-mata.

- 1.33 Jelaskan perbezaan antara rukun Islam, Iman dan Ihsan**

Perbezaan antara rukun Islam, Iman dan Ihsan.

Rukun Islam	Rukun Iman	Rukun Ihsan
Islam bermaksud menyerah diri, tunduk dan patuh melaksanakan segala perintah Allah SWT dan membenarkan semua ajaran yang dibawa oleh Rasulullah.	Iman bermaksud mengaku dengan lidah, membenarkan dengan hati dan mengamalkannya dengan anggota.	Ihsan itu adalah tindakan seseorang yang melakukan amalan atau kebaikan dengan sesempurna mungkin kerana menyedari bahawa Allah SWT sedang memerhatikan gerak-gerinya dan hanya mengharapkan balasan baik daripada Allah SWT semata-mata.
Rukun Islam mempunyai lima perkara	Rukun iman mempunyai enam perkara	Rukun ihsan mempunyai tiga perkara
Rukun Islam melibatkan amalan zahir yang mesti dilakukan	Rukun Iman melibatkan kepercayaan dan iktikad seseorang	Rukun Ihsan melibatkan keyakinan dan keikhlasan dalam melakukan ibadah

1.1.5 : ISLAM ADALAH CARA HIDUP YANG LENGKAP

- 1.34 Jelaskan tiga justifikasi pengamalan Islam sebagai al-Din dalam kehidupan sehariannya.**

Tiga justifikasi pengamalan Islam sebagai al-Din dalam kehidupan sehariannya.

1. Menghayati dan melaksanakan rukun Islam, rukun iman dan ihsan dalam kehidupan sehariannya
2. Mendalami ilmu asas dalam Islam yang terdiri daripada akidah, syariah dan akhlak
3. Menjadikan rasulullah SAW sebagai contoh ikutan dalam segala tindakan

- 1.35 Nyatakan tiga tindakan yang perlu dilakukan bagi merealisasikan Islam sebagai al-Din dalam kehidupan sehariannya.**

Tiga tindakan yang perlu dilakukan bagi merealisasikan Islam sebagai al-Din dalam kehidupan sehariannya.

1. Sentiasa menambahkan ilmu pengetahuan
2. Sentiasa melakukan sesuatu pekerjaan dengan ikhlas
3. Mengamalkan ajaran al-quran dalam kehidupan sehariannya

- 1.36 Jelaskan contoh pengamalan Islam sebagai al-Din dalam kehidupan sehariannya.**
Contoh pengamalan Islam sebagai al-Din dalam kehidupan sehariannya.

Bil	Contoh	Cadangan Cara Pengamalan Islam sebagai al-din
1.	Pergaulan sehariannya	Sentiasa menjaga batasan dalam pergaulan
2.	Ibadah	Melaksanakan ibadah dengan bersungguh-sungguh dan ikhlas kepada Allah SWT
3.	Ekonomi	Berurusan dengan sistem ekonomi Islam
4.	Akidah	Yakin dengan segala kekuasaan Allah SWT
5.	Politik	Melaksanakan sistem politik Islam dalam kehidupan sehariannya

- 1.37 Bincangkan tindakan yang sepatutnya dilakukan bagi menangani masalah berikut berdasarkan kepada pengamalan Islam sebagai al-Din.**

Tindakan yang sepatutnya dilakukan bagi menangani masalah berikut berdasarkan kepada pengamalan Islam sebagai al-Din.

Bil	Situasi	Tindakan yang menunjukkan pengamalan Islam sebagai al-Din	Kesan
1.	Rakan anda seringkali melayari laman web lucah melalui telefon pintarnya.	Menjelaskan kepada mereka tentang dosa dan keburukan perbuatan tersebut	Mereka akan menjauhi perbuatan tersebut
2.	Rakan bukan Islam telah mengajak anda mengikuti kumpulannya memanjat gunung selama beberapa hari.	Bersetuju dengan pelawaan tersebut dengan syarat dapat melaksanakan segala tuntutan Islam sepanjang aktiviti tersebut	Dapat memperhatikan keindahan Islam kepada rakan bukan Islam
3.	Rakan anda telah gagal dalam peperiksaan percubaan SPM walaupun beliau telah berusaha dengan bersungguh-sungguh.	Memberi nasihat kepada rakan tersebut supaya reda dengan keputusan tersebut dan berusaha bersungguh-sungguh bagi membaiki kelemahan nya	Rakan tersebut dapat menerima keputusan dengan tenang dan membaiki kelemahan tersebut
4.	Dalam perjalanan pulang dari sekolah anda telah terjumpa sejumlah wang di tepi jalan raya. walaupun tanpa diketahui oleh orang lain	Mengambil wang tersebut dan menyerahkan kepada guru untuk dicari pemilik asal wang tersebut	Dapat melahirkan keiklasan dan takut melakukan dosa

PELAJARAN 2 : AKIDAH MENURUT ISLAM

1.2.1 : KONSEP AKIDAH MENURUT HUKUM SYARAK

2.1 Jelaskan maksud akidah menurut Islam

Maksud akidah menurut Islam

Keyakinan yang teguh terhadap kewujudan Allah SWT serta sifat-sifat kesempurnaan-Nya berdasarkan dalil naqli dan akli

2.2 Jelaskan ciri-ciri akidah Islam.

Ciri-ciri akidah Islam.

1. Berasaskan kepada kepercayaan kepada kewujudan dan kekuasaan Allah SWT yang Maha Esa bertepatan dengan al-Quran dan Hadis Rasulullah SAW.
2. Bertujuan untuk mengesakan Allah SWT.
3. Tetap dan tidak berubah sehingga ke hari kiamat.
4. Bersih daripada unsur mitos, khurafat dan mendewa-dewakan manusia.

2.3 Jelaskan perkara yang memantapkan akidah

Perkara yang memantapkan akidah.

Bil	Melalui Hati	Melalui Perkataan	Melalui Perbuatan
1.	Sentiasa mengingati Allah SWT	Membaca al-Quran, berzikir, bertahlil dan bertasbih.	Menunaikan ibadah fardu atau sunat.
2.	Yakin dengan pertolongan Allah SWT	Bercakap benar	Membantu golongan yang memerlukan
3	Bertawakkal kapada Allah SWT	Nasihat - menasihati ke arah kebaikan	Menuntut ilmu yang berfaedah

2.4 Jelaskan tiga perkara yang membatalkan iman.

Tiga perkara yang membatalkan iman.

Bil	Melalui Hati	Melalui Perkataan	Melalui Perbuatan
1.	Beriktikad adanya Tuhan yang lain selain Allah SWT atau kuasa yang setara dengannya.	Menghina al-Quran dan hadis Rasulullah SAW	Melakukan ibadah seperti orang kafir, contohnya tunduk dan patuh kepada berhala, memakai salib dan sebagainya
2.	Beriktikad makhluk boleh memberi kuasa.	Menghina Rasulullah SAW dan sunnahnya	Menganut fahaman isme-isme rekaan manusia seperti liberalisme dan lain-lain
3.	Percaya kepada kuasa-kuasa yang lain daripada Allah SWT, seperti jin dan lain-lain.	Mendakwa undang-undang Islam sudah lapuk, kejam dan zalim.	Menghalalkan yang haram dan mengharamkan yang halal.

2.5 Nyatakan ciri akidah yang salah.

Ciri akidah yang salah.

1. Kepercayaan kepada selain daripada Allah SWT.
2. Bertentangan dengan al-Quran dan al-Hadis.
3. Bercampur antara mengesakan Allah SWT dan mengagungkan makhluk lain.
4. Sentiasa berubah-ubah mengikut peredaran masa.
5. Mempunyai unsur-unsur mistik dan mitos.

2.6 Nyatakan komponen asas akidah Islamiyah

Komponen asas akidah Islamiyyah :

1. Ilahiyyah
2. Nubuwah
3. Ghaibiyah

01. ILAHIYYAH (KETUHANAN)

2.7 Jelaskan pengertian Ilahiyyah

Pengertian Ilahiyyah ialah

Bermaksud ketuhanan iaitu keyakinan dalam hati secara mutlak bahawa Allah SWT yang Maha Esa yang layak disembah dan ditaati segala perintahNya.

2.8 Senaraikan nama-nama Allah SWT (Asma walsifah)

Allah SWT mempunyai 99 nama yang indah dan sifat-sifat yang mulia (Asma walsifah) iaitu :

الْأَحَدُ	الْأَوَّلُ	الْمَاجِدُ	الْأَوْجَادُ	الشَّكُورُ	الْغَفُورُ	الْعَظِيمُ	الْحَكِيمُ	الْمُلِكُ	الْرَّجِيمُ	الْتَّخْلِنُ	الْمَدُوسُ	الْمَدُوسُ
Al-Ahad	Al-Awwal	Al-Majid	Al-Awajid	Al-Shukur	Al-Ghafur	Al-Adhim	Al-Haqqim	Al-Malek	Al-Rajim	Al-Takhiln	Al-Mados	Al-Mados
الْكَفِيلُ	الْكَفِيْدُ	الْقَادِرُ	الصَّدِّيقُ	الْمُبِينُ	الْعَقِيقُ	الْكَبِيرُ	الْعَالِيُّ	الْمُهَبِّنُ	الْمُؤْنِ	الْكَلَامُ	الْكَلَامُ	الْكَلَامُ
Al-Kafiyel	Al-Kafiyid	Al-Qader	Al-Sadiq	Al-Mubin	Al-Uqayiq	Al-Kabir	Al-Alai	Al-Muhabin	Al-Muoni	Al-Kalam	Al-Kalam	Al-Kalam
الْمُعَذِّبُ	الْمُعَذِّبُ	الْمُعَذِّبُ	الْمُعَذِّبُ	الْمُقْبِبُ	الْمُقْبِبُ	الْمُجِيلُ	الْمُجِيبُ	الْمُحَارِقُ	الْمُنْكِرُ	الْجَمَارُ	الْعَزِيزُ	الْعَزِيزُ
Al-Muazib	Al-Muazib	Al-Muazib	Al-Muazib	Al-Maqib	Al-Maqib	Al-Mujil	Al-Mujib	Al-Muharik	Al-Munkir	Al-Jamhar	Al-Aziz	Al-Aziz
الْبَرُّ	الْبَرُّ	الْبَرُّ	الْبَرُّ	الْمُكَبِّلُ	الْمُكَبِّلُ	الْمُوَسِّعُ	الْمُجِبُ	الْفَهَارُ	الْعَفَّارُ	الْمُصْدِرُ	الْبَرِّ	الْبَرِّ
Al-Barr	Al-Barr	Al-Barr	Al-Barr	Al-Mukabil	Al-Mukabil	Al-Mawsoo	Al-Mujib	Al-Fehar	Al-Ufhaar	Al-Musdar	Al-Bari	Al-Bari
الْمَرْوُثُ	الْمَرْوُثُ	الْمَرْوُثُ	الْمَرْوُثُ	الْحَقُّ	الْحَقُّ	الْمُجَدُّدُ	الْمُجَدِّدُ	الْعَلَيْمُ	الْمَتَّخُ	الْوَرَاقُ	الْوَقَابُ	الْوَقَابُ
Al-Marwath	Al-Marwath	Al-Marwath	Al-Marwath	Al-Haq	Al-Haq	Al-Mujaddid	Al-Mujaddid	Al-Alim	Al-Mattakh	Al-Waraq	Al-Waqab	Al-Waqab
الْمُكْبِطُ	الْمُكْبِطُ	الْمُكْبِطُ	الْمُكْبِطُ	الْمُكَبِّلُ	الْمُكَبِّلُ	الْمُرْفَعُ	الْمُرْفَعُ	الْخَالِقُ	الْبَاسِطُ	الْقَافِضُ	الْقَافِضُ	الْقَافِضُ
Al-Mukabit	Al-Mukabit	Al-Mukabit	Al-Mukabit	Al-Mukbil	Al-Mukbil	Al-Murfau	Al-Murfau	Al-Khaliq	Al-Bast	Al-Qafidh	Al-Qafidh	Al-Qafidh
الْمَانِعُ	الْمَانِعُ	الْمَانِعُ	الْمَانِعُ	الْمُكَبِّلُ	الْمُكَبِّلُ	الْمُرْفَعُ	الْمُرْفَعُ	الْخَالِقُ	الْبَاسِطُ	الْمُغَرِّرُ	الْمُغَرِّرُ	الْمُغَرِّرُ
Al-Mani	Al-Mani	Al-Mani	Al-Mani	Al-Mukbil	Al-Mukbil	Al-Murfau	Al-Murfau	Al-Khaliq	Al-Bast	Al-Mugher	Al-Mugher	Al-Mugher
الْمَهْاُدِيُّ	الْمَهْاُدِيُّ	الْمَهْاُدِيُّ	الْمَهْاُدِيُّ	الْمُعَدِّدُ	الْمُعَدِّدُ	الْمُسْعِيُّ	الْمُحَمِّدُ	الْمُسْتَعِنُ	الْمُلِيلُ	الْمَعْدُ	الْمَعْدُ	الْمَعْدُ
Al-Mahadi	Al-Mahadi	Al-Mahadi	Al-Mahadi	Al-Muaddid	Al-Muaddid	Al-Musayyi	Al-Muhimmid	Al-Mustayyn	Al-Muleel	Al-Maad	Al-Haam	Al-Haam
الْمَهْبُودُ	الْمَهْبُودُ	الْمَهْبُودُ	الْمَهْبُودُ	الْمُهَبِّدُ	الْمُهَبِّدُ	الْمُهَبِّنُ	الْمُهَبِّنُ	الْمُهَبِّنُ	الْمُهَبِّنُ	الْمَهْبُودُ	الْمَهْبُودُ	الْمَهْبُودُ
Al-Mahboud	Al-Mahboud	Al-Mahboud	Al-Mahboud	Al-Muhabd	Al-Muhabd	Al-Muhabbin	Al-Muhabbin	Al-Muhabbin	Al-Muhabbin	Al-Mahboud	Al-Mahboud	Al-Mahboud

2.9 Nyatakan sifat wajib dan mustahil bagi Allah SWT

Sifat wajib dan mustahil bagi Allah SWT ialah ;

Bil	Sifat Wajib	Sifat Mustahil
1.	Wujud : Ada	Adam : Tiada
2.	Qidam : Sedia ada	Hudus : Baharu
3.	Baqa : Kekal selama-lamanya	Fana : Binasa
4.	Mukhalafatuhu taala lilhawadis : Allah SWT berbeza dengan sesuatu yang baharu	Mumathalatuhu lilhawadis : Allah SWT menyerupai dengan sesuatu yang baharu
5.	Qiyamuhu binafsihi : Berdiri dengan sendiri	Qiyamihu bighairihi : Berdiri dengan yang lain
6.	Wahdaniyah : Esa	Taadadud : berbilang-bilang (lebih daripada satu)
7.	Kudrat : berkuasa	Ajzun : Lemah
8.	Iradah : Berkehendak	Karahah : Terpaksa
9.	Ilmu : Mengetahui	Jahlun : Bodoh
10.	Hayat : Hidup	Al-Maut : Mati
11.	Sammun : Mendengar	Sommu : Tuli
12.	Basar : Melihat	Al-Ummyu : Buta
13.	Kalam : Berkata-kata	Al-Bukmu : Bisu
14.	Kaunuhu qaadirun : Keadaannya yang berkuasa	Kaunuhu ajizan : keadaannya yang lemah
15.	Kaunuhu muridan : keadaannya yang bekehendak	Kaunuhu makruhan : keadaannya yang terpaksa
16.	Kaunuhu aliman : keadaannya yang mengetahui	Kaunuhu jahilan : keadaannya yang jahil
17.	Kaunuhu hayyan : keadaannya yang hidup	Kaunuhu mayitan : keadaannya yang mati
18.	Kaunuhu samiian: keadaannya yang mendengar	Kaunuhu isnum: keadaannya yang tuli
19.	Kaunuhu basiran: keadaannya yang melihat	Kaunuhu akmiyun: keadaannya yang buta
20.	Kaunuhu mutakaliman: keadaannya yang berkata-kata	Kaunuhu ibkum: keadaannya yang bisu

02. NUBUWWAH (KENABIAN DAN KERASULAN)

2.10 Berikan maksud nubuwah

Maksud nubuwah :

Bermaksud kenabian iaitu orang yang menjadi pilihan Allah SWT untuk menerima dan menyampaikan wahyu-Nya. Konsep nubuwah membincangkan mengenai keimanan kepada para Nabi dan rasul.

2.11 Berikan pengertian Nabi dan Rasul.

Pengertian nabi dan rasul.

i. Pengertian Nabi

Lelaki pilihan Allah SWT yang diberikan wahyu untuk dirinya sendiri dan tidak wajib disampaikan kepada orang lain.

ii. Pengertian Rasul

Lelaki pilihan Allah SWT dari kalangan para nabi yang diberikan wahyu untuk dirinya dan wajib disampaikan kepada orang lain

2.12 Jelaskan sifat wajib, mustahil dan harus bagi rasul.

Sifat wajib, mustahil dan harus bagi rasul ialah.

Bil	Sifat Wajib	Sifat Mustahil	Sifat Harus
1.	Fatanah : Bijaksana	Baladah : Bodoh	
2.	Amanah : Boleh dipercayai	Khianat : Menganiayai orang lain	
3.	Sidiq : Benar	Kizib : Pendusta	
4.	Tabligh : Menyampaikan	Khitman : Menyembunyikan	Bersifat seperti manusia lain seperti lapar, mengantuk dan sebagainya.

2.13 Nyatakan kitab suci dan suhuf yang diturunkan kepada para rasul.

Kitab suci dan suhuf yang diturunkan kepada para rasul.

Bil	Kitab Suci	Rasul	Bilangan
1.	Zabur	Daud AS	
2.	Taurat	Musa AS	
3.	Injil	Isa AS	
4.	Al-Quran	Muhammad SAW	
5.	Suhuf	Nabi Adam AS	10

6.	Suhuf	Nabi Syith AS	50
7.	Suhuf	Nabi Ibrahim AS	10
8.	Suhuf	Nabi Idris AS	30
9.	Suhuf	Nabi Musa AS	10

2.14 Berikan maksud **rasul ulul azmi**.

Maksud rasul ulul azmi ialah.

Gelaran yang diberikan kepada rasul yang memiliki kesabaran yang amat tinggi dalam menghadapi cabaran semasa berdakwah kepada kaumnya.

2.15 Senaraikan **rasul yang bergelar ulul azmi**.

Rasul yang bergelar ulul azmi ialah.

1. Nabi Nuh AS
2. Nabi Ibrahim AS
3. Nabi Musa AS
4. Nabi Isa AS
5. Nabi Muhammad SAW

2.16 Berikan sebab gelaran Ulul Azmi diberikan kepada **rasul-rasul tertentu**.

Sebab diberi gelaran Ulul Azmi

1. Sebagai pengiktirafan Allah SWT diatas usaha dakwah yang telah dijalankan
2. Kerana mereka memiliki kesabaran yang tinggi semasa berdakwah
3. Kerana mereka sentiasa berdoa kepada Allah SWT supaya memberi hidayah kepada kaum mereka
4. Kerana mereka memiliki keazaman yang tinggi semasa berdakwah

2.17 Jelaskan peranan para **rasul**

Peranan para rasul ialah

1. Membimbing manusia ke jalan yang direndai oleh Allah SWT
2. Menyeru manusia supaya menyembah Allah SWT sahaja
3. Menyampaikan segala perintah Allah SWT kepada manusia seperti mengajar manusia cara beribadat yang betul

2.18 Nyatakan sebab tiada lagi rasul selepas kewafatan Nabi Muhammad SAW.

Sebab tiada lagi rasul selepas kewafatan Nabi Muhammad SAW.

1. Syariat yang dibawa oleh Nabi Muhammad SAW telah lengkap dan sempurna.
2. Syariat yang di bawa oleh Nabi Muhammad SAW kekal hingga ke hari akhirat

2.19 Senaraikan perkara luar biasa yang berlaku kepada rasul

Perkara luar biasa yang berlaku kepada rasul

1. Maksum

Para rasul terpelihara daripada melakukan perkara kejahanan, dosa dan perkara kurang sopan yang boleh merosakkan kehormatannya. Rasul juga terpelihara daripada sebarang kecacatan yang boleh mengurangkan kemuliaan seseorang seperti buta, tuli, bisu, gila dan sebagainya atau lain-lain penyakit yang boleh merosakkan darjah dan kemuliaan seseorang rasul.

2. Irhas

Perkara luar biasa yang berlaku kepada orang yang bakal dilantik oleh Allah SWT sebagai rasul semasa mereka kecil. Contohnya Nabi Isa boleh bercakap semasa masih bayi

3. Mukjizat

Perkara luar biasa yang dianugerahkan oleh Allah SWT kepada para nabi dan rasul untuk membuktikan kebenaran, kenabian dan kerasulan serta melemahkan musuh musuh mereka contohnya keluar air dari celah jari Nabi Muhammad SAW.

2.20 Senaraikan perkara luarbiasa yang berlaku kepada manusia biasa.

Perkara luarbiasa yang berlaku kepada manusia biasa.

1. Karamah

Perkara luar biasa yang berlaku kepada manusia biasa yang tinggi darjatnya disisi Allah SWT Contohnya Maryam (ibu Nabi Isa) dianugerahi hidangan dari langit ketika beribadat.

2. Maunah.

Perkara luar biasa yang berlaku kepada umat Islam tanpa diusahakan untuk mempelajarinya. Perkara tersebut berlaku hanya sekali sahaja. Contohnya seseorang yang terlibat dalam kemalangan yang dahsyat, tetapi beliau tidak mengalami kecederaan yang teruk.

4. Istidraj

Perkara luar biasa yang berlaku kepada orang yang tidak taat atau derhaka kepada Allah SWT untuk menyesatkannya lagi. Contohnya Qarun yang beroleh kekayaan yang luar biasa telah menjadi sompong dan kufur

2.21 Jelaskan perbezaan antara nabi dan rasul

Perbezaan antara nabi dan rasul ialah

Bil	Nabi	Rasul
1.	Diberikan wahyu untuk dirinya sendiri	Diberikan wahyu untuk dirinya dan wajib disampaikan kepada kaumnya
2.	Bilangan nabi terlalu ramai (ada pendapat seramai 124000 orang)	Bilangan rasul 313 orang
3.	Seorang nabi tidak semestinya rasul	Seorang rasul mestilah juga seorang nabi
4.	Nabi tidak diturunkan kitab	Rasul menerima kitab dan suhuf daripada Allah SWT
5.	Bilangan dan nama para nabi tidak wajib diketahui	Wajib mengetahui bilangan dan nama 25 orang rasul

03. GHAIBIYYAH (PERKARA GHAIB)

2.22 Nyatakan pengertian perkara ghaib

Pengertian perkara ghaib ialah

Perkara yang tidak dapat ditanggapi dan dilihat oleh pancaindera manusia, contohnya syurga, neraka, dosa, pahala dan sebagainya.

2.23 Jelaskan alam yang di lalui oleh manusia

Alam yang dilalui oleh manusia ialah

1. Alam roh – iaitu alam sebelum manusia dimasukkan ke dalam rahim ibu mereka.
2. Alam rahim – alam ketika manusia berada dalam kandungan ibunya.
3. Alam barzah – alam kubur di mana menjadi tempat manusia menunggu hari kiamat untuk dibangkitkan setelah mereka mati.
4. Alam akhirat – alam yang kekal abadi setelah berlakunya hari kiamat.
5. Hari Kebangkitan – Hari di mana manusia akan dibangkitkan daripada kubur mereka, setelah berlakunya hari kiamat
6. Padang masyhar – Tempat dimana manusia akan dikumpulkan setelah mereka dibangkitkan daripada kubur untuk menunggu buku amalan mereka diberikan.
7. Hisab – Keadaan dimana semua amalan manusia semasa di dunia di kira dan dihitung untuk diberikan ganjaran.
8. Mizan – Keadaan di mana semua amalan manusia akan ditimbang bagi menentukan sama amalan yang dilakukan di dunia termasuk dalam yang berpahala ataupun yang mendapat dosa.
9. Titian sirat – Satu titian yang lebih halus daripada sehelai rambut yang dibelah tujuh dan lebih tajam daripada mata pedang. Titian ini mesti dilalui oleh semua manusia. Orang yang berdosa akan terjatuh kedalam neraka, manakala orang

- yang baik akan melepas titian ini dan akan dapat masuk kedalam syurga.
10. Neraka – tempat yang penuh dengan azab yang disediakan oleh Allah SWT kepada orang yang melanggar perintah Allah SWT.
 11. Syurga – tempat yang penuh dengan nikmat yang disediakan oleh Allah SWT kepada orang yang mentaati perintah Allah SWT semasa di dunia.

2.24 Syurga dan neraka merupakan sebahagian daripada alam ghaib.

Bagaimanakah cara untuk menanam keimanan kepada syurga dan neraka di dalam diri pelajar ?.

Cara menanam keimanan kepada syurga dan neraka

1. Sentiasa mengikuti ceramah tentang nikmat syurga dan azab neraka.
2. Memberi didikan agama yang sempurna kepada anak-anak sejak daripada kecil.
3. Ibu bapa hendaklah sentiasa mengawasi tingkah laku anak-anak daripada pengaruh negetif.
4. Memantau pergaulan anak-anak dan rakan sebaya agar terkawal.

2.25 Jelaskan hikmah kerahsiaan alam ghaib.

Hikmah kerahsian alam ghaib.

1. Menunjukkan kekuasaan Allah SWT yang menjadikan semua alam dengan kehendakNya sendiri.
2. Menguji keimanan manusia kepada perkara ghaib yang bakal berlaku seperti hari kiamat dan sebagainya.
3. Meningkatkan ilmu pengetahuan manusia terhadap alam ghaib dengan caraengkaji perkara-perkara ghaib.
4. Mengukuhkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah SWT dengan menyakini kewujudan perkara-perkara ghaib seperti syurga dan neraka.

2.26 Setiap muslim wajib beriman dengan perkara ghaib.

Jelaskan kesan beriman dengan perkara ghaib.

Kesan beriman dengan perkara ghaib :

1. Menjadikan manusia taat dan patuh kepada perintah dan larangan Allah SWT.
2. Menjadikan manusia takut melakukan maksiat dan kemungkaran kerana menyedari bahawa malaikat sentiasa memerhati perbuatan mereka
3. Menjadikan manusia sentiasa melakukan ibadat kepada Allah SWT.
4. Menjadikan manusia melakukan sesuatu dengan ikhlas kerana Allah SWT.
5. Menjadikan manusia sentiasa istiqamah dalam melakukan pekerjaan.
6. Menjadikan manusia mempunyai motivasi yang tinggi dalam kehidupan seharian.

- 2.27 Jelaskan perbezaan antara alam ghaib dengan alam musyahadah
Perbezaan antara alam ghaid dengan alam musyahadah**

Bil	Alam Ghaib	Alam Musyahadah
1.	Pancaindera manusia tidak mampu memikir dan menanggapi alam ghaib	Dapat ditanggapi oleh pancaindera manusia
2.	Untuk menguji keimanan manusia terhadap Allah SWT	Boleh dimanfaatkan manusia untuk membina tamadun
3.	Akal tidak mampu memikirkan hakikat sebenar alam ghaib	Akal manusia mampu mentafsir, mengkaji dan menyelidik alam musyahadah
4.	Manusia yang telah mati berada di alam ghaib	Manusia yang hidup dapat menyaksikan alam musyahadah.
5.	Kenikmatan yang dikecapi kekal buat selama-lamanya	Kenikmatan yang diperolehi hanya bersifat sementara

1.2.2 : AMALAN YANG BERKAITAN DENGAN PEGANGAN AKIDAH

- 2.28. Jelaskan contoh amalan yang boleh memantapkan akidah dan kepentingannya.**

Contoh amalan yang boleh memantapkan akidah dan kepentingannya.

Bil	Amalan	Pengertian	Kepentingan
1.	Solat fardu	Ibadah yang terdiri dari ucapan dan gerakan yang dimulai dengan takbiratul ihram dan diakhiri dengan mengucapkan salam. Hukumnya wajib keatas setiap muslim yang mukalaf	Amalan yang pertama di hisab di hari akhirat, jika ibadat solat diterima maka ibadah lain akan diterima. Jika solat di tolak maka ibadat lain juga akan tertolak.
2.	Berdoa	Doa ialah memohon sesuatu kebaikan kepada Allah SWT atau menolak sebarang perkara yang tidak baik.	Dapat mengekalkan hubungan dan pengharapan dengan Allah SWT secara berterusan.
3.	Berzikir	Ibadah dengan mengingati Allah SWT di mana sahaja dengan cara yang dibolehkan oleh syarak seperti menerusi ucapan, perbuatan atau hati.	Dapat menenangkan jiwa. Berperanan mengukuhkan dan memantapkan keimanan seseorang.

4.	Bertawakal	Berserah kepada Allah SWT setelah berusaha dengan bersungguh-sungguh.	Melahirkan sifat reda dengan segala qadak dan qadar Allah SWT
5.	Bertaubat	Menyesal dengan perbuatan salah yang telah dilakukannya dan tidak mengulangi lagi perbuatan tersebut dengan mentaati suruhanNya dan meninggalkan Allah SWT	Menjauhkan diri daripada perbuatan dosa. serta dapat mengubah dosa kepada kebaikan.
6.	Mujahadah	Berusaha dengan bersungguh-sungguh untuk melawan dan menundukkan kehendak hawa nafsu.	Dapat mengikut kehendak Allah SWT dalam setiap perkara.
7.	Muhasabah	Perbuatan menilai dan melihat kekurangan diri sendiri.	Mendidik diri agar sentiasa mencela segala kejahanatan yang pernah dilakukan yang boleh menjadi penghalang untuk mandapat keredhaan dari Allah SWT.

1.2.3 : KEPENTINGAN AMALAN AKIDAH MENURUT ISLAM

2.29 Bincangkan kesan pelaksanaan akidah yang sebenar dalam kehidupan. Kesan pelaksanaan akidah yang sebenar dalam kehidupan.

Bil	Amalan	Contoh Pengamalan	Kesan
1.	Berdoa	Berdoa sebelum melakukan sesuatu pekerjaan	Melahirkan keyakinan dalam pekerjaan tersebut
		Berdoa kepada Allah SWT ketika menghadapi musibah	Reda dengan segala qadak dan qadar Allah SWT
2.	Berzikir	Membaca Al-Quran setiap hari	Menenangkan jiwa
		Menyebut al-Hamdullilah semasa mendapat sesuatu kebaikan	Meningkatkan keimanan kepada Allah SWT

3.	Bertawakal	Berserah kepada Allah SWT setelah berusaha dengan bersungguh-sungguh	Yakin dengan ketentuan baik daripada Allah SWT
		Belajar bersungguh-sungguh untuk berjaya	Mendapat kejayaan dalam hidup di dunia dan akhirat
4.	Bertaubat	Memperbanyakkan istigfar	Menghapuskan dosa
		Melakukan solat sunat taubat	Mendapat pahala.
5.	Mujahadah	Menjauhi perbuatan dosa	Meningkatkan akhlak mulia
		Meningkatkan ibadah kepada Allah SWT	Menambahkan pahala
6.	Muhasabah	Menilai perbuatan dosa yang dilakukan	Dapat menjauhkan diri daripada dosa
		Bertaubat atas segala perbuatan dosa yang dilakukan	Mendapat keredaan Allah SWT

1.2.4 : PEMBUKTIAN AKIDAH YANG BENAR

2.30 Nyatakan pegangan akidah yang menepati tuntutan Islam

Pegangan akidah yang menepati tuntutan Islam.

1. Berasaskan kepada kepercayaan kepada kewujudan dan kekuasaan Allah SWT yang Maha Esa
2. Bersih daripada unsur mitos, khurafat dan mendewa-dewakan manusia
3. Bertepatan dengan al-Quran dan Hadis Rasulullah SAW
4. Bepegang dengan dalil naqli dan aqli
5. Berlandaskan ilmu, iman dan amal.

PELAJARAN 3 : IBADAH MENURUT ISLAM

1.3.1 : KONSEP IBADAH DALAM ISLAM

3.1 Jelaskan maksud ibadah menurut Islam

Maksud ibadah menurut Islam

Ialah pengabdian diri kepada Allah SWT melalui perbuatan, perkataan dan pengakuan hati yang ikhlas semata-mata kerana Allah SWT berlandaskan syariat Islam.

3.2 Jelaskan ciri-ciri ibadah menurut Islam.

Ciri-ciri ibadah Islam.

1. Dilakukan semata-mata kerana Allah SWT
2. Perhubungan langsung antara hamba dengan penciptaNya tanpa melalui perantaraan makhluk yang lain
3. Skop ibadah dalam Islam adalah sangat luas dan merangkumi segenap aspek kehidupan manusia
4. Tidak terkongkong pada sesuatu masa dan tempat peribadatan sahaja.

3.3 Nyatakan dalil wajib beribadah kerana Allah SWT

Dalil wajib beribadah kerana Allah SWT.

وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّةَ وَالْإِنْسَانَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِ ﴿٥٦﴾

Maksudnya : “ Aku tidak menciptakan jin dan manusia kecuali supaya mereka menyembah-Ku.” (Surah al-Dzariyah 51:56)

3.4 Ibadah dibahagikan kepada ibadah khusus dan ibadah umum. Jelaskan pengertian kedua-dua jenis ibadah tersebut dan contohnya sekali Pengertian jenis ibadah tersebut dan contoh

Ibadah Khusus :

Semua amalan khusus yang disyariatkan oleh Allah SWT samada fardu atau sunat.
Contoh : Solat, Puasa sunat, menguruskan jenazah, menuntut ilmu dan sebagainya.

Ibadah umum :

Semua amalan kebaikan yanhg disyariatkan oleh Allah SWT bagi menghubungkan manusia dalam sesebuah masyarakat demi kebaikan dan keharmonian hidup bersama.

Contoh : Bekerja, belajar, membuang benda berbahaya di jalan raya, membuat penyelidikan dan sebagainya.

3.5 Nyatakan syarat-syarat sah ibadah dalam Islam.

Syarat-syarat sah Ibadah dalam Islam

1. Dilakukan dengan ikhlas kerana Allah SWT
2. Mengikut sunnah iaitu sebagaimana yang disyariatkan oleh Allah SWT dan rasulnya
3. Tujuan ibadat tersebut adalah untuk kemakmuran alam dan manusia sejagat.

- 3.6 Jelaskan perkaitan antara ibadah khusus dengan ibadah umum**
Perkaitan antara ibadah khusus dengan ibadah umum.

Bil	Ibadat Umum	Ibadat Khusus
1.	Membolehkan segala dosa dan kesalahan yang kecil terhapus daripada seseorang	Membolehkan segala akhlak buruk seperti mengumpat dan hasad dengki terhapus dalam masyarakat
2.	Dapat melahirkan individu yang bersih jiwa dan peribadinya	Melahirkan masyarakat dan negara yang harmoni yang dan aman damai
3.	Melahirkan individu yang taatkan perintah Allah SWT dan rasul	Melahirkan masyarakat yang taatkan pemimpin dan kerajaan

- 3.7 Nyatakan tiga kesan melakukan ibadah umum kepada individu, masyarakat dan negara.**

Tiga kesan melakukan ibadah umum kepada individu, masyarakat dan negara.

i. Individu

1. Dihormati dan disayangi oleh orang lain
2. Dapat melahirkan sifat ikhlas
3. Mewujudkan sifat bekerjasama dan bertolak ansur dalam diri seseorang

ii. Masyarakat

1. Melahirkan perpaduan dalam masyarakat
2. Mewujudkan sebuah masyarakat yang bekerjasama
3. Masyarakat akan lebih aman Melahirkan negara yang bersatu padu

iii. Negara

1. Negara menjadi lebih aman dan maju
2. Negara dipandang tinggi oleh negara lain
3. Negara menjadi aman

1.3.2 : AMALAN YANG BERKAITAN DENGAN IBADAH

3.8 Terangkan amalan yang berkaitan dengan ibadah dalam Islam.

Amalan yang berkaitan dengan ibadah dalam Islam :

Bil	Amalan	Pengertian	Jenis Ibadat	Kepentingan
1.	Solat fardu	Ibadah yang terdiri dari ucapan dan gerakan yang dimulai dengan takbirakutul ihram dan diakhiri dengan mengucapkan salam. Hukumnya wajib keatas setiap muslim yang mukalaf	Khusus	Amalan yang pertama di hisab di akhirat, jika ibadat solat diterima maka ibadah lain akan diterima. Jika solat di tolak maka ibadat lain juga akan tertolak.
2.	Zakat	Ibadat dengan mengeluarkan sebahagian harta tertentu dengan syarat-syarat tertentu untuk diberikan kepada golongan tertentu.	Khusus	Dapat memastikan harta yang dimiliki adalah miliknya yang sebenar setelah dikeluarkan zakat
3.	Puasa	Ibadah dengan menahan diri daripada makan dan minum serta perkara yang membatalkan puasa daripada terbit fajar sidik hingga terbenam matahari	Khusus	Dapat melatih diri dengan sifat sabar
4.	Belajar	Menuntut ilmu yang berfaedah sesuai dengan syariat Islam	Umum	Dapat menambahkan ilmu pengetahuan dan kemahiran

5.	Solat Jenazah	Solat untuk orang mati yang dilakukan sebelum pengebumian tetapi selepas dikafarkan. Solat ini dilakukan secara berjemaah untuk meminta ampun dan mendoakan si matii	Umum	Dapat mendoakan kepada si mati
6.	Penyelidikan	Kerja yang kreatif dan sistematis yang dijalankan untuk meningkatkan pengetahuan, dan ilmu untuk merangka aplikasi dan inovasi baharu	Umum	Dapat menemui penemuan dan inovasi baharu untuk kepentingan kehidupan manusia
7.	Lafaz Syahadah	Ucapan penyaksian atau pengakuan seseorang terhadap sesuatu.	Khusus	Menjadi bukti penyaksian Allah SWT sebagai pencipta dan Nabi Muhammad SAW sebagai utusan Allah SWT
8.	Bekerja	Usaha, kegiatan atau urusan yang bertujuan utk menghasilkan sesuatu.	Umum	Mendapat pendapatan untuk menyara hidup

3.9 Jelaskan maksud melakukan ibadah tanpa syariah

Maksud melakukan ibadah tanpa syariah

Melakukan sesuatu perbuatan yang disangkakan sebagai ibadah sedangkan perbuatan tersebut tidak di syariatkan dalam Islam. Contohnya melenggang perut bagi perempuan yang mengandung.

3.10 Jelaskan kesan melakukan ibadah tanpa syariah.

Kesan melakukan ibadah tanpa syariah.

1. Amalan yang dilakukan tanpa panduan dan kefarduan yang sebenar tidak akan diterima oleh Allah SWT.
2. Merosakkan ibadat dan tidak mendapat sebarang pahala.
3. Dilaknat oleh Allah SWT kerana mengada-gadakan sesuatu yang tidak difardukan
4. Merosakkan iman.

3.11 Jelaskan maksud melakukan syariah tanpa ibadah.

Maksud melakukan syariah tanpa ibadah.

Meninggalkan sesuatu perintah Allah yang telah disyariatkan dengan beranggapan perbuatan tersebut tidak diwajibkan dalam Islam kerana sebab-sebab yang tertentu. Contohnya hukum potong tangan keatas pencuri.

3.12 Nyatakan kesan melakukan syariah tanpa ibadah.

Kesan melakukan syariah tanpa ibadah.

1. Dilaknat oleh Allah SWT.
2. Merosakkan syariat dan sia-sia.

3.13 Nyatakan tiga sebab manusia mesti melakukan ibadah kepada Allah SWT

Tiga sebab manusia mesti melakukan ibadah kepada Allah SWT.

1. Untuk menyempurnakan perintah Allah SWT kepada hambanya
2. Dapat mendidik jiwa dari segi kebendaan agar tidak terlalu sayangkan harta
3. Mendapat pahala dan keredaan dari Allah SWT dengan melakukan segala suruhannya
4. Untuk mencapai kebahagiaan hidup di dunia dan di akhirat.

1.3.3 : KEPENTINGAN IBADAH MENURUT ISLAM

3.14 Terangkan kepentingan melakukan ibadah kepada individu, masyarakat, dan negara.

Kepentingan melakukan ibadah kepada individu masyarakat dan negara.

i. Individu

1. Mendisiplinkan diri seseorang.
2. Menghalang perbuatan keji dan munkar.
3. Memperolehi kebahagiaan hidup di dunia dan akhirat

ii. Masyarakat

1. Ibadah melahirkan kesatuan matlamat dalam kehidupan masyarakat.
2. Asas perpaduan umat Islam kerana dalam menunaikan ibadah kepada Allah SWT semua umat Islam dari seluruh pelusuk dunia melafazkan niat, gerak dan bacaan yang sama.
3. Melahirkan masyarakat yang produktif kerana semua aktiviti yang dilakukan

iii. Negara

1. Mewujudkan negara yang melaksanakan ajaran Islam. Keadaan ini hasil dari kesedaran, ketaatan, penghayatan Islam oleh pihak rakyat dan golongan pemerintah yang inginkan sistem hidup Islam yang berlandaskan al-Quran dan Sunnah
2. Melahirkan negara yang aman
3. Membentuk budaya hidup Islam dalam negara

3.15. Jelaskan ciri kesempurnaan ibadah dalam Islam.

Ciri kesempurnaan ibadah dalam Islam.

1. Mempunyai niat yang ikhlas kerana Allah SWT dalam melakukan ibadat agar ibadatnya diterima oleh Allah SWT
2. Memahami tuntutan syarak dalam beribadat untuk mendapat pahala seperti tuntutan hukum wajib, sunat, makruh dan haram
3. Memenuhi segala peraturan dalam beribadat seperti memenuhi syarat, rukun, tertib dan sebagainya agar amalannya tidak sia-sia

3.16 Bincangkan keperluan melaksanakan ibadah wajib secara berterusan.

Keperluan melaksanakan ibadah wajib secara berterusan.

Bil	Ibadat Wajib	Kesan dilaksanakan secara istiqamah
1.	Mengerjakan Solat	Menyelamatkan diri daripada perbuatan keji dan mungkar
2.	Puasa pada bulan Ramadan	Melahirkan sifat sabar dalam diri seseorang dan melatih jiwa supaya bersih daripada sifat-sifat yang mazmumah seperti hasad dengki, tamak haloba, sompong dan takbur.
3.	Menunaikan Hajji	Mewujudkan sifat pengorbanan dan ketabahan
4.	Mengeluarkan Zakat	Membersihkan diri daripada sifat bakhil dan kedekut, ia juga dapat membentuk individu yang bersifat pemurah, rajin berusaha dan suka menolong orang yang susah

5.	Bekerja	Melahirkan sifat adil, jujur, sentiasa berprasangka baik, bermesra dan adil dalam segala perlakuan sehari-hari.
6.	Melakukan penyelidikan	Menambahkan keinsafan dan ketakwaan kepada Allah SWT

1.3.4 PELAKSANAAN IBADAT WAJIB

3.17 Terangkan cara menerapkan perlakuan ibadah dalam masyarakat

Cara menerapkan perlakuan ibadah dalam masyarakat.

1. Melalui pendidikan daripada ibu bapa sejak dari kecil.
2. Melaksanakan kempen tentang kebaikan ibadah dalam masyarakat.
3. Membangunkan pasaran yang bersesuaian untuk melakukan ibadah dalam masyarakat.

3.18 Nyatakan cara meningkatkan kualiti ibadah menurut Islam.

Cara meningkatkan kualiti ibadah menurut Islam.

1. Sentiasa mengingati Allah SWT ketika melakukan pekerjaan.
2. Meningkatkan ilmu pengetahuan tentang ibadat khusus dan umum.
3. Sabar dan istiqamah dalam melakukan ibadah.

3.19 Jelaskan perkara yang boleh membatalkan pahala ibadah.

Perkara-perkara yang boleh membatalkan pahala ibadah.

1. Murtad : iaitu keluar daripada agama Islam.
2. Syirik : iaitu menyekutukan Allah SWT dengan sesuatu yang lain.
3. Munafik : iaitu seseorang yang berpura-pura menganut dan patuh kepada ajaran Islam sedangkan hatinya tidak mempercayai ajaran Islam.
4. Takbur : Sikap membesar diri seperti somborg dan angkuh dengan perkara kebaikan yang telah dilakukan dan segala nikmat kesenangan yang telah dikurniakan oleh Allah SWT. kepadanya.
5. Riak : iaitu menunjuk-nunjuk amalan baik yang telah dilakukannya kepada orang lain dengan tujuan mendapat pujian dan sanjungan daripada masyarakat.
6. Ujub : iaitu merasa kagum dengan amalan sendiri serta somborg dalam melakukan sesuatu ibadat serta memandang rendah dan melekeh-lekehkan amalan kebaikan yang dilakukan oleh orang lain.
7. Suma'ah : iaitu menceritakan amalan baik yang dilakukan kepada orang lain dengan tujuan untuk mendapatkan pujian dan sanjungan daripada orang lain.
8. Mengungkit-ungkit: iaitu mebangkit-bangkit kembali bantuan dan perbuatan baik yang telah diberikan kepada seseorang dengan tujuan supaya orang tersebut sentiasa mengenang jasa dan pertolongan yang telah diberikannya.

9. Aza : ialah perkataan atau perbuatan yang dilakukan ke atas orang yang menerima bantuan dan pertolongan daripada seseorang. Perbuatan itu dilakukan dengan mengungkit-ungkit pertolongan yang telah diberikannya sehingga menimbulkan perasaan sakit hati orang yang mendapat pertolongan tersebut.
10. Hasad dengki: ialitu iri hati atau rasa benci dengan nikmat dan kebaikan yang diperoleh oleh orang lain dan berusaha agar nikmat tersebut hilang daripada orang itu atau berpindah kepadanya dengan cara yang salah.

3.20 Bincangkan perkaitan antara ibadah dengan hukum wajib, haram, sunat, makruh dan harus.

Perkaitan antara ibadah dengan hukum wajib, haram, sunat, makruh dan harus.

Bil	Hukum	Perkaitan Dengan Ibadah
1.	Wajib	Menunjukkan bahawa suruhan tersebut mesti dilakukan. Jika dilakukan akan mendapat pahala dan jika ditinggalkan akan mendapat dosa
2.	Haram	Menunjukkan bahawa larangan tersebut mesti ditinggalkan. Jika ditinggalkan akan mendapat pahala dan jika dilakukan akan mendapat dosa
3.	Sunat	Pilihan kepada manusia samada untuk melakukan atau meninggalkan ibadah tersebut. Jika dilakukan akan mendapat pahala, tetapi jika ditinggalkan akan rugi.
4.	Makruh	Pilihan kepada manusia untuk meninggalkan perbuatan tersebut. Jika ditinggalkan akan mendapat pujian, jika dilakukan tidak mendapat sebarang dosa.
5.	Harus	Pilihan kepada manusia samada melakukan atau meninggalkan sesuatu perbuatan tersebut. Tiada dosa atau pahala diberikan jika meninggal atau melakukan perkara tersebut.

PELAJARAN 4 : AKHLAK MENURUT ISLAM

1.4.1 : KONSEP AKHLAK MENURUT ISLAM

4.1 Jelaskan maksud akhlak menurut Islam

Maksud akhlak menurut Islam

Sifat yang tertanam dalam jiwa seseorang yang mendorong mereka melakukan sesuatu perbuatan dan perlakuan tanpa memerlukan pertimbangan yang mendalam

4.2 Jelaskan ciri-ciri akhlak Islam.

Ciri-ciri akhlak Islam.

1. Bersumberkan al-Quran dan al-Hadis
2. Berlandaskan fitrah kejadian manusia
3. Tetap dan tidak berubah sepanjang masa
4. Meliputi semua aspek kehidupan manusia

4.3 Nyatakan dalil wajib berakhhlak mulia

Dalil wajib berakhhlak mulia

وَمَنْ كَانَ مِنَ الظَّالِمِينَ إِيمَانُهُ وَتَوَاصُوا بِالصَّبْرِ وَتَوَاصُوا بِالْمَرْحَمَةِ ...

Maksudnya : “ Dan mereka termasuk orang-orang yang beriman dan mereka saling berpesan dengan kesabaran, mereka saling berpesan dengan kasih sayang.” (Al-Balad 90:17)

4.4 Akhlak dibahagikan kepada akhlak mahmudah dan akhlak mazmumah.

Jelaskan pengertian kedua-dua jenis akhlak tersebut dan contohnya sekali.

Pengertian jenis akhlak tersebut dan contoh.

i. Akhlak Mahmudah :

Perbuatan terpuji menurut pandangan akal dan syariat Islam. Contohnya menjaga kebersihan.

ii. Akhlak Mazmumah :

Perbuatan tercela menurut pandangan akal dan syariat Islam. Contohnya berputus asa.

4.5 Nyatakan contoh pelajar yang berakhhlak mahmudah dan mazmumah.

Contoh pelajar yang berakhhlak mahmudah dan mazmumah.

Bil	Jenis Akhlak	Contoh Akhlak Mahmudah	Contoh Akhlak Mzmumah
1	Berakhhlak dengan Allah SWT	Bersyukur dengan nikmat Allah SWT	Kufur dengan nikmat Allah SWT
2	Berakhhlak dengan manusia lain	Menunaikan amanah	Khianat dengan amanah yang diberi
3	Berakhhlak dengan alam	Menjaga alam sekitar	Memusnahkan alam sekitar
4	Berakhhlak dengan haiwan	Berbuat baik kepada haiwan	Menzalimi haiwan

4.6 Jelaskan cara menghindarkan diri daripada akhlak yang di keji
Cara menghindarkan diri daripada akhlak yang di keji

1. Memperbanyakkan ibadah kepada Allah SWT supaya dapat mendidik jiwa dengan sifat yang mulia.
2. Sentiasa bersyukur dengan segala nikmat Allah SWT
3. Sentiasa menjaga silaturahim sesama manusia lain dengan baik

1.4.2 : AMALAN BERKAITAN DENGAN AKHLAK

4.7 Nyatakan amalan yang berkaitan dengan akhlak mulia
Amalan yang berkaitan dengan akhlak mulia.

Bil	Contoh Akhlak Mulia	Pengertian	Contoh Pengaplikasian
1	Penyabar	iaitu tabah menahan penderitaan, tidak putus asa serta tenang menghadapi penderitaan	Tabah dalam menghadapi pelajaran
2	Pemaaf	Bermaksud mengikhlaskan apa yang telah dilakukan oleh orang lain keatas dirinya	Memaafkan kesalahan orang lain
3	Pemurah	Suka mendermakan sesuatu yang berharga kepada orang lain	Memberi makan kepada orang miskin
4	Hormat Menghormati	Memuliakan orang lain dengan berinteraksi dan memberi layanan yang baik dan sopan untuk mewujudkan keharmonian dalam perhubungan	Memuliakan tetamu
5.	Prihatin	Mengambil berat terhadap sesuatu perkara	Guru sentiasa peka dengan perubahan pelajarnya
6.	Tolong Menolong	Membantu meringankan beban orang lain samada berbentuk tenaga, kewangan atau nasihat	Membantu orang yang memerlukan bantuan
7.	Kasih Sayang	Kecenderungan kepada orang yang dicintai, serta sanggup mengorbankan diri, nyawa dan harta demi mempertahankan orang yang disayangi berlandaskan hukum syarak	Mengelakkan pergaduhan dan permusuhan

4.8 Jelaskan ciri-ciri orang yang berakhhlak mahmudah.

Ciri-ciri orang yang berakhhlak mahmudah.

i. Penyabar

1. Menerima segala keputusan dengan hati yang terbuka
2. Sentiasa komitmen dan tidak mudah menyerah kalah

ii. Pemaaf

1. Sentiasa berfikir secara rasional
2. Menerima sesuatu keputusan dengan tenang

iii. Pemurah

1. Sentiasa ikhlas dalam segala perbuatannya
2. Seorang yang bersederhana dalam berbelanja iaitu tidak terlalu boros dan tidak pula bakhil.

iv. Hormat Menghormati

1. Sentiasa menjaga perasaan orang lain
2. Sentiasa menghargai orang lain

v. Prihatin

1. Suka berbuat baik kepada orang lain
2. Sentiasa memahami perasaan orang lain

vi. Tolong Menolong

1. Lebih menjaga kepentingan orang lain daripada kepentingan diri sendiri
2. Mempunyai sifat empati iaitu sentiasa memahami situasi yang di alami oleh orang lain

vii. Kasih Sayang

1. Mempunyai pemikiran yang terbuka
2. Sentiasa disenangi oleh orang ramai

4.9. Terangkan cara memupuk sifah mahmudah.

Cara memupuk sifat mahmudah

Bil	Contoh Akhlak Mulia	Cara Memupuk Akhlak Tersebut
1.	Penyabar	<ol style="list-style-type: none"> 1. Melatih diri untuk bersifat baik dan positif seperti lemah lembut, baik hati, dan tenang dalam menghadapi apa jua situasi. 2. Sentiasa menguatkan jiwanya ketika hendak marah, kemudian ingat tentang akibat buruk marah dan mengingati kelebihan orang yang menahan marah dan memaafkan kesalahan orang lain.
2.	Pemaaf	<ol style="list-style-type: none"> 1. Memperbanyak melakukam ibadat wajib dan sunat, banyak berzikir dan membaca al-Quran. Dengan kekuatan iman dan takwa secara langsung akan menjauhkan perkara yang ditegah, termasuk sifat pemarah. 2. Menjauhkan sifat iri hati dan dengki dalam diri
3.	Pemurah	<ol style="list-style-type: none"> 1. Sentiasa bersyukur dengan segala nikmat yang diberikan oleh Allah SWT 2. Menanamkan perasaan impati dalam diri seseorang
4.	Hormat Menghormati	<ol style="list-style-type: none"> 1. Melibatkan diri dengan aktiviti kemasyarakatan 2. Sentiasa melayan seseorang dengan baik dan sopan
5.	Prihatin	<ol style="list-style-type: none"> 1. Sentiasa mengambil tahu keadaan yang berlaku di sekeliling kita 2. Menanamkan perasaan simpati dengan musibah yang berlaku keatas orang lain
6.	Tolong Menolong	<ol style="list-style-type: none"> 1. Memupuk semangat kesukarelawan dalam diri seseorang 2. Menanamkan perasaan suka mengambil tahu kesusahan yang dialami oleh orang lain
7.	Kasih Sayang	<ol style="list-style-type: none"> 1. Menanamkan sifat kasihan belas dalam diri seseorang 2. Menjauhkan diri daripada sifat dendam dan dengki dalam diri seseorang

1.4.3 : KEPENTINGAN AKHLAK MENURUT ISLAM

4.10 Jelaskan kepentingan berakhlak mulia dalam kehidupan sehari-hari

Kepentingan berakhlak mulia dalam kehidupan sehari-hari

1. Melahirkan pelajar yang bersungguh-sungguh dalam menuntut ilmu
2. Sentiasa tabah menghadapi sebarang dugaan dan cubaan
3. Menjadikan seseorang itu sentiasa berusaha untuk membaiki kelemahan diri

4.11 Jelaskan kesan ketiadaan sifat mulia dalam masyarakat.

Kesan ketiadaan sifat mulia dalam masyarakat.

1. Lahirnya masyarakat yang mementingkan diri sendiri
2. Masyarakat akan saling curiga mencurigai antara satu sama lain

4.12 Nyatakan cara memupuk akhlak mulia dalam diri seseorang.

Cara memupuk akhlak mulia dalam diri seseorang.

1. Sentiasa mentaati perintah Allah SWT dan rasul-Nya.
2. Mencontohi dan meladani Rasulullah SAW yang berpekerti mulia.
3. Mujadalah dalam memperbaiki diri.

4.13 Nyatakan kesan ketiadaan akhlak mulia dalam diri seseorang

Kesan ketiadaan akhlak mulia dalam diri seseorang

1. Lahirnya individu yang mementingkan diri sendiri
2. Akan dibenci oleh masyarakat
3. Wujudnya perasaan sombang dan pendendam

1.4.4 : PENGAMALAN AKHLAK MULIA

4.14 Nyatakan cara mengamalkan akhlak mulia dalam masyarakat.

Cara mengamalkan akhlak mulia dalam masyarakat.

Bil	Contoh Akhlak Mulia	Cara pengamalan / penghayatan
1	Penyabar	<ol style="list-style-type: none">1. Sentiasa menerima sesuatu takdir Allah SWT dengan hati yang tenang2. Sentiasa bersikap positif dengan sesuatu perkara
2.	Pemaaf	<ol style="list-style-type: none">1. Berlapang dada dengan sesuatu musibah yang menimpa2. Memandang sesuatu perkara secara positif

3.	Pemurah	1. Sentiasa bersyukur dengan segala nikmat Allah SWT 2. Sentiasa mengambil tahu dengan penderitaan orang lain
4.	Hormat Menghormati	1. Saling menghormati sesama rakan tanpa mengira bangsa dan agama 2. Memuliakan tetamu tanpa mengira kedudukan
5.	Prihatin	1. Bersimpati dengaan penderitaan orang lain 2. Sentiasa ada usaha dan inisiatif membantu orang lain
6.	Tolong Menolong	1. Suka menghulurkan bantuan kepada orang yang memerlukan 2. Cepat membantu apabila terdapat orang lain yang memerlukan pertolongan
7	Kasih Sayang	1. Mengeratkan silaturahim dan merapatkan persaudaraan sesama manusia 2. Mengelakkan pergaduhan dan permusuhan

PELAJARAN 5 : PRINSIP PANDANGAN HIDUP ISLAM

1.5.1: PENGERTIAN RABANIYYAH, SYUMULIYYAH, WAQIYYAH, ALAMIYYAH, THABAT DAN MURUNAH.

5.1 Apakah yang dimaksudkan dengan rabaniyyah

Maksud rabaniyyah ialah

Semua hukum, konsep, prinsip , nilai dan peraturan Islam adalah secara mutlak datangnya daripada Allah SWT.

5.2 Berikan pengertian syumuliyyah.

Pengertian syumuliyyah ialah.

Ajaran Islam adalah sempurna dan menyeluruhan yang meliputi semua aspek kehidupan manusia di dunia dan di akhirat.

5.3 Apakah yang dimaksudkan dengan waqiiyyah

Maksud waqiiyyah ialah

Ajaran Islam bersifat praktikal dan boleh diamalkan dalam kehidupan manusia kerana ajarannya sesuai dengan fitrah semulajadi manusia

5.4 Apakah yang dimaksudkan dengan alamiyyah

Maksud alamiyyah ialah

Ajaran Islam sesuai diamalkan oleh semua manusia tanpa mengira masa, tempat dan zaman

5.5 Apakah yang dimaksudkan dengan murunah

Maksud murunah ialah :

Ajaran Islam boleh diperluaskan, berubah mengikut kesesuaian manusia tanpa mengubah prinsip asas yang telah ditetapkan oleh al-Quran dan al-Hadis.

5.6 Apakah yang dimaksudkan dengan thabat

Maksud thabat ialah :

Ajaran Islam tetap dan tidak berubah dalam apa jua keadaan contohnya akidah, hukum wajib dan sebagainya

1.5.2 : CIRI-CIRI DAN PRINSIP-PRINSIP PANDANGAN HIDUP ISLAM

01. : RABANIYYAH

5.7 Nyatakan prinsip-prinsip rabaniyyah

Prinsip rabaniyyah.

1. Islam agama yang diwahyukan oleh Allah SWT melalui perantaran Malaikat Jibril kepada Rasulullah SAW
2. Islam bersih dan jitu daripada sebarang kekurangan, kejahilan dan dorongan hawa nafsu manusia.
3. Islam dan seluruh alam merupakan hak milik mutlak Allah SWT.
4. Allah SWT sebagai pencipta peraturan hidup untuk menjamin kesejahteraan hidup manusia di dunia dan akhirat

5.8 Jelaskan cara memiliki sifat rabaniyyah

Cara memiliki sifat rabaniyyah.

1. Percaya dan yakin dengan segala rukun iman seperti beriman dengan perkara ghaib.
2. Mengerjakan segala perintah Allah SWT seperti bersolat dan meninggalkan segala larangan-Nya.
3. Berjihad dengan nyawa, harta benda dan fikiran untuk meninggikan syariat Islam.
4. Bekerja dan berusaha dengan bersungguh-sungguh untuk mencari keredaan Allah SWT.

02. : SYUMULIYYAH

5.9 Terangkan empat prinsip syumuliyyah.

Empat prinsip syumuliyyah.

1. Kesempurnaan hanya milik Allah SWT berbanding manusia yang bersifat lemah
2. Semua makhluk terikat dengan sunatullah, peraturan Allah SWT dan kemahuan Allah SWT seperti takdir dan ketetapan yang telah ditetapkan oleh Allah SWT sejak dari azali lagi.
3. Semua manusia terikat dengan masa, ruang dan keadaan tertentu seperti rasa lapar, dahaga, sakit dan sebagainya.
4. Allah SWT menyediakan syariat yang lengkap untuk manusia menjalankan kehidupan di dunia ini.

5.10 Jelaskan bidang kesyumulan Islam dalam kehidupan sehari-hari

Bidang kesyumulan Islam dalam kehidupan sehari-hari.

1.Ibadat Khusus.

Semua amalan khusus yang disyariatkan oleh Allah SWT kepada manusia, samada fardu atau sunat seperti solat, puasa, zakat dan sebagainya bagi menghubungkan manusia dengan Allah SWT secara langsung.

2. Ibadat Umum.

Segala amalan kebaikan yang disyariatkan oleh Allah SWT bagi menghubungkan sesama manusia dalam masyarakat demi keharmonian hidup bersama. Amalan tersebut samada fardu ain atau kifayah seperti tolong menolong, bekerjasama dan sebagainya.

5.11 Jelaskan aspek syumuliyyah dalam konteks keilmuan

Aspek syumuliyyah dalam konteks keilmuan:

1. Ilmu dalam Islam merangkumi ilmu fardhu ain dan fardhu kifayah untuk kebahagiaan dunia dan akhirat.
2. Islam menggalakan manusia menuntut ilmu yang tidak bercanggah dengan syarak
3. Islam mewajibkan umatnya menghayati dan mengamalkan ilmu dalam kehidupan.

5.12 Jelaskan aspek syumuliyyah dalam konteks ekonomi

Aspek syumuliyyah dalam konteks ekonomi ialah:

1. Kebebasan mencari, memiliki dan mengurus harta berlandaskan syariat Islam
2. Kewajipan mengeluarkan zakat dan infak pada jalan Allah SWT.
3. Mengurangkan jurang perbezaan taraf hidup antara yang kaya dengan miskin
4. Mengharamkan penindasan, monopolii, manipulasi dan lain-lain dalam ekonomi

5.13 Terangkan dua contoh syumuliyyah dalam bidang ekonomi

Dua contoh syumuliyyah dalam bidang ekonomi

1. Islam menyediakan panduan berjual beli, gadaian, sewaan untuk manusia memenuhi keperluan hidup mereka
2. Kewajipan Zakat dalam Islam adalah untuk menggalakkan pertumbuhan ekonomi umat Islam
3. Peraturan wakaf, sedekah, infak dan derma adalah untuk membantu umat Islam yang memerlukan bantuan
4. Pengharaman riba, monopoli, manipulasi dan judi adalah supaya umat Islam memperolehi harta yang diberkati

5.14 Jelaskan aspek syumuliyyah dalam konteks sosial

Aspek syumuliyyah dalam konteks sosial ialah:

1. Sistem sosial Islam lengkap dan sempurna yang merangkumi dunia dan akhirat
2. Sistem sosial Islam adalah sesuai pada setiap masa, tempat dan keadaan
3. Sistem sosial Islam tidak membezakan warna kulit dan keturunan seseorang

5.15 Jelaskan aspek syumuliyyah dalam konteks perundangan

Aspek syumuliyyah dalam konteks perundangan

1. Keadilan Islam bersifat sejagat tanpa mengira pangkat dan darjah seseorang.
2. Islam menetapkan hukuman yang setimpal dengan kesalahan yang dilakukan
3. Islam memelihara hak asasi manusia daripada di cerobohi
4. Konsep pembalasan dalam perundangan Islam adalah merangkumi dunia dan akhirat.
5. Perundangan Islam membela golongan yang tertindas dan lemah dalam masyarakat.

5.16 Jelaskan aspek syumuliyyah dalam konteks sistem munakahat

Aspek syumuliyyah dalam konteks munakahat

1. Sistem munakahat Islam adalah sesuai dengan fitrah semulajadi manusia.
2. Sistem munakahat Islam menetapkan hak dan kewajipan suami isteri dan anak-anak yang mestti dilaksanakan
3. Sistem munakahat Islam mengatur sistem kekeluargaan yang sempurna

5.17 Jelaskan aspek syumuliyyah dalam konteks ibadat

Aspek syumuliyyah dalam konteks ibadat

1. Ibadat dalam Islam merangkumi ibadat khusus dan ibadat umum
2. Setiap amalan dan pekerjaan yang bertujuan untuk mendapat keredaan Allah SWT dikira sebagai ibadat
3. Ibadat dalam Islam sesuai dengan fitrah semulajadi manusia dan mampu dilaksanakan oleh semua manusia.

03 : WAQIYYAH

5.18 Nyatakan prinsip-prinsip waqiiyah

Prinsip-prinsip waqiiyah

1. Ajaran Islam bersifat praktikal bukan utopia
2. Islam mampu menyelesaikan sebarang masalah kehidupan manusia.
3. Islam memberi ruang kepada perkembangan fikiran dan tamadun ilmu

5.19 Terangkan bukti waqiiyah dalam muamalat

Bukti waqiiyah dalam muamalat

1. Muamalat Islam mementingkan sifat kejujuran dalam semua urusan
2. Muamalat Islam mewajibkan sukanan dan timbangan dilakukan dengan betul dan tepat
3. Muamalat Islam melarang penindasan seperti riba, monopoli dalam sistem ekonomi
4. Muamalat Islam menimbulkan kepuasan dan ketenangan hati semua pihak

5.20 Terangkan bukti waqiiyah dalam munakahat

Bukti waqiiyah dalam munakahat

1. Sistem munakahat sesuai dengan fitrah dan keinginan semula jadi manusia yang inginkan kehidupan bekerluarga
2. Peraturan munakahat mampu dilaksanakan dan tidak membebankan manusia untuk melaksanakannya.

5.21 Terangkan bukti yang menunjukkan waqiiyah dalam ibadah

Bukti yang menunjukkan waqiiyah dalam ibadah

1. Ibadat dalam Islam tidak membeban dan menyusahkan manusia kerana ianya dilakukan mengikut keadaan dan kemampuan seseorang
2. Ibadat dalam Islam sesuai dengan fitrah dan naluri semulajadi manusia
3. Setiap pekerjaan yang dilakukan oleh manusia akan diberi pembalasan oleh Allah SWT samada di dunia ataupun di akhirat
4. Ibadat solat hanya diwajibkan pada waktu tertentu sahaja, iaitu Subuh, Zohor, Asar, Maghrib dan Isyak sahaja.
5. Zakat hanya dikenakan kepada harta tertentu sahaja seperti emas, perak, binatang ternakan dan sebagainya.
6. Puasa hanya diwajibkan pada bulan Ramadhan sahaja, bukan sepanjang tahun.
7. Haji hanya diwajibkan kepada orang yang berkemampuan dan sekali seumur hidup sahaja.

5.22 Terangkan bukti waqiiyyah dalam hukum jenayah

Bukti waqiiyyah dalam hukum jenayah

1. Hukum jenayah Islam menjamin keamanan dan keharmonian masyarakat.
2. Hukum jenayah Islam menegakkan keadilan sejagat
3. Hukum jenayah Islam menegakkan yang hak dan menghapuskan kebatilan.
4. Hukuman dalam sistem jenayah Islam setimpal dengan kesalahan yang dilakukan

5.23 Terangkan bukti waqiiyyah dalam bidang sosial

Bukti waqiiyyah dalam bidang sosial

1. Islam tidak memaksa orang bukan Islam memeluk Islam.
2. Islam memberi kebebasan kepada orang bukan Islam mengamalkan kepercayaan masing-masing.
3. Islam memberi kebebasan kepada individu untuk mengeluarkan pendapat selagi tidak bercanggah dengan syarak.

5.24 Apakah yang dimaksudkan dengan wasatiyyah

Maksud wasatiyyah ialah :

Bersederhana dengan mengimbangi antara keperluan hidup di dunia dan akhirat dalam kehidupan.

5.25 Jelaskan dua contoh kesederhanaan (wasatiyyah) dalam ibadat menurut prinsip waqiiyyah

Contoh kesederhanaan dalam ibadat menurut prinsip waqiiyyah

1. Islam membenarkan solat qasar dan jamak semasa musafir
2. Solat fardhu boleh dilakukan secara baerbaring atau duduk semasa sakit
3. Orang yang sakit tenat boleh berbuka puasa ketika puasa Ramadhan
4. Kewajipan zakat hanya dikenakan keatas orang yang kaya sahaja
5. Haji hanya diwajibkan keatas orang yang berkemampuan sahaja

5.26 Huraikan bukti bahawa Islam adalah agama wasatiyyah

Bukti bahawa Islam adalah agama wasatiyyah

1. Akidah

Islam hanya mewajibkan umatnya mempercayai perkara yang mempunyai bukti dan dalil yang jelas dan nyata. Contoh Islam melarang umatnya mempercayai benda-benda yang karut dan khurafat.

2. Ibadat

Ibadat dalam Islam tidak terlalu meringan dan tidak sampai membebankan umatnya contohnya ibadat haji hanya diwajibkan keatas orang yang berkemampuan sahaja.

3. Kehidupan

Ajaran Islam adalah mengimbangi antara keperluan kehidupan di dunia dan kebahagiaan hidup di akhirat

4. Undang-undang

Perundangan Islam adalah sesuai dengan fitrah semulajadi manusia. Setiap hukuman dalam Islam adalah adil dan saksama keatas semua manusia tanpa mengira pangkat seseorang

5. Individu dan Masyarakat

Setiap individu mempunyai hak yang mesti dilaksanakan bagi menjamin keharmonian hidup. Seperti hak berjiran dan sebagainya

04 : 'ALAMIYYAH

5.27 Nyatakan prinsip – prinsip alamiyyah

Prinsip – prinsip alamiyyah ialah

1. Islam memuliakan manusia
2. Nilai keadilan Islam bersifat sejagat
3. Islam sentiasa menegakkan kebenaran dan mencegah kemungkaran
4. Islam menjamin hak asasi manusia
5. Islam mengutamakan keamanan, kedamaian dan kesejahteraan dalam kehidupan manusia

5.28 Jelaskan konsep alamiyyah dalam bidang sosial / hak asasi manusia.

Konsep alamiyyah dalam bidang sosial / hak asasi manusia.

1. Tiada paksaan dalam memeluk agama Islam
2. Kebebasan bersuara dan mengeluarkan pendapat.
3. Bebas mengamalkan agama masing-masing.
4. Kebebasan dalam memiliki harta dengan cara yang halal.
5. Hak pelindungan nyawa dan kehormatan diri.

5.29 Jelaskan konsep alamiyyah dalam bidang perundangan

Konsep alamiyyah dalam bidang perundangan

1. Perundangan Islam dapat diterima dan diamalkan oleh seluruh manusia.
2. Perundangan Islam mementingkan perdamaian dan keadilan sejagat
3. Perundangan Islam menegakkan kebenaran dan menentang kebatilan.
4. Perundangan Islam membela orang yang dizalimi

- 5.30 Buktikan Islam mengamalkan prinsip alamiyyah dalam ajarannya.**
Bukti Islam mengamalkan prinsip alamiyyah dalam ajarannya.
1. Islam mempunyai prinsip yang sesuai dengan semua bangsa, tempat dan waktu.
 2. Islam dapat diterima dan diamalkan oleh semua manusia
 3. Islam sesuai dengan fitrah manusia dan tidak membebankan
- 5.31 Senaraikan bentuk hak asasi manusia yang dijaga oleh Islam**
Hak asasi manusia yang dijaga oleh Islam
1. Kebebasan bersuara
 1. Kebebasan melindungi nyawa
 2. Kebebasan beragama
 3. Kebebasan memiliki harta
 4. Kebebasan memelihara kehormatan dan maruah diri
 5. Hak untuk mendapatkan kesihatan
 6. Hak untuk mendapatkan pendidikan

05 : MURUNAH

- 5.32 Nyatakan prinsip-prinsip murunah**
Prinsip-prinsip murunah
1. Islam agama yang mudah
 2. Ajaran Islam dilaksanakan mengikut keadaan dan kemampuan manusia
- 5.33 Jelaskan dua kelebihan sifat murunah**
Kelebihan sifat murunah
1. Menunjukkan sifat toleransi ajaran Islam yang tidak bertentangan dengan Islam
 2. Menunjukkan berhikmahnya Islam kepada kehendak hidup manusia
 3. Menarik minat orang bukan Islam untuk memahami ajaran Islam dengan lebih mendalam
 4. Mengalakkan umat Islam mentaati dan melaksanakan segala perintah Allah SWT dengan sempurna
 5. Memastikan kesinambungan Islam dan ajarannya di dunia ini.
 6. Islam mudah dan menyenangkan umatnya dalam dalam urusan sehari-hari.
- 5.34 Terangkan dua contoh konsep murunah**
Contoh konsep murunah
1. Rukhsah dalam solat contohnya solat boleh diqasarkan jika dalam keadaan bermusafir
 2. Umat Islam dibenarkan memakai pakaian berfesyen dengan syarat menutup aurat

3. Rukhsah dalam puasa contohnya boleh berbuka puasa ketika sakit
4. Rukhsah dalam haji contohnya ibadat haji hanya diwajibkan ke atas orang yang berkemampuan sahaja.

06 : THABAT

5.35 Jelaskan perkara-perkara yang thabat (tetap) dalam ajaran Islam
Perkara-perkara yang thabat (tetap) dalam ajaran Islam ialah :

1. Akidah.

Akidah ialah keyakinan kepada Allah SWT yang Maha Esa dan tiada sekutu bagi-Nya. Keyakinan ini tidak boleh berubah walau apa pun yang berlaku

2. Ibadat.

Alam melakukan ibadat wajib, Islam tidak pernah memberi toleransi kepada umatnya. Kita tetap wajib menunaikan ibadat walau dalam apa jua keadaan Cuma caranya sahaja yang berbeza.

3. Ketetapan Hukum Syarak.

Hukum-hukum yang telah ditetapkan oleh Allah SWT seperti hukum wajib, haram, sunat, makruh dan harus akan tetap kekal sehingga ke hari kiamat

5.36 Huraikan perkaitan antara murunah dengan thabat

Perkaitan antara murunah dengan thabat

1. Islam bersifat tetap dalam perkara asas dan prinsip tetapi murunah (anjal) dalam perkara cabang dan pelaksanaannya. Contohnya kewajipan menutup aurat adalah tetap, tetapi cara menutup aurat (berpakaian) di beri kelonggaran kepada manusia mengikut feysen dan keselesaan mereka.
2. Setiap perkara telah ditetapkan asasnya dalam Islam, tetapi terpulanglah kepada manusia untuk melaksanakannya. Contohnya Islam menggalakkan perniagaan dan mengharamkan riba.

5.37 Amir hendak bermusafir dari rumahnya di Kuala Lumpur menuju ke London pada musim panas akan datang.

Dua cara solat yang sesuai dilakukan oleh Amir mengikut konsep murunah

1. Solat jamak qasar
2. Solat jamak
3. Solat qasar

5.38 Terangkan tiga hikmah diberikan kelonggaran kepada Amir untuk melaksanakan solat dengan cara tersebut

Tiga hikmah diberikan kelonggaran kepada Amir untuk melaksanakan solat dengan cara tersebut

1. Ianya merupakan sebagai satu rukhsah / kemudahan / keringanan dalam beribadat agar umat Islam tidak meninggalkan solat
2. Menunjukkan Islam agama yang tidak menyusahkan / tidak membebankan umatnya dalam melakukan ibadat.
3. Sebagai bukti kasih sayang Allah SWT kepada umat Islam dalam melakukan ibadat
4. Membuktikan bahawa ibadat solat adalah wajib dilaksanakan oleh umat Islam sepanjang hidup mereka
5. Menunjukkan bahawa umat Islam wajib menunaikan perintah Allah SWT walau dalam apa jua keadaan
6. Menarik minat orang bukan Islam terhadap ajaran Islam

5.39 Jelaskan perkaitan antara Murunah dengan Thabat dalam ibadat

Perkaitan antara Murunah dengan Thabat dalam ibadat.

Islam mewajibkan umatnya menutup aurat tetapi dibenarkan berfesyen mengikut kesesuaian dan keselesaan seseorang

1. Islam mewajibkan menunaikan solat walaupun sakit tetapi boleh dilakukan mengikut keadaan seseorang pesakit seperti solat dengan cara duduk atau baring
2. Kewajipan menunaikan ibadat haji sekali seumur hidup tetapi dibenarkan memilih samada melakuakan haji ifrad, tamatuk atau qiran
3. Diwajibkan berpuasa pada bulan Ramadhan tetapi diharuskan berbuka jika mempunyai alasan yang dibenarkan oleh syarak seperti sakit dan bermusafir

5.40 Perkaitan antara Murunah dengan Thabat dalam hukum syariat

Perkaitan antara Murunah dengan Thabat dalam hukum syariat

1. Islam bersifat tetap dalam perkara asas dan prinsip tetapi murunah (anjal) dalam perkara cabang dan pelaksanaanya. Contohnya kewajipan menutup aurat adalah tetap, tetapi cara menutup aurat atau berpakaian di beri kelonggaran kepada manusia mengikut feysen dan keselesaan mereka.
2. Setiap perkara telah ditetapkan asasnya dalam Islam, tetapi terpulanglah kepada manusia untuk melaksanakannya. Contohnya Islam menggalakkan perniagaan dan mengharamkan riba.

1.5.3 : KEISTIMEWAAN PRINSIP PANDANGAN HIDUP ISLAM

5.41 Jelaskan keistimewaan prinsip pandangan hidup Islam Keistimewaan prinsip pandangan hidup Islam

1. Rabaniyyah

1. Ajaran Islam sesuai dengan fitrah semulajadi manusia.
2. Islam datangnya daripada Allah SWT

2. Syumuliyyah

1. Islam merangkumi semua aspek kehidupan manusia samada di dunia dan akhirat
2. Islam menetapkan hukuman yang setimpal dengan kesalahan yang dilakukan

3. Alamiyyah

1. Islam mementingkan perdamaian dan keadilan sejagat tanpa mengira kedudukan dan warna kulit seseorang
2. Islam bersifat sejagat tanpa mengira pangkat dan darjah seseorang.

4. Waqiiyyah.

1. Islam mampu menyelesaikan segala masalah hidup di dunia dan akhirat kerana ajarannya lengkap dan merangkumi setiap aspek kehidupan.
2. Ajaran Islam tidak membebankan orang yang tidak mampu melaksanakan sesuatu ibadat, contohnya ibadat zakat dan haji hanya dikenakan keatas orang yang berkemampuan dan berharta sahaja.

5. Murunah.

1. Islam adalah bersifat sederhana yang tidak membebangkan umatnya dalam amalan sehari-hari. Contohnya solat hanya diwajibkan 5 waktu sahaja sehari semalam.
2. Memberi peluang kepada umat Islam melaksanakan ibadat dalam semua keadaan samada semasa sihat maupun sakit.

6. Thabat

1. Ajaran Islam adalah tetap dan tidak berubah sehingga ke hari kiamat
2. Ajaran Islam adalah sama di semua tempat, masa dan zaman

- 5.42 Jelaskan bukti ajaran Islam bersifat Rabaniyyah, Syumuliyyah, Alamiyyah, Waqijiyyah, Murunah dan thabat**
- Bukti ajaran Islam bersifat Rabaniyyah, Syumuliyyah, Alamiyyah, Waqijiyyah, Murunah dan thabat**

Bil	Prinsip pandangan hidup Islam	Bidang	Bukti
1.	Rabaniyyah	Sosial	Islam menyediakan peraturan perhubungan sesama manusia yang berdasarkan kepada ketakwaan kepada Allah SWT
		Ekonomi	Sistem ekonomi Islam adalah mengambil kira kepada keredaan Allah SWT
		Politik	Islam menjadikan politik sebagai sebahagian daripada agama yang mengambil kira dosa dan pahala
		Ibadat	Ibadat dalam Islam adalah merupakan penyembahan kepada Allah SWT
2.	Syumuliyyah	Sosial	Sistem sosial Islam lengkap dan sempurna yang merangkumi dunia dan akhirat
		Ekonomi	Islam menyediakan pelbagai jenis muamalah dan panduan berjual beli, gadaian, sewaan untuk manusia memenuhi keperluan hidup seperti al-Rahn, al-Wadiyah, al-Takaful dan sebagainya.
		Politik	Sistem politik Islam merangkumi semua aspek kehidupan manusia samada di dunia dan akhirat
		Ibadat	Ibadat dalam Islam merangkumi ibadat khusus dan ibadat umum
3.	Alamiyyah	Sosial	Islam menjamin hak asasi manusia untuk hidup dengan aman dan tenteram kerana Islam mengutamakan keamanan, kedamaian dan kesejahteraan dalam kehidupan manusia
		Ekonomi	Kebebasan dalam memiliki harta dengan cara yang halal.
		Politik	Sistem politik Islam menegakkan kebenaran dan menentang kebatilan, agar hidup lebih aman
		Ibadat	Manusia mendapat ganjaran dan balasan yang sama atas perbuatan mereka iaitu dosa dan pahala

4	Waqiyyah	Sosial	Islam memberi kebebasan kepada individu untuk mengeluarkan pendapat selagi tidak bercanggah dengan syarak..
		Ekonomi	Muamalat Islam melarang penindasan seperti riba, monopoli dalam sistem ekonomi
		Politik	Sistem politik Islam bersifat praktikal dan boleh diamalkan oleh manusia dalam mentadbir negara
		Ibadat	dalam Islam adalah amat sederhana.
5.	Murunah	Sosial	Ajaran Islam adalah bersifat sederhana yang tidak membebankan umatnya dalam amalan sehari-hari
		Ekonomi	Islam membenarkan umatnya mendapatkan harta sebanyak mungkin dengan syarat menepati kehendak syarak dan tidak mengganggu kepentingan orang lain
		Politik	Islam menyediakan pelbagai kaedah menguruskan negara yang boleh diubahsuaikan mengikut peredaran semasa tetapi tidak melanggar batasan hukum syarak.
		Ibadat	Memberi peluang kepada umat Islam melaksanakan ibadat dalam semua keadaan samada semasa sihat maupun sakit.
6.	Thabat	Sosial	Islam melarang umatnya daripada perbuatan mengumpat kerana boleh menimbulkan salah faham dan perbalahan dalam masyarakat
		Ekonomi	Islam mengharamkan perbuatan riba walaupun ia itu boleh memberi keuntungan yang lumayan kerana wujudnya unsur-unsur penindasan
		Politik	Islam tetap melarang unsur-unsur penindasan dan penipuan dalam bidang politik
		Ibadat	Wajib menunaikan ibadat walau dalam apa juar keadaan cuma caranya sahaja yang berbeza

1.5.4. : KEPENTINGAN MENGAMALKAN PRINSIP HIDUP ISLAM

- 5.43 Nyatakan sebab perlu diperlakukan prinsip hidup Islam dalam kehidupan seharian**

Sebab perlu diperlakukan prinsip hidup Islam dalam kehidupan seharian.

1. Ciptaan Allah SWT yang berlandaskan al-Quran dan al-Hadis.
2. Sesuai dengan fitrah semula jadi manusia
3. Bersifat jelas dan praktikal untuk diamalkan oleh manusia
4. Kekal dan tidak berubah sehingga ke hari kiamat

- 5.44 Jelaskan kesan mengabaikan prinsip hidup Islam dalam kehidupan seharian.
Kesan mengabaikan prinsip hidup Islam dalam kehidupan seharian.**

1. Individu

1. Melahirkan individu yang sompong
2. Individu yang malas beribadat kepada Allah SWT
3. Individu berakhlak buruk

2. Masyarakat

1. Melahirkan masyarakat yang pentingkan diri sendiri
2. Masyarakat yang mengambil ringan dengan ajaran agama
3. Golongan miskin akan terbiar

3. Negara

1. Negara akan berpecah belah
2. Negara menjadi huru hara
3. Ekonomi negara akan mundur kerana berlakunya penindasan

1.5.5 : ISLAM SEBAGAI PENYELESAIAN

- 5.45 Contoh pengamalan prinsip hidup Islam dalam kehidupan seharian
Contoh pengamalan prinsip hidup Islam dalam kehidupan seharian**

Bil	Situasi	Pengamalan Prinsip Hidup Islam	Kepentingan
1.	Pembahagian harta pesaka	Pembahagian harta pesaka mengikut hukum faraid, anak lelaki mendapat dua bahagian dan anak perempuan mendapat satu bahagian	Hak dan kedudukan anak perempuan dan ahli keluarga yang lain akan terjamin mengikut hukum Islam

2.	Hak asasi manusia	Setiap orang berhak mengamalkan agama dan adat resam masing-masing	Hak asasi manusia terjaga dan tiada penindasan
3.	Ibadat solat	Solat mesti dilaksanakan dalam apa jua keadaan	Ibadat solat merupakan tiang agama
4.	Musafir	Orang musafir diberikan beberapa keistimewaan dalam beribadat seperti solat jamak dan solat qasar	Ibadat tetap dapat dilaksanakan walaupun dalam apa jua keadaan
5.	Sakit	Ibadat solat boleh dilaksanakan mengikut keadaan seseorang seperti solat sambil duduk, baring dan sebagainya	Orang yang sakit masih boleh beribadat kepada Allah SWT
6	Makanan semasa darurat	Boleh memakan makanan yang diharamkan ketika darurat demi untuk menyelamatkan nyawa	Nyawa manusia akan terpelihara

TEMA 2 : MANUSIA SEBAGAI HAMBA DAN KHALIFAH ALLAH SWT

PELAJARAN 6 : FITRAH KEJADIAN MANUSIA.

2.1.1 : MAKSUD INSAN

6.1 Berikan pengertian insan

Pengertian insan

Insan ialah makhluk ciptaan Allah SWT yang sangat istimewa kerana mereka boleh berfikir, menerima ilmu dan berkehendak

6.2 Jelaskan kronologi penciptaan Nabi Adam menurut al-Quran

Kronologi penciptaan Nabi Adam menurut al-Quran

1. Allah SWT menciptakan Adam a.s dari segumpal tanah. Baginda juga dikenali sebagai Abu al-Basyar iaitu bapa semua manusia
2. Allah SWT menjelaskan kepada Malaikat bahawa Dia akan menciptakan manusia di muka bumi.
3. Allah SWT mempersilakan Adam a.s untuk tinggal di syurga bersama pasangannya Hawa dan menikmati segala kenikmatan yang terdapat di syurga kecuali memakan sejenis buah yang dilarang di dalam syurga
4. Setelah Adam a.s diciptakan Allah SWT memerintahkan para Malaikat dan jin supaya sujud memberi penghormatan sebagai memuliakan Adam a.s. Semua Malaikat sujud kepada Adam a.s kecuali Iblis
5. Iblis telah berasa iri dengan kemuliaan yang dikurniakan kepada Adam a.s lalu mengoda Adam supaya melanggar perintah Allah SWT. Adam terpedaya dengan godaan Iblis lalu melanggar perintah Allah SWT dan di keluarkan dari syurga.

2.1.2 : PROSES KEJADIAN INSAN

6.3 Nyatakan proses kejadian insan menurut Islam

Proses kejadian insan menurut Islam

1. Nutfah (Concentration) - Sperma lelaki dan ovum perempuan bercantum dan disenyawakan di dalam rahim perempuan (Permanian)
2. Alaqah (Zigot) – percantuman nutfah menjadi segumpal darah
3. Mudghah (Embrio) – Alaqah akan menjadi seketul daging. Pada peringkat ini terbentuk tangan, kepala, kaki dan tulang rusuk
4. Izam dan Lahm (Embrio) – Daging akan membaluti tulang sehingga membentuk lembaga manusia yang sempurna fizikalnya
5. Janin (Fetus) – Pada peringkat ini Allah SWT meniupkan roh ke dalam tubuh janin yang berumur empat bulan
6. Bayi (Infant) – dilahirkan apabila cukup tempohnya

6.4 Nyatakan tiga perbezaan antara malaikat, jin dan manusia
Tiga perbezaan antara malaikat, jin dan manusia

Bil	Malaikat	Jin	Manusia
1.	Diciptakan daripada cahaya	Diciptakan daripada api	Diciptakan daripada tanah
2.	Tidak mempunyai nafsu	Mempunyai nafsu	Mempunyai nafsu
3.	Sentiasa taat kepada perintah Allah SWT	Ketaatan dan kepatuhan kepada Allah SWT sentiasa berubah-ubah	Ketaatan dan kepatuhan kepada Allah SWT sentiasa berubah-ubah

6.5 Jelaskan tiga kebaikan memerhati dan memikir kejadian manusia.

Kebaikan memerhati dan memikir kejadian manusia

1. Dapat meningkatkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah SWT
2. Dapat menyedari kelemahan diri manusia dalam semua bidang
3. Dapat mengakui keagungan dan kekuasaan Allah SWT yang Maha Agung

2.1.3 : PERINGKAT ALAM YANG DI LALUI OLEH MANUSIA.

6.6 Terangkan peringkat alam yang di lalui oleh manusia.

Peringkat alam yang dilalui oleh manusia ialah :

1. Alam roh - alam yang dirahsiakan oleh Allah SWT. Roh bermaksud nyawa yang menyebabkan jasad hidup dan bergerak.
2. Alam rahim : Alam ketika manusia berada dalam kandungan ibunya.
3. Alam dunia : Alam nyata yang didiami oleh manusia sekarang. Allah SWT menjadikan alam dunia sebagai tempat manusia beribadat dan menjadi KhalifahNya.
4. Alam barzakh / alam kubur : Alam yang memisahkan antara alam dunia dengan alam akhirat. Barzakh menjadi tempat persinggahan sementara menunggu hari kiamat sesudah kematian seseorang.
5. Alam akhirat : Alam yang kekal abadi setelah terjadinya hari kiamat. Allah SWT memberikan balasan atas segala amalan mereka semasa di dunia.

2.1.4 : KEISTIMEWAAN INSAN

6.7 Terangkan keistimewaan Insan

Keistimewaan insan ialah

1. Memiliki akal fikiran yang dapat membezakan antara yang baik dengan yang buruk.

2. Dilantik sebagai rasul untuk menyampaikan risalah Allah SWT.
3. Makhluk yang berbudaya dan bertamadun yang dapat mencipta kemajuan hidup.
4. Dilantik sebagai khalifah untuk memakmurkan alam Allah SWT.

6.8 Jelaskan ciri-ciri insan yang mempunyai jati diri yang baik.

Ciri-ciri insan yang mempunyai jati diri yang baik.

1. Sentiasa reda dengan ketentuan Allah SWT yang berlaku keatas dirinya.
2. Bersyukur dengan nikmat yang dimiliki dengan cara memanfaatkan ke jalan Allah SWT.
3. Melakukan sesuatu pekerjaan dengan ikhlas kerana Allah SWT.
4. Memiliki jiwa yang mantap dan teguh atas prinsip kebenaran.
5. Memiliki kesempurnaan akhlak seperti menghormati rakan, jiran dan tidak terlalu mencintai dunia.

6.9 Jelaskan cara-cara untuk menjadi orang yang bertakwa.

Cara-cara untuk menjadi orang yang bertakwa

1. Sentiasa taat pada Allah SWT dalam segenap urusan kehidupan seharian.
2. Sentiasa membanyakkan zikir dengan melaksanakan ibadat sunat seperti membaca al-Quran.
3. Sentiasa menyempurnakan ibadat fardu seperti solat 5 waktu sehari semalam.

2.1.5 : KEPENTINGAN MEMELIHARA FITRAH KEJADIAN INSAN

6.10 Apakah yang dimaksudkan dengan fitrah

Maksud fitrah

Fitrah ialah sifat semula jadi yang terdapat pada ciptaan Allah SWT. Contohnya api membakar, air menyejukkan dan sebagainya.

6.11 Jelaskan maksud fitrah kejadian manusia

Maksud fitrah kejadian manusia

Naluri semulajadi manusia yang mengakui adanya Allah SWT sebagai tuhan yang mencipta dan mentadbir alam ini.

6.12 Jelaskan tiga cara memelihara fitrah kejadian manusia

Tiga cara memelihara fitrah kejadian manusia

1. Sentiasa menyedari hakikat kejadian manusia adalah untuk beribadat kepada Allah SWT
2. Mendalami ilmu agama agar hidup lebih diberkati
3. Sentiasa menjauhi maksiat dan perkara yang dilarang oleh Allah SWT

- 6.13 Terangkan tiga cara menjaga fitrah kejadian manusia sebagai hamba dan khalifah Allah SWT.

Tiga cara menjaga fitrah kejadian manusia sebagai hamba dan khalifah Allah SWT.

1. Sentiasa menjaga sikap dan tingkah laku.
2. Sentiasa memupuk akhlak yang mulia dalam diri.
3. Sentiasa menambah ilmu pengetahuan dalam pelbagai bidang.

- 6.14 Nyatakan tiga kepentingan menjaga fitrah kejadian manusia sebagai hamba dan khalifah Allah SWT.

Tiga kepentingan menjaga fitrah kejadian manusia sebagai hamba dan khalifah Allah SWT.

1. Mendapat keredaan dan petunjuk daripada Allah SWT
2. Mengukuhkan keimanan dan menyemai ketakwaan kepada Allah SWT
3. Menerima kebenaran dan menolak kebatilan

2.1.6 : TINDAKAN UNTUK MEMELIHARA FITRAH KEJADIAN INSAN

- 6.15 Nyatakan tiga tindakan untuk memelihara fitrah kejadian insan.

Tiga tindakan untuk memelihara fitrah kejadian insan.

1. Sentiasa melaksanakan ibadah fardu setiap hari seperti solat dan sebagainya
2. Memperbanyak ibadah sunat seperti puasa sunat, bersedekah dan sebagainya
3. Menerapkan nilai-nilai murni dalam kehidupan sehari-hari seperti sentiasa bersyukur dengan segala nikmat Allah SWT

- 6.16 Nyatakan tiga perbezaan antara orang yang menjaga fitrah kejadian insan dengan orang yang mengabaikannya.

Tiga perbezaan antara orang yang menjaga fitrah kejadian insan dengan orang yang mengabaikannya.

Bil	Orang yang menjaga fitrah kejadian insan	Orang yang mengabaikan fitrah kejadian insan
1.	Sentiasa menyedari kelemahan diri	Sentiasa sompong dengan kelebihan yang dikurniakan oleh Allah SWT
2.	Sentiasa berusaha memperbaiki diri kearah yang lebih baik	Sentiasa lalai dengan suasana kehidupan
3.	Sentiasa mengamalkan ajaran Islam dalam kehidupan sehari-hari	Mengabaikan ajaran agama dalam kehidupan

PELAJARAN 7 : TANGGUNGJAWAB SEBAGAI HAMBA DAN KHALIFAH ALLAH SWT

2.2.1 : KONSEP HAMBA DAN KHALIFAH ALLAH SWT

7.1 Terangkan maksud hamba.

Maksud hamba ialah.

Manusia wajib mengabdikan diri hanya kepada Allah SWT dengan mematuhi segala suruhan-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya.

7.2 Terangkan maksud khalifah Allah SWT.

Maksud khalifah Allah SWT.

Manusia wajib mentadbir dan memakmurkan alam ini selari dengan kehendak syariat Islam.

7.3 Jelaskan hubungan antara hamba dan khalifah Allah SWT.

Hubungan antara hamba dan khalifah Allah SWT.

1. Hakikat manusia sebagai hamba Allah SWT bukanlah satu penghinaan sebaliknya adalah satu kemuliaan yang diberikan oleh Allah SWT.
2. Gelaran hamba Allah akan mengingatkan manusia kepada tugas mereka dibangkitkan di dunia ini iaitu untuk beribadat kepada Allah SWT.
3. Gelaran khalifah kepada manusia adalah melambangkan tanggungjawab yang mesti dilakukan oleh manusia bagi memakmurkan alam ini.
4. Konsep khalifah Allah SWT adalah merupakan penyerahan diri kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah Allah SWT dalam bidang akidah, syariat dan akhlak.

7.4 Jelaskan tujuan penciptaan manusia.

Tujuan penciptaan manusia.

1. Untuk mengabdikan diri kepada Allah SWT
2. Untuk memakmurkan alam ini berdasarkan syariat Allah SWT.
3. Menegakkan syariat Allah SWT di atas muka bumi ini.

7.5 Nyatakan dalil bahawa manusia diciptakan untuk beribadah kepada Allah SWT.

Dalil bahawa manusia diciptakan untuk beribadah kepada Allah SWT.

وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّةَ وَالْإِنْسَانَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِ ﴿٥٦﴾

Maksudnya : “ dan ingatlah Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan untuk mereka menyembah dan beribadat kepada-Ku.” (Surah Al-Dzariyat 51:56)

2.2.2: TANGGUNGJAWAB MANUSIA SEBAGAI HAMBA DAN KHALIFAH ALLAH SWT.

- 7.6 Nyatakan dalil bahawa manusia diciptakan untuk memakmurkan bumi Allah SWT berdasarkan syariat Allah SWT.

Dalil bahawa manusia diciptakan untuk memakmurkan bumi Allah SWT berdasarkan syariat Allah SWT.

وَهُوَ الَّذِي جَعَلَكُمْ خَلِيفَ الْأَرْضِ وَرَفَعَ بَعْضَكُمْ فَوْقَ بَعْضٍ دَرَجَاتٍ
لِّيَبْلُوكُمْ فِي مَا عَاهَدَكُمْ ١٦٥

Maksudnya : " Dan Dialah yang menjadikan kamu khalitah di bumi dan meninggikan sesetengah kamu atas sesetengahnya yang lain beberapa darjah kerana ia hendak menguji kamu pada apa yang telah dikurniakan-Nya kepada kamu ..." (Surah al-An'am 6:165)

- 7.7 Jelaskan tanggungjawab insan kepada Allah SWT dan rasul, sesama manusia dan kepada alam.

Tanggungjawab insan kepada Allah SWT dan rasul, sesama manusia dan kepada alam.

1. Kepada Allah SWT dan Rasul

1. Menyembah Alah SWT tanpa mensyirikkan-Nya dengan sesuatu yang lain
2. Mematuhi segala perintah Allah SWT dan menjauhi segala larangan-Nya
3. Bersyukur dengan nikmat pemberian Allah SWT
4. Berselawat dan menteladani sunnah Rasulullah SAW

2. Sesama Manusia

1. Menjalin hubungan silaturahim sesama manusia
2. Memelihara hak sesama manusia seperti memelihara hak jiran
3. Mengamalkan nilai murni dalam masyarakat melalui konsep amar makruf dan nahi mungkar
4. Sentiasa saling hormat menghormati sesama manusia

3. Kepada Alam

1. Mentadbir dan memakmurkan alam secara terancang
2. Menggunakan sumber alam dengan bijaksana dan berkesan
3. Mengiatkan usaha memelihara alam bagi menjaga kelangsungan flora dan fauna
4. Memelihara alam dari pencemaran dengan tidak membuang sampah di merata-rata tempat

7.8 Huraikan sebab manusia perlu memikul tanggungjawab sebagai khalifah Allah SWT di muka bumi.

Sebab manusia perlu memikul tanggungjawab tersebut :

1. Manusia memiliki akal fikiran yang sempurna
2. Manusia memiliki fizikal yang sempurna dan menarik
3. Manusia telah dilantik sebagai khalifah Allah SWT di muka bumi
4. Rasul dilantik daripada kalangan manusia
5. Manusia mahkluk yang berbudaya dan bertamadun

7.9 Berikan dua contoh hubungan manusia dengan Allah SWT

Contoh hubungan manusia dengan Allah SWT melalui

1. Ibadat solat
2. Ibadat Puasa
3. Ibadat Haji

7.10 Berikan dua contoh hubungan manusia sesama manusia

Contoh hubungan manusia dengan sesama manusia

1. Sistem muamalat seperti jual beli
2. Sistem munakahat seperti perkahwinan
3. Sistem sosial sepeerti berbuat baik sesama manusia.

7.11 Jelaskan tiga tanggungjawab manusia sesama manusia

Tiga tanggungjawab manusia sesama manusia

1. Saling hormat menghormati dengan menjaga sensitiviti dan menunjukan akhlak yang baik antara satu sama lain
2. Menjalinkan hubungan yang baik dengan mengeratkan silaturahim dan ziarah menziarahi, kunjung mengunjungi, lawat melawati serta menunaikan hak-hak manusia tanpa mengira darjah
3. Bantu membantu, tolong menolong, menderma dan sentiasa bekerjasama antara satu sama lain

7.12 Huraikan peranan manusia terhadap alam

Peranan manusia terhadap alam

1. Mengurus alam secara bijaksana
2. Memelihara dan memulihara alam dengan sempurna
3. Mengkaji dan menyelidiki khazanah alam untuk kegunaan manusia
4. Memaju dan memakmurkan alam dengan cara yang telah ditetapkan oleh Allah SWT

**7.13 Terangkan akibat mengabaikan tanggungjawab sebagai insan
Akibat mengabaikan tanggungjawab sebagai insan**

1. Berlaku kerosakan di muka bumi seperti banjir dan sebagainya
2. Manusia akan melakukan perkara syirik kepada Allah SWT
3. Manusia menjadi sesat daripada kebenaran
4. Mendapat kemurkaan daripada Allah SWT

**2.2.3: KEPENTINGAN MELAKSANAKAN TANGGUNGJAWAB MANUSIA SEBAGAI
HAMBA DAN KHALIFAH ALLAH SWT**

**7.14 Jelaskan kepentingan manusia melaksanakan tanggungjawab sebagai hamba
dan khalifah Allah SWT kepada agama, pendidikan, politik, ekonomi dan
sosial.**

**Kepentingan manusia melaksanakan tanggungjawab sebagai hamba dan
khalifah Allah SWT kepada**

1. Agama

1. Syariat dan syiar Islam dapat dilaksanakan dengan berkesan
2. Agama Islam dipandang mulia oleh masyarakat lain
3. Ajaran Islam dapat amalkan oleh umat Islam dalam segenap aspek kehidupan

2. Pendidikan

1. Tradisi ilmu pengetahuan berkembang dengan pesat dalam negara
2. Melahirkan ramai orang yang berilmu pengetahuan dalam semua bidang
3. Banyak inovasi dan penyelidikan dihasilkan oleh umat Islam

3. Politik

1. Kestabilan politik terjamin yang dapat melicinkan pentadbiran negara
2. Melahirkan pemimpin yang berintegriti dan bertakwa kepada Allah SWT
3. Negara dan masyarakat menjadi aman dan damai

4. Ekonomi

1. Pembangunan ekonomi dapat dilaksanakan dengan lancar dan berkesan
2. Jurang pendapatan antara kaya dan miskin dalam masyarakat dapat didekatkan
3. Perkembangan ekonomi negara berkembang dengan pesat

5. Sosial

1. Masyarakat menjadi lebih bersatu padu
2. Perbalahan dan persengketaan dalam masyarakat dapat dihapuskan
3. Wujud keharmonian dan perpaduan dalam negara

2.2.4 : TINDAKAN SEBAGAI HAMBA DAN KHALIFAH ALLAH SWT

- 7.15 Cadangan tiga aktiviti pelaksanaan tanggungjawab sebagai hamba dan khalifah Allah SWT

Tiga aktiviti pelaksanaan tanggungjawab sebagai hamba dan khalifah Allah SWT.

Bil	Aktiviti	Kebaikan
1.	Kempen kitar semula	<ol style="list-style-type: none">Dapat membentuk sikap tidak suka membazirMemupuk masyarakat yang mencintai alam sekitarMelatih diri supaya sentiasa menjaga kebersihan alam sekitar
2.	Bengkel kemahiran dan inovasi	<ol style="list-style-type: none">Dapat menjana pemikiran yang kreatif dan inovatifMelahirkan budaya mencipta dalam masyarakatMemupuk budaya berfikir dan mencipta dalam kalangan pelajar
3.	Kem jati diri	<ol style="list-style-type: none">Dapat membentuk keyakinan diri dan kekuatan rohani dalam diri pelajarDapat menambahkan ilmu pengetahuan dalam memimpinDapat membina potensi diri kearah yang lebih baik

- 7.16 Terangkan empat sebab manusia mengabaikan tanggungjawab sebagai hamba dan khalifah Allah SWT

Empat sebab manusia mengabaikan tanggungjawab sebagai hamba dan khalifah Allah SWT

1. Kurang iman dan penghayatan agama dalam diri
2. Mempunyai sikap mementingkan diri sendiri
3. Hilangnya akhlak mulia dalam masyarakat seperti sikap hormat menghormati antara satu sama lain
4. Pengabaian kepada pendidikan menyebabkan masyarakat jahil tentang tanggungjawab mereka

- 7.17 Jelaskan empat kesan pengabaian tanggungjawab sebagai hamba dan khalifah Allah SWT

Empat kesan pengabaian tanggungjawab sebagai hamba dan khalifah Allah SWT

1. Berlaku kerosakan di muka bumi seperti perang, wabak penyakit dan sebagainya
2. Manusia akan melakukan perkara yang boleh merosakkan diri sendiri dan

- negara, seperti melaksanakan sistem sosial yang bercanggah dengan syariat
3. Manusia menjadi sesat dari kebenaran
 4. Mendapat lakaat dan bala daripada Allah SWT

2.2.5 : MELAKSANAKAN TANGGUNGJAWAB SEBAGAI HAMBA DAN KHALIFAH ALLAH SWT

- 7.18 Nyatakan amalan yang boleh dilakukan oleh manusia bagi melaksanakan tanggungjawab sebagai hamba dan khalifah Allah SWT**
- Amalan yang boleh dilakukan oleh manusia bagi melaksanakan tanggungjawab sebagai hamba dan khalifah Allah SWT**
1. Menunaikan solat fardu pada awal waktu
 2. Menjauhi perkara maksiat seperti berjudi
 3. Sentiasa mentaati setiap perintah Allah SWT
 4. Menjalinkan hubungan baik dengan semua makhluk Allah SWT seperti sentiasa berbuat baik sesama manusia
 5. Memelihara alam dengan tidak memusnahkan flora dan fauna dengan sewenang-wenangnya.
 6. Memulihara alam dengan menanam semula pokok-pokok yang telah ditebang.
 7. sentiasa bersungguh-sungguh dalam menuntut ilmu.

PELAJARAN 8 : PERANAN WAHYU DAN AKAL.

2.3.1 : PENGERTIAN WAHYU DAN AKAL

- 8.1 Berikan pengertian wahyu dari segi bahasa dan istilah.**

Pengertian wahyu dari segi bahasa dan istilah.

Bahasa: Isyarat, ilham, panduan, nasihat yang disampaikan ke dalam hati manusia.
Istilah : Kalam Allah atau sesuatu yang disampaikan kepada Nabi dan Rasul melalui perantaraan Malaikat Jibril atau secara langsung mengenai syariat Allah SWT untuk menjamin kebahagiaan hidup di dunia dan akhirat.

- 8.2 Jelaskan ciri-ciri wahyu.**

Ciri-ciri wahyu.

1. Wahyu hanya disampaikan kepada para Nabi dan Rasul
2. Kebenaran wahyu adalah bersifat mutlak
3. Hukum wahyu kekal hingga ke akhir zaman kerana tidak boleh dipinda oleh manusia dan jin.
4. Wahyu mengandungi undang-undang dan syariat Allah SWT
5. Wahyu menerangkan perkara sam'iyat dan perkara ghaib seperti dosa

8.3 Terangkan cara wahyu diturunkan kepada Rasulullah SAW

Cara wahyu diturunkan kepada Rasulullah SAW

1. Rasulullah SAW mendengar seperti deringan loceng yang kuat, lalu Rasulullah SAW tidak menyedari apa yang berlaku disekelilingnya, tetapi baginda dapat mengingati apa yang disampaikan kepadanya.
2. Malaikat Jibril datang menyerupai manusia dan mengajar Rasulullah SAW tentang sesuatu perkara
3. Allah SWT berkata-kata dengan Rasulullah SAW dalam bahasa yang dapat difahami oleh Baginda, seperti dalam peristiwa Isra' dan Mikraj
4. Wahyu disampaikan melalui mimpi yang benar
5. Malaikat Jibril menyampaikan wahyu melalui di sebalik tabir

8.4 Berikan pengertian akal

Pengertian akal ialah:

Anugerah Allah SWT kepada manusia untuk berfikir atau proses berfikir manusia yang dapat membezakan baik dan buruk

8.5 Jelaskan ciri akal.

Ciri-ciri akal.

1. Di anugerahkan oleh Allah SWT kepada manusia
2. Sentiasa berkembang dan berubah atau sentiasa menerima perubahan.
3. Akal tidak mampu memikirkan perkara-perkara ghaib.
4. Sentiasa terdedah kepada kesilapan kerana mempunyai banyak kekurangan

2.3.2 : FUNGSI WAHYU DAN AKAL

8.6 Terangkan peranan wahyu kepada manusia.

Peranan wahyu kepada manusia ialah:

1. Wahyu membetulkan aqidah manusia dan membawa manusia ke jalan yang benar
2. Wahyu membetulkan ajaran agama atau syariat yang telah diselewengkan oleh penganut agama yang terdahulu .
3. Wahyu menerangkan cara-cara melaksanakan ibadat dengan betul.
4. Wahyu mendidik akhlak manusia dengan akhlak yang mulia
5. Wahyu mendorong, membimbing akal untuk membina tamadun manusia yang berlandaskan ajaran agama

8.7 Terangkan peranan akal kepada manusia

Peranan akal kepada manusia

1. Akal dapat membezakan baik dan buruk sesuatu perkara
2. Dengan akal manusia dapat mengenal dan menyakini kewujudan Allah SWT

3. Akal dapat memandu manusia mengamalkan perintah Allah SWT dan RasulNya
4. Akal meletakkan manusia di tahap yang mulia.
5. Akal membolehkan manusia membina tamadun berteraskan wahyu
6. Akal membimbing manusia menjalani kehidupan yang diredai Allah SWT.

8.8 Terangkan fungsi akal manusia terhadap akidah, ibadah dan akhlak.

Fungsi akal manusia terhadap akidah, ibadah dan akhlak.

Bil	Terhadap Akidah	Terhadap Ibadah	Terhadap Akhlak
1.	Memahami hakikat kebesaran dan kekuasaan Allah SWT	Mempelajari cara beribadat yang sebenar	Membezakan antara kebenaran dan kesesatan
2.	Memikirkan hakikat ketuhanan yang sebenar	Memikirkan hakikat sesuatu ibadat yang diwajibkan dalam Islam	Mengkaji akhlak yang mulia dan akhlak yang keji untuk dijadikan sebagai panduan kehidupan
3.	Mengkaji kewujudan Allah SWT melalui ciptaan-Nya	Mengkaji kebaikan melakukan sesuatu ibadat	Memikirkan kebaikan mengamalkan akhlak yang mulia
4.	Membuat penyelidikan untuk menolak akidah yang menyeleweng	Membuat penyelidikan tentang kefarduan sesuatu ibadat	Membuat penyelidikan mengenai keburukan akhlak yang keji

8.9 Huraikan fungsi akal dalam mengenal tuhan.

Fungsi akal dalam mengenal Tuhan.

1. Memahami dan mempelajari wahyu Allah SWT
2. Berfikir mengenai kebesaran Allah SWT dalam kejadian alam dan hakikat kejadian manusia .
3. Berfikir tentang kesempurnaan syariat yang telah diciptakan oleh Allah SWT

8.10 Terangkan peranan akal dalam membentuk umat berkualiti.

Peranan akal dalam membentuk umat berkualiti.

1. Akal membolehkan manusia meneroka pelbagai bidang ilmu dan kemahiran
2. Akal memandu manusia membina tamadun berteraskan wahyu
3. Akal mengangkat martabat manusia ke tahap yang mulia
4. Akal dapat membezakan perkara baik dan buruk.
5. Akal dapat membimbing manusia dalam mengamalkan perintah Allah SWT dan meninggalkan laranganNya

8.11 Nyatakan fungsi akal dalam membangunkan tamadun manusia yang dire dai Allah SWT

Fungsi akal dalam membangunkan tamadun manusia yang dire dai Allah SWT

1. Merekacipta alat yang dapat membantu manusia dalam urusan hidup sehari-hari
2. Memikirkan cara memelihara dan memulihara alam.
3. Memikirkan cara untuk mendekatkan diri dengan Allah melalui sains dan teknologi
4. Memikirkan cara untuk melahirkan masyarakat dan negara yang aman damai.

2.3.3 : KEDUDUKAN WAHYU DAN AKAL

8.12 Jelaskan tiga kedudukan wahyu dalam kehidupan manusia.

Tiga kedudukan wahyu dalam kehidupan manusia.

1. Wahyu merupakan sumber dan panduan kepada manusia.
2. Wahyu merupakan rujukan utama dalam menentukan hukum hakam.
3. Wahyu merupakan petunjuk mutlak yang tidak terpengaruh dengan suasana ataupun peristiwa.

8.13 Terangkan kesan jika undang-undang tidak bersumberkan wahyu

Kesan jika undang-undang tidak bersumberkan wahyu

1. Keadilan tidak terjamin yang menyebabkan berlakunya kezaliman dan pergaduhan dalam masyarakat.
2. Menyalahi dan bercanggah dengan fitrah semulajadi manusia
3. Mudah berlakunya penyelewengan dan terpesong dalam perlaksanaan undang-undang tersebut
4. Sentiasa berlaku perubahan dalam undang-undang tersebut mengikut perubahan manusia

8.14 Mengapakah wahyu tidak boleh dipinda.

Wahyu tidak boleh di pinda kerana:

1. Kebenaran wahyu bersifat mutlak dan tidak boleh di ubah oleh manusia dan jin.
2. Wahyu adalah lengkap dan sempurna yang merangkumi semua aspek kehidupan manusia samada di dunia dan di akhirat.
3. Ajaran wahyu sesuai diamalkan pada setiap keadaan, zaman dan tempat
4. Ajaran wahyu sesuai dengan fitrah semulajadi manusia pada sepanjang zaman.

8.15 Bagaimana cara bersyukur kerana dikurniakan wahyu.

Cara bersyukur kerana dikurniakan wahyu.

1. Mengamalkan syariat wahyu dalam kehidupan sehari-hari seperti menunaikan solat.

2. Meninggalkan segala larangan wahyu seperti mencuri
3. Mendalami dan mengkaji kebenaran wahyu
4. Mengembangkan ajaran wahyu kepada semua manusia.

8.16 Nyatakan empat keistimewaan akal manusia.

Empat keistimewaan akal manusia.

1. Akal manusia sentiasa berkembang mengikut perkembangaan hidup manusia
2. Akal manusia dapat mengenal dan menyakini kewujudan Allah SWT dan RasulNya.
3. Akal dapat memandu manusia mengamalkan perintah Allah SWT dan RasulNya
4. Akal dapat membimbing manusia menjalani kehidupan yang diredai Allah SWT.

8.17 Jelaskan empat kelemahan akal manusia

Empat kelemahan akal.

1. Akal manusia terbatas dan hanya boleh memikirkan perkara yang nyata sahaja.
2. Akal sering berubah-ubah mengikut perubahan manusia.
3. Akal mudah dipengaruhi oleh nafsu dan keadaan semasa.
4. Akal manusia tidak kekal.

8.18 Terangkan empat cara akal membuktikan kebesaran Allah SWT.

Empat cara akal membuktikan kebesaran Allah SWT.

1. Berfikir untuk mencari bukti kewujudan Allah SWT seperti mengkaji kejadian alam dengan itu manusia akan mengakui kewujudan Allah SWT sebagai tuhan yang Maha Esa.
2. Berfikir untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT dengan sentiasa mencari jalan untuk melakukan ibadat dengan lebih sempurna dan berkesan oleh itu manusia akan mengingati Allah SWT sepanjang masa
3. Memikirkan segala ciptaan Allah SWT seperti ciptaan manusia akan menyebabkan manusia mengakui betapa lemahnya manusia dan betapa hebatnya kuasa Allah SWT
4. Mengambil pengajaran daripada setiap kejadian Allah SWT di muka bumi

8.19 Nyatakan cara mensyukuri nikmat kurniaan akal kepada manusia

Cara mensyukuri nikmat kurniaan akal kepada manusia

1. Memastikan akal sentiasa waras dengan sentiasa menjauhi perkara yang merosakkan akal seperti dadah, arak dan lain-lain
2. Menambahkan keimanan kepada Allah SWT dengan sentiasa mendalami dan mengkaji kebesaran Allah SWT melalui penciptaan alam ini
3. Sentiasa berfikir secara rasional dengan menjadikan al-Quran dan al-Sunnah sebagai landasan berfikir.
4. Sentiasa menuntut ilmu pengetahuan yang berguna

2.3.4 : PERKARA YANG MEROSSAKKAN AKAL

8.20 Senaraikan amalan yang boleh merosakkan akal

Amalan yang boleh merosakkan akal

1. Penyalahgunaan dadah
2. Meminum arak
3. Menghidu gam
4. Melihat dan membaca bahan-bahan lucu

2.3.5 : KEPENTINGAN WAHYU DALAM MEMELIHARA AKAL

8.21 Terangkan empat kepentingan wahyu dalam memelihara akal manusia yang sempurna.

Empat kepentingan wahyu dalam memelihara akal manusia yang sempurna.

1. Wahyu memerintahkan manusia menggunakan akal dengan sepenuhnya
2. Wahyu membimbing akal dalam memelihara kebenaran akidah dan iman.
3. Wahyu mempengaruhi akal untuk menghasilkan kemuliaan akhlak dan tingkah laku
4. Wahyu memelihara akal supaya berfikir dan bertindak secara logik serta selari dengan tuntutan syarak

8.22 Huraikan bagaimana proses pemikiran dikawal supaya berlandaskan al-Quran.

Cara proses pemikiran dikawal supaya berlandaskan al-Quran ialah.

1. Hendaklah sentiasa berfikir secara rasional
2. Sentiasa memelihara kewarasan akal
3. Sentiasa berfikir perkara-perkara yang memberi faedah sahaja
4. Sentiasa mengawal proses pemikiran daripada dipengaruhi oleh hawa nafsu dan unsur-unsur negatif

8.23 Nyatakan empat cara wahyu membimbing akal manusia.

Empat cara wahyu membimbing akal manusia.

1. Allah SWT mengarahkan manusia untuk berfikir, mengamati dan mentadabbur ayat-ayat al-Quran dengan menggunakan akal
2. Manusia diarahkan menggunakan akal dalam melihat dan berfikir mengenai kejadian diri mereka sendiri
3. Manusia disuruh menggunakan akal, dengan mengambil iktibar daripada peristiwa yang berlaku pada umat yang terdahulu
4. Akal manusia diarahkan supaya berfikir tentang makhluk ciptaan Allah SWT
5. Akal manusia diarahkan untuk mengamati fenomena alam dan di sekitarnya.

8.24 Akal tanpa wahyu tidak akan dapat memikirkan perkara ghaib. Berikan hujah untuk menyokong pernyataan di atas.

Hujah akal tanpa wahyu tidak dapat memikirkan perkara ghaib

1. Akal manusia terbatas dan hanya boleh memikirkan perkara yang nyata sahaja
2. Akal sering berubah-ubah mengikut perubahan manusia
3. Akal mudah dipengaruhi oleh nafsu dan keadaan semasa
4. Kebenaran wahyu adalah mutlak dan tidak berubah sehingga ke hari kiamat

8.25 Nyatakan sebab-sebab Allah menurunkan wahyu kepada manusia, sedangkan mereka telah dianugerahkan akal.

Sebab-sebab Allah SWT menurunkan wahyu kepada manusia walaupun mereka telah dianugerahkan akal ialah:

1. Kemampuan akal adalah terhad lagi terbatas dan tidak dapat memikirkan perkara ghaib seperti dosa, pahala dan sebagainya
2. Akal tidak seragam dalam menangani sesuatu masalah
3. Akal sering dipengaruhi oleh nafsu.
4. Kebenaran akal bersifat relatif dan sentiasa berubah-ubah

8.26 Jelaskan persoalan yang tidak mampu difikirkan oleh manusia tanpa wahyu.

Persoalan yang tidak mampu difikirkan oleh manusia tanpa wahyu.

1. Perkara-perkara samiyat dan ghaibiyat seperti syurga, neraka, dosa dan sebagainya
2. Cara melaksanakan ibadat yang sebenar
3. Mengenai hakikat sifat dan zat Allah SWT yang sebenar.
4. Mengenai hukum-hukum dalam agama seperti wajib haram, sunat dan sebagainya
5. Ketentuan rezeki, ajal dan jodoh manusia
6. Hakikat kejadian alam semesta

8.27 Jelaskan hujah yang menunjukkan bahawa penggunaan akal semata-mata tidak mampu menyelesaikan masalah manusia tanpa bimbingan wahyu.

Hujah penggunaan akal semata-mata tidak mampu menyelesaikan masalah manusia tanpa bimbingan wahyu adalah seperti berikut.

1. Kebenaran akal bersifat relatif dan sentiasa berubah mengikut perubahan manusia
2. Akal mudah dipengaruhi oleh hawa nafsu
3. Akal sentiasa terdedah kepada kesilapan dan kesalahan
4. Akal hanya dapat memikirkan perkara nyata sahaja

8.28 Mengapakah penggunaan akal semata-mata tidak dapat menjamin kebahagian hidup manusia?

Penggunaan akal semata-mata tidak dapat menjamin kebahagian hidup manusia kerana:

1. Akal tidak dapat menjangkau perkara yang akan datang kerana kemampuan akal adalah terbatas
2. Sebahagian urusan agama tidak dapat difikirkan dengan logik akal
3. Akal manusia mudah terdorong kepada hawa nafsu
4. Kebenaran akal bersifat relatif dan tidak tetap.

2.3.6 : KESELARASAN WAHYU (AL-QURAN) DAN AKAL

8.29 Berikan maksud al-Quran

Maksud al-Quran ialah :

Al-Quran ialah kalam Allah SWT yang diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW melalui Malaikat Jibril untuk disampaikan dan diamalkan oleh manusia. Al-Quran bermukjizat, lafaznya dalam bahasa arab dan maknanya daripada Allah SWT yang termaktub dalam mushaf, dipindahkan secara mutawatir. Al-Quran bermula daripada surah al-Fatiyah dan berakhir dengan surah an-Nas. Membacanya adalah ibadat.

8.30 Nyatakan nama lain bagi al-Quran

Nama lain bagi al-Quran.

1. Al-Kitab (buku)
2. Asy-Syifa (penyembuh)
3. Al-Furqan (membezakan antara benar dan salah)
4. Al-Zikr (Pemberi ingatan)
5. Al-Mauizah (Pengajaran atau Peringatan)
6. Al-Rahmah (Kebaikan)
7. An-Nur (Cahaya)
8. Al-Bayyan (Penjelas)
9. Ar-Rauhu (Roh - Menghidupkan sesuatu)

8.31 Huraikan kesempurnaan kitab Al-Quran

Kesempurnaan kitab Al-Quran :

1. Kandungannya merangkumi pelbagai peraturan hidup, akhlak dan ilmu pengetahuan.
2. Kesucian dan kebenarannya tidak dapat ditandingi oleh manusia dan jin.
3. Kandungan al-Quran kekal dan sesuai diamalkan sehingga ke hari akhirat.
4. Isi kandungannya tidak bercanggah antara satu sama lain.

8.32 Al-Quran diturunkan secara beransur-ansur selama 23 tahun. Jelaskan dua hikmah cara penurunan tersebut.

Dua hikmah cara penurunan al-quran secara beransur-ansur.

1. Untuk memberikan panduan cara hidup Islam kepada masyarakat jahiliyah
2. Untuk menjawab persoalan yang dikemukakan oleh para sahabat pada masa itu.
3. Memudahkan para sahabat menghafaz, memahami, menghayati dan mengamalkan ayat-ayat yang turun pada ketika itu.
4. Untuk meneguh dan menenangkan jiwa Rasulullah SAW dalam menyampaikan dakwahnya kepada masyarakat Arab pada waktu itu
5. Bagi memudahkan ajaran Islam diterima

8.33 Nyatakan keistimewaan al-Quran berbanding dengan kitab-kitab sebelumnya.

Keistimewaan al-Quran berbanding dengan kitab-kitab sebelumnya.

1. Kandungan al-Quran sesuai untuk semua bangsa, tempat dan zaman
2. Isi kandungan al-Quran kekal dan terpelihara sehingga ke hari kiamat
3. Keindahan bahasa al-Quran tidak dapat ditandingi oleh mana-mana kitab lain
4. Al-Quran dapat membimbing manusia mencapai kebahagian dunia dan akhirat.
5. Membacanya mendapat pahala sepuluh ganjaran bagi setiap huruf.
6. Keluasan ilmu al-Quran merangkumi semua bidang kehidupan manusia.

8.34 Apakah yang dimaksudkan dengan Azali

Maksud azali ialah

Azali adalah merujuk kepada ilmu Allah SWT yang hakiki, qadim, kekal dan mutlak. Manakala ilmu yang ada pada manusia sentiasa berubah-ubah mengikut keadaan dan masa serta tidak kekal.

8.35 Islam membahagikan ilmu kepada ilmu fardu ain dan ilmu fardu Kifayah.

Nyatakan maksud kedua-dua ilmu tersebut

Maksud ilmu fardu ain dan fardu kifayah

1. Ilmu Fardu Ain

Ilmu yang wajib dipelajari dan diketahui oleh setiap umat Islam yang mukalaf seperti ilmu yang berkaitan dengan amalan yang wajib diketahui dan diamalkan oleh setiap umat Islam. Orang yang tidak mempelajari ilmu ini akan berdosa. Contohnya ilmu tentang solat, bersuci dan sebagainya

Ilmu yang berkaitan dengan Syariah, Akidah dan Akhlak Contoh: ilmu tajwid, ilmu solat, ilmu zakat dan sebagainya.

2. Ilmu Fardu kifayah

Ilmu yang wajib dipelajari oleh setiap umat Islam, tetapi jika sudah ada sebahagian daripada umat Islam mempelajari ilmu tersebut, maka orang lain terlepas daripada kewajipan tersebut contohnya ilmu perubatan, pertanian dan sebagainya

8.36 Nyatakan empat faedah anda mempelajari ilmu fardu kifayah

Empat faedah anda mempelajari ilmu fardu kifayah

1. Meluaskan ilmu pengetahuan dalam pelbagai bidang seperti kejuruteraan, kedoktoran dan sebagainya
2. Memajukan diri dengan pelbagai ilmu pengetahuan yang berguna
3. Memberi sumbangan, khidmat, idea, tenaga atau ilmu kepada kemajuan negara seperti bertugas sebagai jurutera dan sebagainya
4. Meningkatkan imej diri kerana dapat menyumbangkan idea dan tenaga dalam membangunkan negara
5. Memupuk sifat positif dalam diri seperti berakhlik mulia dan bantu membantu
6. Mendapat keberkatan Allah SWT kerana telah melaksanakan perintah Allah SWT
7. Mendekatkan diri serta dapat meningkatkan keimanan kepada Allah SWT

8.37 Terangkan tiga bidang ilmu yang terdapat dalam al-Quran

Ilmu yang terdapat dalam al-Quran

1. Ilmu Sains
2. Ilmu Ekonomi
3. Ilmu Falak
4. Ilmu Akidah

8.38 Nyatakan dua hujah yang membuktikan al-Quran sebuah kitab yang lengkap

Dua hujah yang membuktikan al-Quran sebuah kitab yang lengkap

1. Bersifat Rabaniyyah iaitu datangnya daripada Allah SWT
2. Bersifat waqiiyyah iaitu sesuai dengan fitrah semulajadi manusia kerana mengandungi semua peraturan hidup manusia
3. Bersifat syumuliyyah iaitu lengkap dan merangkumi pelbagai ilmu samada ilmu dunia dan akhirat
4. Bahasanya indah serta tidak dapat ditandingi oleh mana-mana manusia dan jin
5. Bersifat mutlak iaitu kandungannya kekal dan tidak berubah-ubah hingga ke hari kiamat
6. Bersifat alamiyyah iaitu isi kandungannya sesuai sepanjang zaman

8.39 Terangkan bukti bahawa al-Quran merupakan kitab yang sempurna

Bukti bahawa al-quran merupakan kitab yang sempurna.

1. Wahyu al-Quran mengandungi pelbagai ilmu pengetahuan seperti ilmu sains, kedoktoran, geografi dan sebagainya.
2. Wahyu al-Quran tidak dapat ditandingi oleh mana-mana kitab agama lain dalam semua sudut samada bahasa, kandungan dan sebagainya.
3. Wahyu al-Quran terjamin daripada sebarang perubahan dan pemalsuan sehingga ke hari kiamat kerana ianya dijga oleh Allah SWT sendiri.
4. Wahyu al-Quran menjawab semua permasalahan hidup manusia samada masalah sekarang maupun yang akan datang.
5. Kandungan al-Quran sesuai diamalkan oleh semua bangsa, tempat dan zaman

8.40 Berikan perbezaan antara al-Quran dengan hadis

Perbezaan antara al-Quran dengan hadis

Bil	Al-Quran	Al-Hadis
1.	Lafaz dan makna al-Quran datangnya daripada Allah SWT	Lafaznya daripada Rasulullah SAW manakala maknanya daripada Allah SWT
2.	Membacanya akan mendapat pahala	Mengamalkan hadis mendapat pahala
3.	Orang yang berhadas tidak boleh menyentuh al-Quran	Hadis boleh di sentuh walaupun dalam keadaan berhadas besar

8.41. Jelaskan cara anda kembali kepada al-Quran

Cara kembali kepada al-Quran :

1. Menyelesaikan segala masalah yang berlaku dengan berpandukan kepada ajaran al-Quran
2. Mengkaji dan mempelajari ilmu-ilmu yang terdapat di dalam al-Quran
3. Menjadikan al-Quran sebagai panduan hidup seharian
4. Mengamalkan segala ajaran al-Quran dalam kehidupan seharian
5. Mengkaji kebenaran al-Quran

8.42 Nyatakan bentuk-bentuk pemikiran yang menyalahi al-Quran / syarak

Bentuk-bentuk pemikiran yang menyalahi al-Quran / syarak :

1. Memikirkan cara untuk merosakkan manusia lain, harta benda atau alam ini
2. Mencipta alatan yang boleh memusnah dan merosakkan manusia dan alam
3. Berfikir untuk kepentingan diri sendiri
4. Berfikiran negetif terhadap nikmat Allah SWT

8.43 Huraikan pemikiran yang menepati al-Quran / syarak

Pemikiran yang menepati al-Quran / syarak :

1. Pemikiran yang menjurus kepada mencari kebenaran. Umpamanya berfikir tentang kebesaran Allah SWT
2. Berfikir untuk memaju dan memakmurkan alam.
3. Berfikir untuk mencipta peralatan baru yang boleh memberi faedah kepada manusia sejagat
4. Berfikir perkara-perkara yang positif dan mengelakkan daripada fikiran negetif seperti berkhayal
5. Berfikir untuk memajukan diri, keluarga, agama dan bangsa
6. Berfikir secara rasional.

8.44 Bagaimanakah al-Quran dan al-Hadis membimbang akal.

Cara al-Quran dan al-Hadis membimbang akal.

1. Menjelaskan perkara-perkara ghaib yang tidak mampu difikir oleh akal.
2. Menetapkan batasan hukum supaya diikuti oleh akal agar tidak menyeleweng.
3. Memberi panduan untuk mengenal Allah SWT.
4. Membimbang akal supaya dapat berfikir dengan rasional

8.45 Nyatakan perbezaan di antara wahyu dan akal.

Perbezaan di antara wahyu dan akal:

Bil	Wahyu	Akal
1.	Wahyu tidak boleh diubah / dipinda	akal boleh berubah ubah
2.	Wahyu adalah kekal	akal bersifat sementara.
3.	Wahyu menerangkan perkara sam'iyat dan perkara ghaib	akal memikirkan perkara yang zahir sahaja
4.	Wahyu hanya diturunkan kepada Nabi dan Rasul	dimiliki oleh semua manusia
5.	Wahyu merupakan kalam Allah	hasil pemikiran manusia.
6.	Wahyu merupakan kebenaran yang mutlak	terdedah kepada salah dan silap
7.	Wahyu telah terhenti penurunannya	akal terus berkembang .

- 8.46 Jelaskan tiga perbezaan antara perbuatan yang berasaskan wahyu dengan perbuatan yang berasaskan akal.

Tiga perbezaan antara perbuatan yang berasaskan wahyu dengan perbuatan yang berasaskan akal.

Bil	Perbuatan Berasaskan Wahyu	Perbuatan Berasaskan Akal
1.	Keadilan terjamin kerana mengikut cara yang telah ditetapkan oleh Allah SWT	Keadilan tidak terjamin yang menyebabkan berlakunya kezaliman dan pergaduhan dalam masyarakat.
2.	Sesuai dengan fitrah semulajadi manusai	Menyalahi dan bercanggah dengan fitrah semulajadi manusia
3.	Terhindar daripada penyelewengan dan penyalahgunaan daripada tujuan asal	Mudah berlakunya penyelewengan dan terpesong dari tujuan asal.

TEMA 3 : SISTEM SOSIAL ISLAM

PELAJARAN 9 : ASAS SISTEM SOSIAL ISLAM

3.1.1 : KONSEP SISTEM SOSIAL ISLAM.

- 9.1 Terangkan pengertian sistem sosial Islam.

Pengertian sistem sosial Islam:

Sistem yang mengawal dan memberi panduan berkaitan cara manusia berhubung antara satu sama lain untuk mencapai kehidupan bermasyarakat yang harmoni dan aman damai.

- 9.2 Jelaskan ciri-ciri sistem sosial Islam

Ciri-ciri sistem sosial Islam:

1. Bersifat rabani iaitu dicipta oleh Allah SWT
2. Perhubungan sesama manusia adalah berdasarkan atas dasar takwa dan keimanan kepada Allah SWT.
3. Pergaulan sesama manusia adalah mengikut lunas-lunas Islam
4. Sentiasa mengamalkan akhlak yang mulia dalam pergaulan.
5. Sentiasa mengutamakan kepentingan umum daripada kepentingan individu.

9.3 Nyatakan sumber utama sistem sosial Islam.

Sumber utama sistem sosial Islam.

1. Al-Quran :

Kalam Allah SWT yang diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW melalui perantaraan Malaikat Jibril atau secara langsung untuk membimbing manusia ke jalan yang benar demi kebahagiaan mereka di dunia dan akhirat

2. Al-Sunnah / Al-Hadis :

Segala perkataan, perbuatan atau pengakuan Rasulullah tentang sesuatu perkara yang melibatkan hukum Islam.

3. Al-Ijma' :

Persepakatan para ulamak mujtahid tentang sesuatu perkara yang tidak dinyatakan dengan jelas hukumnya di dalam al Quran dan al Hadis selepas kewafatan Rasulullah SAW

4. Al-Qias :

Menyandarkan hukum bagi sesuatu perkara baru kepada sesuatu perkara yang telah termaktub hukumnya di dalam al Quran dan al Sunnah kerana persamaan dari segi Illat. Contoh : Pengharaman tuak diqiasaskan dengan pengharaman arak

9.4 Nyatakan matlamat sistem sosial Islam

Matlamat sistem sosial Islam

1. Untuk mendapatkan keredaan Allah SWT
2. Untuk merealisasikan keadilan sosial kepada semua rakyat
3. Untuk melaksanakan hak dan tanggungjawab dengan sebaik-baiknya
4. Untuk mencapai kesejahteraan dan keharmonian hidup di dunia dan di akhirat
5. Untuk memupuk semangat berkerjasama antara anggota masyarakat
6. Untuk memupuk ukhuwah Islamiah tanpa mengira warna kulit dan keturunan

3.1.2 : ADAB DAN ETIKA BERDASARKAN SISTEM SOSIAL ISLAM

9.5 Terangkan pengertian adab dan etika berdasarkan sistem sosial Islam.

Pengertian adab dan etika berdasarkan sistem sosial Islam.

Pengertian adab :

Tingkah laku sopan, berbudi bahasa atau pekerti yang halus dan mulia

Pengertian etika :

Prinsip moral atau nilai-nilai akhlak yang menjadi pegangan seseorang individu atau sesuatu kumpulan manusia

9.6 Nyatakan perbezaan antara adab dan etika.

Perbezaan antara adab dan etika.

Bil	Adab	Etika
1.	Adab mementingkan hubungan antara manusia dan Allah SWT	Etika lebih mementingkan hubungan sesama manusia sahaja
2.	Adab menjurus atau bersandarkan kepada Al-Quran dan hadis Rasullullah dan contoh kepada pekara berkaitan keagamaan	Etika lebih menjurus kepada sentimen masyarakat
3.	Adab mempunyai nilai yang mutlak atau dalam kata lain adalah tetap	Etika mempunyai nilai yang tidak mutlak, sentiasa berubah-ubah mengikut adat sesebuah masyarakat

9.7 Antara matlamat sistem sosial Islam adalah untuk menghubungkan sesama manusia dan makhluk lain. Nyatakan dua fungsi matlamat tersebut.

Dua fungsi tersebut ialah

1. Untuk mendapat keredaan Allah SWT dalam kehidupan sehari-hari
2. Untuk merealisasikan keadilan sosial kepada masyarakat
3. Untuk melaksanakan hak dan tanggungjawab dengan sebaik-baiknya
4. Untuk memakmurkan, memelihara dan memulihara alam mengikut ajaran Islam
5. Untuk mencapai kesejahteraan, keharmonian dan keamanan hidup di dunia dan akhirat

9.8 Nyatakan aspek sosial Islam yang boleh berubah dan tidak boleh berubah
Aspek sosial Islam yang boleh berubah dan tidak boleh berubah

Bil	Boleh Berubah	Tidak Boleh Berubah
1.	Fesyen pakaian	Hukum menutup aurat
2.	Kaedah mencari dan memiliki harta	Peraturan mencari dan memiliki harta
3.	Cara menuntut ilmu	Hukum menuntut ilmu

9.9 Antara nilai murni sistem sosial Islam ialah ukhuwwah Islamiah, berkasih sayang sesama makhluk dan hormat menghormati. Bincangkan Huraian nilai murni sistem sosial Islam

1. Ukuwwah Islamiah

Sistem sosial Islam menjadikan semua manusia adalah bersaudara tanpa mengira

warna kulit, kedudukan atau pangkat seseorang. Persaudaraan dalam Islam adalah berlandaskan keimanan dan ketakwaan kepada Allah SWT

2. Kasih sayang sesama makhluk

Islam mewajibkan umatnya supaya sama-sama menjaga kebajikan dan keperluan semua manusia tanpa mementingkan diri sendiri dan berprasangka buruk

3. Hormat menghormati/ toleransi / bertolak ansur

Masyarakat Islam wajib hormat menghormati antara satu sama lain dalam pergaulan sehari-hari

- 9.10 Sistem sosial Islam dikatakan sistem hidup yang terbaik jika dibandingkan dengan sistem bukan Islam. Huraikan.

Bandingan sistem sosial Islam dengan sistem sosial bukan Islam.

Bil	Sistem sosial Islam	Sistem bukan Islam
1.	Berasaskan al-Quran	berdasarkan pemikiran manusia
2.	Berdasarkan kepada ukhuwah Islamiyyah	berdasarkan kedudukan, warna kulit dan lain-lain.
3.	Mementingkan urusan dunia dan akhirat	mementingkan kebendaan dan keduniawan semata-mata

- 9.11 “ Sesungguhnya orang-orang mukmin itu bersaudara “ (al-Hujurat: 10) Nyatakan usaha-usaha untuk memperkuatkan persaudaraan / ukhuwah Islamiyah dalam kalangan masyarakat.

Usaha-usaha untuk memperkuatkan persaudaraan / ukhuwah Islamiyah dalam kalangan masyarakat.

1. Sentiasa mengamalkan amalan ziarah menziarahi antara satu sama lain
2. Sentiasa memberi dan menjawab salam semasa bertemu dengan orang lain
3. Sentiasa menunaikan solat secara berjemaah
4. Sentiasa mengamalkan sikap tolong menolong dan bantu membantu

- 9.12 Nyatakan kesan sekiranya orang mukmin memutuskan tali persaudaraan
Kesan sekiranya orang mukmin memutuskan tali persaudaraan

1. Berlaku permusuhan, pergaduhan dan perpecahan dalam masyarakat.
2. Menggugat kestabilan negara kerana rakyat berpecah belah
3. Melemahkan kesatuan umat Islam dalam semua segi
4. Umat Islam mudah dijajah dan dipermainkan oleh bangsa asing kerana tidak bersatu

9.13 Hubungan kekeluargaan amat penting di dalam sistem sosial Islam Jelaskan pernyataan di atas.

Alasan yang menyatakan hubungan kekeluargaan amat penting di dalam sistem sosial Islam:

1. Sistem sosial Islam melahirkan individu yang mampu menyumbang kearah pembentukan masyarakat berkualiti
2. Sistem sosial Islam melahirkan ahli masyarakat yang berakhlik mulia.

9.14 Huraikan kewajipan seorang muslim terhadap masyarakat

Kewajipan seorang muslim terhadap masyarakat

1. Sentiasa menziarahi ketika mereka sakit
2. Sentiasa membantu ketika dalam kesusahan
3. Sentiasa memberi salam ketika bertemu
4. Sentiasa tolong menolong dalam perkara kebajikan

9.15 Bagaimakah cara untuk mencapai sistem sosial Islam yang bersifat Rabbani

Cara mencapai sistem sosial Islam yang bersifat Rabbani

1. Mengenal dan menghayati sistem sosial Islam
2. Berusaha memperkuuh perpaduan antara satu sama lain
3. Berusaha mencapai kebahagiaan diri, keluarga dan masyarakat berdasarkan syariat Islam

9.16 Huraikan implikasi pengabaian tanggungjawab sosial

Implikasi pengabaian tanggungjawab sosial

1. Perbalahan dan perpecahan keluarga akan berlaku yang menyebabkan terlerainya kasih sayang.
2. Keharmonian, perpaduan dan kesejahteraan masyarakat dan negara akan tergugat yang menyebabkan masyarakat berpecah belah.
3. Sumber alam tidak dapat dimanfaatkan untuk kesejahteraan masyarakat menyebabkan berlakunya bencana alam seperti tanah runtuh dan banjir.
4. Gejala sosial seperti jenayah akan berleluasa dalam masyarakat, menyebabkan masyarakat hidup dalam ketakutan.
5. Penyelewengan tanggungjawab dan amanah akan berleluasa seperti rasuah, pecah amanah dan sebagainya.

3.1.3 : HAK ASASI MANUSIA.

9.17 Terangkan pengertian hak asasi manusia menurut Islam.

Pengertian hak asasi manusia menurut Islam:

Hak asasi manusia ialah hak-hak asasi yang diperlukan oleh setiap manusia untuk menjalani kehidupan dengan sejahtera.

9.18 Nyatakan empat hak asasi manusia yang di jamin oleh Islam.

Empat hak asasi manusia yang di jamin oleh Islam

1. Kebebasan beragama
2. Kehormutan diri
3. Kebebasan bersaudara
4. Pemilikan harta
5. Perlindungan nyawa

9.19 Jelaskan bukti yang menunjukkan Islam mampu menjamin hak asasi manusia.

Bukti Islam mampu menjamin hak asasi manusia.

1. Islam memberikan kebebasan mengamalkan agama masing-masing selagi tidak mengganggu agama kaum lain
2. Islam melindungi nyawa, akal dan kesihatan dengan menjatuhkan hukuman Qisas untuk menjaga nyawa, pengharaman dadah untuk memelihara akal dan kesihatan.
3. Islam memberi kebebasan bersuara selagi tidak menfitnah orang lain
4. Islam memberi kebebasan memiliki harta kepada manusia dengan mengsyariatkan hukum hudud untuk jaga harta dengan cara yang halal
5. Islam memelihara kehormatan maruah diri manusia dengan mengharamkan zina supaya tidak dihina.
6. Islam mengadakan hukuman hudud untuk menjaga harta benda daripada dicuri dan dicerobohi oleh orang lain
7. Islam mengutamakan keamanan dalam masyarakat bagi mengekalkan keharmonian negara
8. Setiap rakyat berhak mendapatkan pendidikan bagi membangunkan potensi diri mereka

3.1.4 : KEISTIMEWAAN SISTEM SOSIAL ISLAM

9.20 Nyatakan empat keistimewaan sistem sosial Islam.

Empat keistimewaan sistem sosial Islam.

1. Bersumberkan al-Quran dan al-Sunnah.
2. Menjaga hak asasi manusia.
3. Menjadikan keluarga sebagai asas masyarakat sejahtera.
4. Membangunkan modal insan yang berilmu dan berakhlik mulia.

3.1.5 : MEREALISASIKAN SISTEM SOSIAL ISLAM DALAM KEHIDUPAN

9.21 Jelaskan empat cara mengaplikasikan hak asasi manusia dalam kehidupan sehari-hari.

Empat cara mengaplikasikan hak asasi manusia dalam kehidupan sehari-hari.

1. Islam memberikan kebebasan kepada semua manusia dalam mengamalkan ajaran agama masing-masing selagi tidak mengganggu agama orang lain
2. Islam melindungi nyawa, akal dan kesihatan dengan menjatuhkan hukuman Qisas untuk menjaga nyawa dan pengharaman dadah untuk memelihara akal dan kesihatan.
3. Islam memberi kebebasan memiliki harta kepada manusia dengan mensyariatkan hukum hudud untuk menjaga harta dengan cara yang halal
4. Islam memelihara kehormatan maruah diri manusia dengan mengharamkan zina supaya tidak dihina.

9.22 Nyatakan kepentingan sistem sosial Islam kepada agama, politik, ekonomi, pendidikan dan perpaduan.

Kepentingan sistem sosial Islam kepada agama, politik, ekonomi, pendidikan dan perpaduan.

1. Agama

1. Melahirkan masyarakat yang mentaati perintah Allah SWT dalam kehidupan
2. Syiar Islam dapat ditegakkan dalam masyarakat
3. Hak dan kebebasan beragama dapat di praktikkan dalam masyarakat
4. Pentadbiran masyarakat dan negara adalah bersumberkan prinsip akidah, syariah dan akhlak
5. Perhubungan antara manusia adalah berteraskan panduan wahanu Allah SWT

2. Politik

1. Menjamin kestabilan politik berdasarkan syariah Islam
2. Memastikan pemerintahan dilaksanakan dengan adil dan amanah
3. Perlaksanaan sistem pentadbiran Islam dilaksanakan secara menyeluruh

4. Pentadbiran Islam dapat ditegakkan dalam negara
5. Keadilan sosial adalah berteraskan keadilan Islam

3. Ekonomi

1. Menegakkan keadilan ekonomi dalam masyarakat berdasarkan kepada sistem jual beli dan mengharamkan riba
2. Memberi kebebasan kepada semua pihak berusaha mencari harta dan memiliki kekayaan secara halal
3. Islam menjamin hak individu untuk mendapatkan harta dengan cara yang halal
4. Islam menganjurkan manusia berusaha meningkatkan taraf hidup dengan mencari harta secara halal
5. Harta yang diperolehi mestilah dinafkahkan kepada keluarga dan membantu golongan yang kurang bernasib baik

4. Pendidikan

1. Membangunkan sistem pendidikan holistik yang meliputi ilmu fardu ain dan fardu kifayah
2. Mementingkan penguasaan ilmu pengetahuan dan pendidikan
3. Melahirkan individu yang terdidik dengan ilmu pengetahuan dan akhlak yang mulia
4. Hak untuk mendapatkan ilmu pengetahuan dapat dilaksanakan dalam masyarakat
5. Ilmu pengetahuan adalah berlandaskan kepada ketakwaan kepada Allah SWT

5. Perpaduan

1. Mewujudkan masyarakat yang saling menghormati antara satu sama lain
2. Dapat menyemai sikap saling memahami antara ahli masyarakat
3. Islam mengharamkan perbuatan yang boleh merosakkan perpaduan masyarakat seperti mengumpat dan fitnah
4. Merealisasikan keadilan sosial kepada seluruh ahli masyarakat
5. Mewujudkan semangat saling bantu membantu untuk kebaikan bersama dalam masyarakat

9.23. Jelaskan empat kesan pengabaian hak asasi manusia.

Empat kesan pengabaian hak asasi manusia.

1. Berlakunya perbalahan dalam masyarakat kerana berleluasanya penindasan dalam masyarakat
2. Masyarakat berpecah belah kerana berleluasanya sifat mementingkan diri sendiri
3. Gejala sosial seperti jenayah berleluasa dalam masyarakat
4. Berleluasanya amalan rasuah, pecah amanah dan sebagainya

PELAJARAN 10 : SISTEM KEKELUARGAAN ISLAM

3.2.1 : KONSEP KEKELUARGAAN ISLAM

10.1 Terangkan pengertian keluarga menurut Islam.

Pengertian keluarga menurut Islam.

Keluarga ialah unit sosial yang dihubungkan melalui pertalian darah, perkahwinan atau pengambilan anak angkat. Asas keluarga adalah terdiri daripada suami, isteri dan anak-anak.

10.2 Jelaskan ciri-ciri kekeluargaan Islam

Ciri-ciri kekeluargaan Islam:

1. Dibina berdasarkan ketaatan kepada Allah SWT
2. Sentiasa mengamalkan akhlak mulia dan contoh teladan yang baik
3. Melaksanakan peranan dan tanggungjawab masing-masing
4. Sentiasa berkomunikasi secara positif dalam masyarakat
5. Sentiasa memberi sokongan antara satu sama lain.

10.3 Terangkan empat matlamat institusi kekeluargaan Islam.

Empat matlamat institusi kekeluargaan Islam.

1. Melahirkan generasi yang bertakwa kepada Allah SWT.
2. Membentuk kesempurnaan akhlak mulia.
3. Memastikan kelangsungan zuriat manusia melalui ikatan pernikahan yang sah.
4. Dapat melaksanakan ajaran Islam dalam semua aspek kehidupan.

10.4 Jelaskan pengertian nikah menurut Islam

Pengertian nikah menurut Islam.

Ikatan yang teguh antara lelaki dan perempuan melalui akad nikah yang sah untuk hidup bersama, tolong-menolong dan menunaikan naluri seks secara halal

10.5 Nyatakan Empat kepentingan sesebuah perkahwinan.

Empat kepentingan sesebuah perkahwinan.

1. Dapat memupuk perasaan kasih sayang antara suami isteri dan anak-anak dengan itu dapat melahirkan ketenangan jiwa dalam kehidupan sehari-hari
2. Dapat menghindarkan daripada perbuatan maksiat seperti zina, khalwat dan sebagainya dalam masyarakat.
3. Dapat mengeratkan hubungan silaturahim antara kedua belah pihak.
4. Dapat memelihara nasab dan keturunan manusia dengan sempurna

10.6 Empat cara sesebuah perkahwinan menjadi ibadat.

Empat cara sesebuah perkahwinan menjadi ibadat.

1. Niat perkahwinan adalah kerana Allah SWT
2. Segala kaifiat perkahwinan hendaklah mengikut hukum syarak
3. Niat perkahwinan adalah kerana untuk mengikut sunnah Rasulullah.
4. Semua ahli keluarga melaksanakan tanggungjawab masing-masing berdasarkan hukum Islam.

3.2.2 : PERANAN AHLI KELUARGA

10.7 Nyatakan peranan suami, isteri, peranan suami isteri, anak-anak dalam sesebuah rumah tangga

Peranan suami, isteri, peranan suami isteri, anak-anak dalam sesebuah rumah tangga

1. Suami

1. Sebagai pemimpin keluarga
2. Memastikan setiap ahli keluarga mentaati perintah Allah SWT dan menjauhi larangan-Nya
3. Menyediakan keperluan asas seperti makanan, minuman, pakaian dan tempat tinggal kepada ahli keluarga

2. Isteri

1. Taat kepada suami dalam hal-hal yang tidak bertentangan dengan perintah Allah SWT
2. Membantu suami dalam mendidik anak-anak
3. Mengurus hal ehwal rumah tangga seperti menjaga harta suami dengan baik

3. Suami dan Isteri

1. Memelihara dan mendidik anak-anak dengan ajaran Islam
2. Menghubungkan hubungan silaturahim antara kedua-dua belah keluarga
3. Mengamalkan akhlak mulia dan sopan santun dalam pergaulan sesama ahli keluarga

4. Anak-anak

1. Mematuhi ajaran Islam dalam kehidupan sehari-hari
2. Menjauhi perbuatan mungkar dalam kehidupan
3. Menjaga maruah ibu bapa dan keluarga

10.8. Jelaskan empat kebaikan jika semua ahli keluarga melaksanakan peranan masing-masing .

Empat kebaikan jika semua ahli keluarga melaksanakan peranan masing-masing .

1. Semua pihak dapat melaksanakan tanggungjawab terhadap rumah tangga dengan sempurna mengikut bidang dan tugas masing-masing
2. Perintah agama dapat diperaktikkan dalam keluarga
3. Sikap hormat menghormati dan berkasih sayang wujud dalam keluarga
4. Keluarga tersebut dapat menghindarkan perbuatan maksiat dalam kehidupan berkeluarga.

10.9. Terangkan empat kesan buruk jika ahli keluarga gagal melaksanakan peranan masing-masing.

Empat kesan buruk jika ahli keluarga gagal melaksanakan peranan masing-masing.

1. Kehidupan ahli keluarga akan menderita, kucar kacir dan tiada kebahagiaan dalam keluarga
2. Menyebabkan ahli keluarga mudah terlibat dengan perkara-perkara yang menyalahi hukum syarak seperti sumbang mahram dan sebagainya
3. Kehidupan keluarga tersebut tidak mendapat keberkatan daripada Allah SWT.
4. Menyebabkan ahli keluarga tersebut jahil dalam ilmu agama

10.10 Nyatakan faktor kebahagiaan sesebuah rumah tangga.

Faktor kebahagiaan sesebuah rumah tangga.

1. Setiap pasangan mestilah melaksanakan tanggungjawab masing-masing dengan ikhlas
2. Mewujudkan hubungan silaturahim dalam kalangan anggota keluarga setiap pasangan
3. Sentiasa tegur menegur dan nasihat menasihati antara satu sama lain
4. Sentiasa menjauhi perkara mungkar dalam rumah tangga
5. Sentiasa menjaga amanah dalam kehidupan berrumah tangga

10.11 Terangkan empat faktor berlakunya perceraian dalam rumah tangga.

Empat faktor berlakunya perceraian dalam rumah tangga

1. Suami atau isteri yang tidak taat kepada perintah Allah SWT
2. Tiada persefahaman antara suami dan isteri dalam urusan rumah tangga
3. Pasangan suami isteri tidak dapat melaksanakan tanggungjawab dalam sesebuah rumah tangga
4. Berlakunya kecurangan dalam rumah tangga

10.12 Berikan lima cara pembubaran perkahwinan dalam Islam

Lima cara pembubaran perkahwinan dalam Islam.

1. Talak - Pembubaran perkahwinan dengan lafaz cerai oleh pihak suami
2. Fasakh - pembatalan atau pembubaran perkahwinan antara suami isteri melalui perintah Mahkamah
3. Khuluk - Suatu perceraian yang diminta oleh isteri daripada suaminya dengan memberikan sejumlah wang atau harta benda lain kepada suaminya
4. Taklik - Lafaz cerai yang dikaitkan dengan suatu janji yang telah dibuat oleh suami selepas akad nikah disempurnakan
5. Lian - Sumpah suami yang disertakan dengan laknat dari Allah untuk menolak hukuam qazaf disebabkan tuduhan zina terhadap isteri atau menafikan nasab tanpa saksi yang jelas. Perkahwinan tersebut akan terbubar dengan sendirinya

3.2.3 : KEPENTINGAN PEMBINAAN KELUARGA

10.13 Terangkan empat kepentingan membina keluarga yang bahagia.

Empat kepentingan membina keluarga yang bahagia.

1. Memenuhi naluri semulajadi manusia untuk hidup berpasangan berdasarkan lunas-lunas Islam
2. Dapat mengamalkan sunnah Rasulullah SAW
3. Memastikan kelangsungan zuriat manusia melalui ikatan perkahwinan yang sah
4. Memelihara diri daripada maksiat dan penyakit yang berbahaya

10.14 Terangkan empat matlamat institusi kekeluargaan Islam.

Empat matlamat institusi kekeluargaan Islam.

1. Melahirkan generasi yang bertakwa kepada Allah SWT.
2. Membentuk kesempurnaan akhlak mulia.
3. Memastikan kelangsungan zuriat manusia melalui ikatan pernikahan yang sah.
4. Dapat melaksanakan ajaran Islam dalam semua aspek kehidupan.

3.2.4 : PEMBINAAN KELUARGA ISLAM

10.15 Jelaskan empat cara membina keluarga Islam

Empat cara membina keluarga Islam

1. Semua ahli keluarga mesti melakukan tanggungjawab masing-masing dengan baik
2. Sentiasa mengamalkan sikap bersefahaman, bertolak ansur dan berkasih sayang dalam keluarga
3. Semua ahli keluarga mesti amanah dan jujur dalam semua urusan
4. Semua ahli keluarga mesti sentiasa berkerjasama dalam melakukan kebajikan.
5. Semua ahli keluarga sentiasa menjadikan agama sebagai asas berkeluarga

10.16 Jelaskan tiga aktiviti dalam membina keluarga yang bahagia menurut Islam

Tiga aktiviti dalam membina keluarga yang bahagia menurut Islam

1. Solat berjemaah
2. Beriadah dan berekreasi secara bersama
3. Sentiasa makan bersama
4. Meraikan kejayaan ahli keluarga secara bersama

3.2.5 : PELAKSANAAN TANGGUNGJAWAB AHLI KELUARGA

10.18 Terangkan empat kesan pelaksanaan tanggungjawab terhadap keluarga.

Empat kesan pelaksanaan tanggungjawab terhadap keluarga.

1. Mewujudkan kerukunan dalam sebuah rumahtangga
2. Suami isteri hidup dalam keadaan berkashif sayang
3. Anak-anak membesar dengan penuh kasih sayang
4. Pengamalan Islam dapat diterapkan dalam keluarga

PELAJARAN 11 : PRINSIP PERGAULAN MENURUT ISLAM

3.3.1 : KONSEP PERGAULAN DALAM ISLAM

11.1 Terangkan pengertian pergaulan menurut Islam.

Pengertian pergaulan menurut Islam.

Komunikasi dan perhubungan antara individu dengan individu yang lain berteraskan syariah Islam.

11.2 Jelaskan ciri-ciri pergaulan menurut Islam

Ciri-ciri pergaulan menurut Islam :

1. Bermatlamatkan keimanan kepada Allah SWT.
2. Mengutamakan keamanan dan keharmonian hidup
3. Berlandaskan syariah Islam
4. Bekerjasama dalam perkara kebaikan dan mencegah kemungkaran
5. Memberikan panduan berinteraksi sesama manusia berdasarkan ajaran Islam

11.3 Jelaskan tiga asas pergauluan menurut Islam.

Tiga asas pergauluan menurut Islam.

Bil	Asas Pergaulan	Cara
1.	Saling mengenali antara satu sama lain (Taaruf)	<ol style="list-style-type: none">Memberi salam ketika bertemuMengenali latar belakang antara satu sama lainBerkomunikasi dengan sopan
2.	Saling memahami (Tafahum)	<ol style="list-style-type: none">Bersikap lapang dada dan pemaafSaling nasihat menasihati antara satu sama lainMenjauhi sikap adu domba (namimah)
3.	Saling bekerjasama kearah kebaikan (Taawum)	<ol style="list-style-type: none">Saling tolong menolong kearah kebaikanPrihatin antara satu sama lainMenghulurkan bantuan kepada golongan yang memerlukan

11.4 Nyatakan empat matlamat pergauluan dalam Islam.

Empat matlamat pergauluan dalam Islam.

- Dapat memelihara kesucian dan maruah umat Islam
- Membentuk masyarakat yang harmoni, saling memahami dan membantu antara satu sama lain
- Melahirkan manusia yang bertakwa, istiqamah dan berdisiplin
- Mewujudkan sebuah masyarakat yang bersatu padu.

11.5 Jelaskan sebab Islam menggalakkan umatnya mengamalkan akhlak mulia dalam pergauluan.

Sebab Islam menggalakkan umatnya mengamalkan akhlak mulia dalam pergauluan

- Untuk menjaga jiwa dan akhlak umat Islam dengan akhlak yang mulia
- Dapat memelihara maruah diri, masyarakat dan negara
- Mengelakkan daripada berlakunya maksiat dan penzinaan
- Untuk mendapatkan keredaan Allah SWT

3.3.2 : ADAB PERGAULAN DALAM ISLAM

11.6 Terangkan adab pergauluan dalam Islam

Adab pergauluan dalam Islam

1. Menjaga tutur kata supaya tidak menyakiti hati orang lain
2. Berlaku adil dan ihsan terhadap semua manusia
3. Menghormati dan tidak menghina orang lain
4. Bersangka baik kepada orang lain
5. Menjaga batasan pergauluan antara lelaki dengan perempuan
6. Menjaga batasan aurat

11.7 Jelaskan cara mengamalkan adab pergauluan dalam Islam.

Cara mengamalkan adab pergauluan dalam Islam

1. Sentiasa memberi salam ketika bertemu dan meninggalkan sesuatu majlis
2. Sentiasa bercakap dengan menggunakan bahasa yang baik dan bersopan
3. Sentiasa berbaik sangka pada diri sendiri serta orang lain.
4. Sentiasa bersedia untuk menolong sesiapa sahaja yang memerlukan bantuan.

11.8 Terangkan empat kebaikan mengamalkan adab dalam pergauluan

Empat kebaikan mengamalkan adab dalam pergauluan

1. Adab dalam pergauluan dapat mengangkat martabat seseorang di sisi Allah SWT.
2. Menjadikan seseorang itu disukai oleh orang ramai
3. Menghindarkan prasangka dalam masyarakat
4. Mewujudkan keharmonian dan keamanan dalam masyarakat.

11.9 Nyatakan empat kesan buruk jika gagal mengamalkan adab dalam pergauluan

Empat kesan buruk jika gagal mengamalkan adab dalam pergauluan

1. Melahirkan sebuah masyarakat yang saling curiga mencurigai antara satu sama lain
2. Berlakunya perbalahan dalam masyarakat
3. Wujudnya masyarakat yang mementingkan diri sendiri
4. Masyarakat akan menjadi porak peranda

3.3.3 : SIFAT MAHMUDAH DALAM PERGAULAN

11.10 Terangkan Pengertian sifat mahmudah dalam pergauluan.

Pengertian sifat mahmudah dalam pergauluan

Sifat mahmudah dalam pergauluan ialah sifat terpuji yang diamalkan oleh seseorang individu semasa berinteraksi dengan orang lain dalam pergauluan.

11.11 Jelaskan empat contoh sifat mahmudah dalam pergauluan

Empat contoh sifat mahmudah dalam pergauluan

1. Ikhlas – melakukan sesuatu kebaikan semata-mata kerana Allah SWT
2. Benar – Bersikap benar dalam percakapan, perbuatan dan niat di dalam hati
3. Amanah – melaksanakan tanggungjawab mengikut prosedur serta tidak mempunyai kepentingan peribadi
4. Penyayang – saling menyayangi antara sesama masyarakat
5. Sopan – beradab sopan dan berbudi bahasa dalam pergauluan dengan semua pihak.
6. Menghormati – mengamalkan sikap menghormati terhadap ahli keluarga, kenalan dan juga antara sesama ahli masyarakat
7. Bersangka baik – berfikiran positif terhadap semua pihak
8. Bekerjasama – melakukan sesuatu secara bersama-sama dan melakukan yang terbaik untuk mencapai kejayaan.

11.12 Berikan empat cara memupuk sifat mahmudah dalam pergauluan

Empat cara memupuk sifat mahmudah dalam pergauluan

1. Mempelajari ilmu pengetahuan yang benar
2. Dilatih dan dipupuk sejak dari kecil lagi
3. Sentiasa mempraktikkan sifat mahmudah dalam pergauluan sesama manusia
4. Sentiasa mengamalkan nilai-nilai Islam dalam pergauluan
5. Membudayakan sifat mahmudah dalam masyarakat

11.13 Terangkan pengertian sifat mazmumah dalam pergauluan.

Pengertian sifat mazmumah dalam pergauluan.

Sifat mazmumah dalam pergauluan ialah sifat-sifat keji yang diamalkan oleh seseorang individu semasa berinteraksi dengan orang lain semasa bergaul

11.14 Nyatakan Empat contoh sifat mazmumah dalam pergauluan

Empat contoh sifat mazmumah dalam pergauluan

1. Dengki - perasaan iri hati dengan kejayaan dan kelebihan orang lain
2. Fitnah - menyampaikan cakap seseorang kepada orang lain dengan menambah fakta tidak benar supaya orang yang mendengar menjadi benci dan marah.
3. Ghibbah – Memperkatakan keburukan seseorang di belakangnya.

4. Ujub - bangga akan diri sendiri dengan merasa kagum terhadap diri sendiri kerana kelebihan yang ada padanya

11.15 Nyatakan empat cara menghindari sifat mazmumah dalam pergaulan.

Empat cara menghindari sifat mazmumah dalam pergaulan

1. Pandai memilih kawan yang berakhhlak mulia dalam pergaulan
2. Mengetahui keburukan sifat mazmudah.
3. Sentiasa berinteraksi dengan orang ramai dengan bersopan dan berakhhlak
4. Sentiasa menambahkan ilmu pengetahuan dengan mengikuti ceramah agama dan sebagainya

11.16 Terangkan empat keburukkan sifat mazmumah dalam pergaulan

Empat keburukkan sifat mazmumah dalam pergaulan

1. Akan dibenci dan dikeji oleh masyarakat
2. Wujudnya perpecahan dalam masyarakat
3. Mewujudkan perasaan sompong dan bangga diri
4. Berlakunya fitnah mengfitnah dalam masyarakat

3.3.4 : KEPENTINGAN PRINSIP PERGAULAN ISLAM

11.17 Jelaskan empat kepentingan prinsip pergaulan dalam Islam

Empat kepentingan prinsip pergaulan dalam Islam.

1. Dapat memelihara kesucian dan maruah umat Islam
2. Dapat membentuk masyarakat yang harmoni, saling memahami dan membantu antara satu sama lain
3. Melahirkan manusia yang bertakwa, beristiqamah dan berdisiplin
4. Mengukuhkan institusi perkahwinan dan kekeluargaan

11.18 Terangkan empat keistimewaan prinsip pergaulan Islam

Empat keistimewaan prinsip pergaulan Islam

1. Dapat meningkatkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah SWT
2. Melahirkan sebuah masyarakat yang aman dan harmoni
3. Melahirkan sebuah masyarakat yang bersatu padu
4. Syariah Islam dapat ditegakkan dalam masyarakat

11.19 Nyatakan empat cara mewujudkan masyarakat yang harmoni melalui prinsip pergaulan.

Empat cara mewujudkan masyarakat yang harmoni melalui prinsip pergaulan.

Bil	Prinsip Pergaulan Islam	Cara Mewujudkan Masyarakat Harmoni
1.	Bermatlamatkan keimanan kepada Allah SWT	Keimanan kepada Allah SWT akan menyebabkan seseorang itu sentiasa mendekatkan diri kepada Allah SWT dengan beribadat dan sebagainya
2.	Berlandaskan Syariah Islam	Sentiasa mengingati dosa dan pahala dalam pergaulan
3.	Menghormati antara satu sama lain	Menjadikan seseorang itu akan merendah diri dan berlapang dada dengan kesilapan yang dilakukan oleh orang lain
4.	Bekerjasama dalam perkara kebaikan dan mencegah kejahanatan	Melahirkan sebuah masyarakat yang aman dan harmoni

3.3.5 : PELAKSANAAN PRINSIP PERGAULAN ISLAM

11.20 Berikan maksud ummah sejahtera

Maksud ummah sejahtera ialah

Umat yang hidup dengan aman dan makmur serta terpelihara daripada bencana dan perbuatan dosa.

11.21 Jelaskan maksud pergaulan bebas

Maksud pergaulan bebas

Bergaul atau bercampur di antara lelaki dan perempuan ajnabi (yang sah kahwin) tanpa mengira batasan agama dan syariah Islam.

11.22 Nyatakan empat sebab berlakunya pergaulan bebas.

Empat sebab berlakunya pergaulan bebas.

1. Kurangnya didikan agama dalam diri seseorang
2. Mengikut tuntutan hawa nafsu dan bisikan syaitan
3. Terpengaruh dengan budaya barat
4. Sukakan hiburan dan hidup berpeleseran

11.23 Terangkan empat kesan buruk pergaulan bebas.

Empat kesan buruk pergaulan bebas.

1. Merosakkan jiwa dan akhlak
2. Menyuburkan perzinaan
3. Merosakkan maruah diri, masyarakat dan negara
4. Membawa kepada kemurkaan Allah SWT

11.24 Jelaskan empat cara mengatasi masalah pergaulan bebas.

Empat cara mengatasi masalah pergaulan bebas.

1. Menambahkan ilmu agama dengan sentiasa mendengar ceramah agama
2. Mengamalkan cara hidup Islam
3. Pandai memilih kawan yang beriman kepada Allah SWT
4. Sentiasa mengawal diri daripada perlakuan yang melanggar hukum Islam

PELAJARAN 12 : HIBURAN MENURUT ISLAM

3.4.1 : KONSEP HIBURAN MENURUT ISLAM

12.1 Terangkan maksud hiburan menurut Islam.

Maksud hiburan menurut Islam.

ialah sesuatu perkara yang dapat menghiburkan dan mengembirakan hati seseorang yang selari dengan kehendak syarak.

12.2 Terangkan empat ciri hiburan yang dibenarkan dalam Islam.

Empat ciri hiburan yang dibenarkan dalam Islam.

1. Bertujuan untuk mengagungkan Allah SWT dan mendidik jiwa
2. Hiburan yang tidak bercanggah dengan kehendak syariah Islam
3. Meliputi aspek iman dan akhlak
4. Hiburan sebagai memenuhi tututan fitrah semula jadi manusia

12.3 Jelaskan dalil harus berhibur menurut Islam

Dalil harus berhibur menurut Islam:

أَنَّ أَبَا بَكْرَ، دَخَلَ عَلَيْهَا وَالنَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عِنْدَهَا يَوْمَ فِطْرٍ أَوْ أَضْحَى،
وَعِنْدَهَا قَيْتَنَ {تَعَبِّيَانَ} إِمَّا تَفَادَقَتِ الْأَنْصَارُ يَوْمَ بُعَاثَ. فَقَالَ أَبُو بَكْرٍ مِزْمَارُ الشَّيْطَانِ
مَرْتَبَّينِ. فَقَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ « دَعْهُمَا يَا أَبَا بَكْرٍ، إِنَّ لِكُلِّ قَوْمٍ عِيدًا، وَإِنَّ
عِيدَنَا هَذَا الْيَوْمُ »

Maksudnya: Suatu hari Abu Bakar r.a datang melawatnya pada hari Raya Aidilfitri atau Aidiladha, dan Nabi Muhammad SAW ada bersamanya pada hari

itu. Bersama Aisyah juga ada dua orang penyanyi wanita yang sedang menyanyikan lagu kaum Ansar tentang hari Bu'ath. Maka Abu Bakar pun berkata "seruling syaitan" sebanyak dua kali. Maka Nabi SAW pun berkata "biarkan mereka berdua wahai Abu Bakar, sesungguhnya bagi setiap kaum ada hari perayaan, dan hari ini merupakan hari raya bagi kita." (Sahih al-Bukhari (3931) dan Sahih Muslim (892))

12.4 Jelaskan empat konsep hiburan dalam Islam.

Empat konsep hiburan dalam Islam.

1. Hiburan yang berteraskan nilai akhlak Islam
2. Hiburan yang tidak bercanggah dengan hukum syarak
3. Hiburan yang boleh meningkatkan keimanan kepada Allah SWT
4. Sentiasa memelihara ibadah ketika berhibur.

12.5 Nyatakan empat jenis hiburan dalam Islam.

Empat jenis hiburan dalam Islam..

1. Alunan zikir
2. Bersukan yang menepati syarak
3. Membaca al-Quran
4. Alunan nasyid yang menepati syarak

3.4.2 : ADAB DAN ETIKA DALAM BERHIBUR MENURUT ISLAM

12.6 Jelaskan empat adab dan etika berhibur menurut Islam.

Empat adab dan etika berhibur menurut Islam.

1. Menjaga batas pergaulan ketika berhibur
2. Memakai pakaian yang menutup aurat
3. Acara hiburan tersebut tidak bercanggah dengan hukum syarak
4. Hiburan tersebut tidak sampai mengganggu ketenteraman awam

3.4.3 : KEPENTINGAN ADAB DAN ETIKA BERHIBUR MENURUT ISLAM

12.7 Terangkan empat kepentingan adab dan etika berhibur menurut Islam.

Empat kepentingan adab dan etika berhibur menurut Islam.

1. Dapat meningkatkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah SWT
2. Mengetahui batasan dalam berhibur
3. Dapat menjaga jiwa dan maruah diri seseorang
4. Akan menghasilkan hiburan yang selari dengan nilai akhlak Islam

12.8 Jelaskan tiga kebaikan hiburan kepada seseorang individu.

Tiga kebaikan hiburan kepada seseorang individu.

1. Dapat menenangkan jiwa.
2. Dapat mendidik jiwa dan mengagungkan Allah SWT.
3. Dapat memenuhi fitrah semulajadi manusia yang sukaan hiburan.
4. Dapat membina akhlak yang mulia.

12.9 Jelaskan empat sebab Islam mementingkan etika dan adab dalam berhibur

Empat sebab Islam mementingkan etika dan adab dalam berhibur

1. Untuk meningkatkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah SWT.
2. Untuk menjaga batasan dan akhlak Islam semasa berhibur
3. Untuk memastikan hiburan tersebut selaras dengan kehendak syarak
4. Memastikan akidah terjaga walaupun berhibur

3.4.4 : HIBURAN DALAM KEHIDUPAN

12.10 Nyatakan tiga ciri hiburan yang dilarang dalam Islam

Tiga ciri hiburan yang dilarang dalam Islam

1. Hiburan yang melalaikan manusia daripada mengingati Allah SWT
2. Hiburan yang mengagung-agungkan manusia
3. Hiburan yang mendorong kepada maksiat
4. Hiburan yang merosakkan akidah seseorang

12.11 Jelaskan tiga cara hiburan yang negetif meresap masuk kedalam pemikiran umat Islam

Tiga cara hiburan yang negetif meresap masuk kedalam pemikiran umat Islam

1. Melalui lirik-lirik lagu yang mengagung-agungkan manusia
2. Melalui gaya persembahan yang boleh mengundang maksiat
3. Melalui pergaulan bebas yang di terapkan dalam hiburan tersebut

12.12 Nyatakan empat bentuk hiburan yang melampau

Empat bentuk hiburan yang melampau

1. Hiburan yang mementingkan keseronokan atau kesenangan hidup duniawi semata-mata.
2. Hiburan yang mencemari nilai-nilai murni kesopanan dan kesusilaan sesebuah masyarakat
3. Hiburan yang boleh menimbulkan angkara negatif seperti pergaulan bebas
4. Hiburan yang merugikan masa, tenaga dan wang ringgit.

12.13 Jelaskan empat punca berlakunya hiburan yang melampau.

Empat punca berlakunya hiburan yang melampau.

1. Kurangnya didikan agama yang sempurna.
2. Sikap masyarakat yang lebih mementingkan diri sendiri.
3. Terpengaruh dengan budaya hedonisme yang mementingkan keseronakan dan hiburan semata-mata.
4. Kemunculan teknologi yang memudahkan manusia berhibur seperti internet dan sebagainya.

12.14 Nyatakan empat kesan buruk hiburan yang melampau

Empat kesan buruk hiburan yang melampau.

1. Melahirkan masyarakat yang sukakan keseronakan dan berhibur semata-mata
2. Meningkatkan gejala sosial dalam kalangan remaja dan belia
3. Menyebabkan generasi muda lupa akan matlamat hidup yang sebenar.
4. Menggagalkan usaha kerajaan untuk melahirkan masyarakat yang berwawasan dan berilmu pengetahuan

3.4.5 : APLIKASI HIBURAN SEBAGAI IBADAH

12.15 Nyatakan penghayatan dalam berhibur menurut Islam

Tiga penghayatan dalam berhibur menurut Islam

1. Berhibur secara sederhana dan tidak melampaui batas
2. Tidak mengganggu dan menzalimi orang lain
3. Hiburan yang tidak mengandungi unsur-unsur yang boleh merosakkan akidah dan mengundang maksiat.
4. Sentiasa menghormati dan mengutamakan waktu beribadah

PELAJARAN 13 : KESENIAN MENURUT ISLAM

3.5.1 : KONSEP KESENIAN ISLAM

13.1 Terangkan maksud kesenian menurut Islam.

Maksud kesenian menurut Islam.

ialah aktiviti seni atau hasil karya yang dicipta dengan menggunakan bakat dan kreativiti manusia bagi menzahirkan keindahan dan kehalusan yang menepati syarak

13.2 Jelaskan dalil Islam mengharuskan karya seni

Dalil Islam mengharuskan karya seni

إِنَّ اللَّهَ جَمِيلٌ يُحِبُّ الْجَمَالَ

Maksudnya: Sesungguhnya Allah SWT itu cantik, dan suka akan kecantikan.

Hadis Sahih Muslim (91)

13.3 Terangkan empat ciri kesenian yang dibenarkan menurut Islam.

Empat ciri kesenian yang dibenarkan menurut Islam.

1. Kesenian yang boleh meningkatkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah SWT
2. Kesenian yang mementingkan akhlak dan kebenaran
3. Kesenian yang tidak mengandungi unsur maksiat kepada Allah SWT
4. Kesenian yang tidak merosakkan akidah Islam

13.4 Jelaskan empat konsep kesenian dalam Islam.

Empat konsep kesenian dalam Islam.

1. Kesenian yang mengagungkan Allah SWT
2. Kesenian yang berteraskan syariah Islam
3. Kesenian yang meliputi aspek iman dan akhlak
4. Kesenian yang bersifat menyeluruh yang meliputi fizikal dan kerohanian

13.5 Nyatakan Empat bentuk kesenian dalam Islam.

Empat jenis hiburan dalam Islam..

1. Tulisan (Khat) – segala tulisan yang cantik untuk hiasan
2. Penulisan – seni kesusasteraan
3. Lukisan dan arca – Lukisan keindahan alam yang tidak termasuk benda-benda yang bernyawa yang boleh menjadi pujaan seperti haiwan, manusia atau patung
4. Gambar fotografi – fotografi yang tidak mendedahkan aurat dan menghairahkan.

13.6 Jelaskan empat matlamat kesenian menurut Islam.

Empat matlamat kesenian menurut Islam.

1. Dapat memberi ketenangan kepada jiwa manusia
2. Dapat meningkatkan ketakwaan dan keimanan kepada Allah SWT
3. Dapat meningkatkan daya intelek dan emosi manusia kearah yang lebih baik
4. Dapat memenuhi fitrah semulajadi manusia yang sukakan kepada sesuatu yang indah

13.7 Terangkan empat bentuk kesenian yang diharamkan dalam Islam.

Empat bentuk kesenian yang diharamkan dalam Islam

1. Kesenian yang mengandungi unsur-unsur pemujaan kepada berhala
2. Kesenian yang mengandungi unsur maksiat
3. Kesenian yang boleh merosakkan akidah
4. Kesenian yang boleh melalaikan seseorang daripada mengingati Allah SWT

3.5.2 : ADAB DAN ETIKA KESENIAN MENURUT ISLAM

13.8 Jelaskan maksud adab dan etika kesenian dalam Islam.

Maksud adab dan etika kesenian dalam Islam

Menjaga peraturan dan tata cara kesenian yang dipersembahkan agar selaras dengan hukum syarak dan dapat mendekatkan diri kepada Allah SWT serta dapat memberi ketenangan jiwa.

13.9 Nyatakan empat adab dan etika kesenian dalam Islam

Empat adab dan etika kesenian dalam Islam

1. Menghasilkan kesenian yang boleh meningkatkan keimanan kepada Allah SWT
2. Hasil seni yang tidak bercanggah dengan syariah Islam
3. Kesenian yang berteraskan nilai dan akhlak Islam
4. Hasil seni yang tidak merosakkan akidah dan maksiat kepada Allah SWT

13.10 Jelaskan tiga cara menerapkan adab dan etika kesenian Islam dalam kehidupan sehari-hari

Tiga cara menerapkan adab dan etika kesenian Islam dalam kehidupan sehari-hari

1. Memberi panduan kepada masyarakat dalam menghasilkan kerja seni agar menepati nilai-nilai seni Islam
2. Sentiasa mengambil kira asas dan batasan akidah semasa berkarya
3. Sentiasa mengambil kira akhlak Islam semasa berkarya

13.11 Nyatakan tiga halangan yang dihadapi dalam menerapkan etika dan adab kesenian Islam dalam kehidupan sehari-hari

Tiga halangan yang dihadapi dalam menerapkan etika dan adab kesenian Islam dalam kehidupan sehari-hari

1. Tiadanya garis panduan yang jelas daripada pihak berkuasa mengenai adab dan etika kesenian dalam Islam.
2. Kurangnya ilmu pengetahuan mengenai kesenian Islam.
3. Masyarakat lebih mengagumi dan menghargai kesenian bukan Islam .

13.12 Jelaskan cara menjadikan kesenian Islam sebagai asas kesenian individu

Cara menjadikan kesenian Islam sebagai asas kesenian individu

1. Menyediakan garis panduan yang jelas mengenai kesenian Islam
2. Memberi pendidikan dan pengetahuan kepada masyarakat tentang kesenian Islam
3. Memberi ganjaran yang sesuai kepada pengiat seni Islam

13.13 Terangkan tiga perbezaan antara adab dan etika kesenian Islam dengan bukan Islam.

Tiga perbezaan antara adab dan etika kesenian Islam dengan bukan Islam

Bil	Adab dan Etika Kesenian Islam	Adab dan Etika Kesenian Bukan Islam
1.	Kesenian yang boleh meningkatkan ketakwaan dan keimanan kepada Allah SWT	Tidak mementingkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah SWT
2.	Berteraskan nilai akhlak Islam	Berteraskan nilai dan adat masyarakat setempat
3.	Bebas daripada unsur maksiat kepada Allah SWT	Mengandungi unsur maksiat kepada Allah SWT

3.5.3 : KEPENTINGAN ADAB DAN ETIKA KESENIAN MENURUT ISLAM

13.14 Jelaskan kepentingan adab dan etika kesenian kepada individu, masyarakat dan negara

Kepentingan adab dan etika kesenian kepada individu, masyarakat dan negara

1. Individu

1. Melahirkan individu yang taatkan kepada perintah Allah SWT
2. Menambahkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah SWT
3. Dapat memberi ketenangan jiwa
4. Dapat memupuk bakat dan minat kepada kesenian Islam

2. Masyarakat

1. Dapat mengeratkan hubungan silaturahim sesama masyarakat
2. Melahirkan masyarakat yang beriman dan berakwa kepada Allah SWT
3. Melahirkan masyarakat yang menghargai seni
4. Menyebabkan masyarakat memahami dan berminat dengan kesenian Islam

3. Negara

1. Melahirkan negara yang mempunyai ketamadunan dan kesenian yang berasaskan Islam
2. Syiar Islam dapat ditegakkan dalam negara
3. Melahirkan negara yang aman dan harmoni
4. Melahirkan sebuah negara yang berseni

13.15 Terangkan keburukan tidak mengamalkan adab dan etika kesenian Islam

Keburukan tidak mengamalkan adab dan etika kesenian Islam

1. Melahirkan individu yang mementingkan diri sendiri
2. Melahirkan golongan artis yang tidak mempunyai akhlak Islam
3. Karya yang dihasilkan gagal mendekatkan masyarakat kepada ajaran Islam

13.16 Terangkan empat sebab kesenian barat yang boleh merosakkan kesenian Islam

Empat sebab kesenian barat yang boleh merosakkan kesenian Islam

1. Kesenian barat mementingkan aspek keindahan tanpa menekankan aspek moral dan akhlak
2. Kesenian barat tidak mengambil kira hukum halal dan haram dalam berkarya
3. Konsep kesenian barat, hanya menekankan nilai-nilai estetika yang tinggi yang mampu memberi kepuasan, kegembiraan dan keselesaan kepada naluri manusia sahaja.
4. Kesenian barat akan menyebabkan seseorang semakin jauh daripada Allah SWT.

3.5.4 : KESENIAN DALAM KEHIDUPAN

13.17 Jelaskan cara memertabatkan kesenian Islam dalam kehidupan seharian

Cara memertabatkan kesenian Islam dalam kehidupan seharian

1. Menerapkan kesenian Islam dalam sistem persekolahan
2. Memberi ganjaran yang sewajarnya kepada pengiat seni Islam
3. Menjadikan kesenian Islam sebagai kesenian negara

3.5.5 : APLIKASI KESENIAN SEBAGAI IBADAH

13.18 Jelaskan tiga cara menerapkan kesenian Islam dalam kehidupan seharian

Tiga cara menerapkan kesenian Islam dalam kehidupan seharian

1. Mengamalkan adab dan etika kesenian Islam dalam menghasilkan karya seni
2. Sentiasa mengambil kira hukum halal dan haram semasa berkarya
3. Sentiasa menjadikan penghasilan karya seni sebagai ibadah kepada Allah SWT

13.19 Jelaskan cara anda mengaplikasikan kesenian Islam dalam kehidupan

Cara saya mengaplikasikan kesenian Islam dalam kehidupan seharian.

1. Saya sentiasa menyukai kesenian yang bermotifkan alam sekitar
2. Saya sentiasa menghiasi kediaman saya dengan khat dari ayat-ayat al-Quran dan hadis nabawi.
3. Saya suka mendengar bacaan ayat suci al-Quran dan lagu-lagu yang berunsurkan nasihat.